

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2019

**HARI ISNIN : 15 JULAI 2019**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO DR NOOR AZMI BIN GHAZALI  
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kos menangani isu penagihan dadah dapat dikurangkan jika penagih diberi kaedah rawatan seperti *Medical Assisted Therapy* (MAT) daripada kaedah Zero Tolerance yang memenjarakan mereka dan berapakah bajet yang disediakan untuk pembelian strip ujian air kencing untuk dadah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kerajaan memandang serius isu dan masalah penyalahgunaan dadah dan substance di negeri dan mengambil pelbagai pendekatan baru dalam menanganinya. Implikasi kewangan sentiasa dititikberatkan melalui inisiatif holistik yang melibatkan pendekatan psikososial, pharmacotherapy dan juga spiritual bagi memastikan kejayaan dan pengekaln kepulihan keupayaan.

Kejayaan program rawatan dan pemulihan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melibatkan gabungan kerjasama dengan semua agensi dan jabatan kerajaan yang berkaitan yang sentiasa terjalin erat, antaranya Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia dan badan bukan kerajaan. Kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan menyediakan dua perkhidmatan dengan penggunaan modul-modul pemulihan psikososial tertentu seperti berikut:

- (i) pemulihan dalam institusi yang memberikan rawatan dan pemulihan kepada client yang memasuki fasiliti pemulihan AADK melalui seksyen 6(1a), 6(1b) dan seksyen 8(3a) Akta Penagih Dadah 1983 di Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC) dan Klinik Cure & Care menggunakan psikososial, antaranya modul Cure & Care Therapeutic Community dan lain-lain;
- (ii) pemulihan dalam komuniti yang memberi rawatan dan pemulihan kepada client dalam pengawasan di AADK daerah di bawah seksyen 6(1a), 6(1b) dan seksyen 8(3a), 8(3b) Akta Penagihan Dadah 1983 serta seksyen 15(1a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan residen Cure & Care Service Center (CCSC) serta client Pusat Integrasi Sosial. DR. 15.7.2019 3 Melalui Program Pemulihan Dalam Komuniti yang juga melibatkan peranan NGO, pihak kerajaan berjaya menjimatkan kos dan implikasi kewangan dengan memberi perkhidmatan

kepada 53,363 client dalam kalangan Orang Kena Pengawasan (OKP), berbanding seramai 6,000 orang yang menerima perkhidmatan dalam institusi

Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan membelanjakan secara purata sebanyak RM35.00 seorang untuk kos pemulihan bagi seorang penagih sehari dan secara kasarnya perbelanjaan sebulan untuk seorang penagih adalah sebanyak RM1,050 ataupun RM12,775 setahun.

Dalam pelaksanaan Program Pengurangan Kemudaratan di peringkat kesihatan premier, Klinik Kesihatan telah memudahkan pesakit mendapatkan rawatan methadone. Peranan AADK membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dari sudut program psikososial dan juga psiko spiritual untuk memulihkan penyalahgunaan dadah. Terapi program Medical-Assisted Therapy (MAT) bukanlah suatu kaedah yang tunggal untuk memulihkan penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bajet yang disediakan untuk pembelian strip ujian air kencing bagi pengesanan dadah pada tahun 2018 adalah sebanyak RM500,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 2**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- a. berapakah perincian pembayaran semula pinjaman PTPTN mengikut pecahan umur daripada tahun 2013 hingga Jun 2019; dan
- b. apakah strategi dan dasar baharu yang akan dilaksanakan Kementerian untuk menggalakkan peminjam membayar balik pinjaman ataupun Kementerian akan melaksanakan semula strategi dan dasar pentadbiran terdahulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tempoh 2013 hingga Mei 2019, PTPTN telah berjaya mengutip bayaran balik berjumlah RM6.23 bilion daripada seramai 1.13 juta orang peminjam. Perincian pembayaran semula peminjam mengikut pecahan umur seperti dinyatakan berikut:

- i. Bagi julat umur **20 hingga 29, seramai 642,410 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak 3 billion, 330 juta, 319 ribu, 281.96 sen.**

**NO. SOALAN: 2**

- ii. **Bagi julat umur 30 hingga 39, seramai 449,403 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak 2 billion, 652 juta, 965 ribu, 343.18 sen.**
- iii. **Bagi julat umur 40 hingga 49, seramai 33,047 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak 228 juta, 441 ribu, 538.21 sen.**
- iv. **Bagi julat umur 50 hingga 59, seramai 2,531 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak 16 juta, 148 ribu, 892.77 sen.**
- v. **Bagi julat umur 60 dan ke atas, seramai 80 peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak 367 ribu, 234.42 sen.**

Untuk strategi dan dasar baharu bayaran balik PTPTN, satu Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) telah disediakan dan dipaparkan untuk cadangan serta pandangan rakyat mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019. Dapatan daripada KKR akan diperhalusi oleh satu Panel Penasihat Khas bagi mengenalpasti cadangan terbaik yang akan digunapakai sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan sekitar bulan Ogos 2019 kelak.

Sekian, terima kasih.

RJM 105

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keberkesanan pengoperasian Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazaar. Apakah hala tuju penglibatan Malaysia dalam usaha kemanusiaan terhadap krisis Rohingya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Medan Malaysia yang mempunyai kapasiti 50 katil dengan kemudahan Unit Rawatan Rapi (*Intensive Care Unit – ICU*) mempunyai keupayaan penuh dalam melaksanakan pembedahan seperti pembedahan am, orthopedik serta perbidanan dan sakit puan. Selain itu kemudahan rawatan pergigian turut disediakan oleh hospital ini. Pada masa ini, Hospital Medan Malaysia telah dapat memenuhi sebahagian besar keperluan perubatan di kem pelarian dan ianya merupakan “hospital rujukan” (*referral hospital*) di daerah berkenaan.

Semenjak pengoperasiannya pada 20 November 2017, sebanyak 74,103 kes telah dirawat oleh hospital ini yang bukan sahaja memberikan rawatan kepada pelarian Rohingya tetapi turut mendapat manfaatnya ialah penduduk tempatan di kawasan Cox's Bazaar sendiri. Hospital ini juga mendapat pujian dan pengiktirafan daripada pelbagai agensi luar negara seperti *World Health Organisation (WHO)*, *Refugee Relief and Repatriation Commission (RRRC)* dan *International Committee of the Red Cross (ICRC)*.

Kehadiran hospital medan ini juga telah meningkatkan hubungan baik dengan negara Bangladesh dan menjadikan operasi ini sebagai medan latihan untuk meningkatkan kesiagaan ATM dalam menghadapi situasi bantuan kemanusiaan dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan meletakkan komitmen yang tinggi bagi pengoperasian Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazaar. Ini terbukti dengan persetujuan kerajaan untuk melanjutkan pengoperasian Hospital Medan Malaysia sehingga 31 Disember 2019. Disamping itu, Timbalan Menteri saya sendiri telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Bangladesh pada 14 hingga 17 Mei 2019 yang lalu, untuk menilai sendiri keadaan pengoperasian hospital berkenaan serta berbincang dengan kepimpinan tertinggi Bangladesh berkenaan halatuju hospital berkenaan.

Pihak kepimpinan Bangladesh menyambut baik sumbangan yang telah diberikan oleh Hospital Medan Malaysia dan mencadangkan supaya hospital ini meneruskan pengoperasian sehingga tahun 2021. Bagi cadangan ini, pihak kerajaan masih lagi mempertimbangkan akan kewajaran meneruskan pengoperasiannya sehingga tahun 2021 dengan mengambil kira kesan utama ke atas pelarian Rohingya sendiri.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
(BERA)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN-SOALAN**

- i) **DATO' SRI ISMAIL SABRI B. YAAKOB [BERA]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kemasukan pelaburan luar secara langsung (FDI) di dalam Negara untuk 6 bulan pertama tahun 2019 dan perincian mengenainya.
- ii) **TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** bertarikh **18 JULAI 2019** menyatakan pencapaian pelaburan asing untuk tahun terkini berbanding tahun-tahun yang lalu dan usaha-usaha yang telah diambil untuk membaiki kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa.
- iii) **DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF [PETRAJAYA]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** bertarikh **18 JULAI 2019** menyatakan jumlah pelaburan baru yang masuk ke Malaysia sepanjang 6 bulan pertama tahun 2019 serta apakah usaha yang telah dilakukan untuk menarik minat pelabur terus melabur dalam Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya memohon untuk menjawab bersama pertanyaan-pertanyaan oleh Yang Berhormat Bera dengan Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Petra Jaya, kerana ketiga-tiga soalan ini adalah berkaitan dengan jumlah pelaburan langsung asing untuk tahun 2019 serta usaha-usaha yang diambil Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi terus menarik minat pelabur ke Malaysia.

2. Sepertimana Yang Berhormat ahli-ahli Dewan Rakyat sedia maklum, cabaran ekonomi global ketika ini amat tidak menentu dan sebagai negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali dari menerima impak dan terkesan akibat daripada keadaan tidak menentu pada ketika ini, terutama sekali konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China. Atas sebab ini, Kementerian dan juga agensi-agensi di bawah seliaan MITI sentiasa berusaha memastikan Malaysia terus menjadi tumpuan dan keutamaan oleh pelabur-pelabur asing melalui pelbagai inisiatif yang dijalankan. Hasilnya dapat dibuktikan melalui jumlah kelulusan pelaburan langsung asing yang diterima oleh Malaysia.

**PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) PADA TAHUN 2019**

3. Bagi tempoh suku tahun pertama 2019 (Januari hingga Mac), jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM53.9 bilion. Dari jumlah tersebut, pelaburan langsung domestik, dengan izin *domestic direct investment (DDI)* yang diluluskan adalah sebanyak RM24.6 bilion iaitu 45.6%, manakala pelaburan langsung asing, dengan izin, *foreign direct investment (FDI)*, yang diluluskan adalah sebanyak RM29.3 bilion iaitu 54.4% dari jumlah keseluruhan pelaburan diluluskan. Jumlah pelaburan langsung asing yang diluluskan menunjukkan peningkatan sebanyak 73.4% berbanding RM16.9 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2018.

## SOALAN NO : 4

4. Daripada jumlah keseluruhan ***Foreign Direct Investment*** tersebut, sektor perkilangan masih menjadi **tumpuan pelabur asing** iaitu sebanyak **RM20.2 bilion**, **RM8.1 bilion** dalam sektor **perkhidmatan** dan **RM1.0 bilion** dalam sektor utama lain yang meliputi **perlombongan, perladangan dan komoditi serta pertanian**.

5. Peningkatan ini **mencerminkan daya saing berterusan negara sebagai destinasi pilihan pelaburan asing di rantau ini**. Projek-projek yang diluluskan ini juga dijangka akan menghasilkan kesan berganda bagi pertumbuhan syarikat-syarikat dan industri sokongan serta pembangunan sumber tempatan, pertumbuhan pembangunan kluster, pengukuhan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta dalam masa yang sama meningkatkan pembangunan modal insan.

6. Kementerian ini sentiasa memberi penekanan atas kepentingan impak positif bagi setiap pelaburan yang masuk ke dalam negara. Bermula pada tahun 2019, saya juga telah mengarahkan, dengan izin, ***Key Performance Indicator*** bagi agensi-agensi pelaburan di bawah **Kementerian dirombak** untuk turut juga mengambil kira data pelaburan yang telah dilaksanakan, dengan izin, ***realised investment***. Ini bagi memastikan semua pelaburan yang diluluskan memberi kesan positif secara langsung kepada ekonomi negara.

7. Untuk makluman, Kementerian melalui **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)** telah mengambil inisiatif untuk mengumpul data pelaburan yang telah dilaksanakan, dengan izin, ***realised investment***, melalui kaji selidik status pelaksanaan (*Implementation Survey*) sebanyak **dua kali setahun**. Ini adalah bagi mendapatkan maklumat mengenai status pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan.

8. Bagi projek-projek **perkilangan dan perkhidmatan** yang di bawah bidang kuasa Kementerian yang diluluskan **dari tempoh 2014 hingga 2018**, adalah didapati bahawa sebanyak **4,212 projek (69.6%) telah direalisasikan dengan jumlah pelaburan bernilai RM276.5 bilion**. Jumlah pelaburan ini meliputi 58.3% atau RM161.1 bilion pelaburan tempatan dan 41.7% atau RM115.4 bilion pelaburan asing.

## SOALAN NO : 4

9. Di samping itu, Kementerian juga mensasarkan supaya pelaburan yang diterima haruslah mewujudkan peluang pekerjaan termasuk pekerjaan berpendapatan tinggi, selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju. **Bagi tempoh Januari hingga Mei 2019, sejumlah 3,140 pekerjaan berpendapatan tinggi dalam sektor perkilangan telah dijana** melalui projek perkilangan yang diluluskan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018 berjumlah 1,842 pekerjaan. Ini menunjukkan peningkatan yang signifikan iaitu sebanyak 70.4%.

### LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN FDI

Tuan Yang di-Pertua,

10. Bagi terus meningkatkan keyakinan pelabur ke Malaysia, Kerajaan akan memanfaatkan trend mega terkini terutamanya **Revolusi Perindustrian 4.0 menerusi Dasar Kebangsaan Industry4WRD**. Kerajaan juga akan terus menggunakan pendekatan pengukuhan ekosistem dalam strategi penggalakan pelaburan. Pada tahun 2018, Kementerian ini telah juga memperkenalkan **strategi 4S, dengan izin, search, seek, secure and service**. Saya juga telah mengarahkan agensi di bawah MITI untuk terus menekankan aspek perkhidmatan pasca insentif, dengan izin, post-incentive service untuk terus membantu para pelabur di negara ini menjalankan aktiviti mereka.

11. Selain daripada itu, di antara usaha-usaha berterusan yang dijalankan untuk menarik minat pelabur adalah seperti berikut:

- i) Mengkaji semula dan menambah baik dasar pelaburan negara serta mengukuhkan fasiliti dan kemudahan pelaburan agar lebih kompetitif dan mampu bersaing khususnya dengan negara-negara lain di rantau ini;
- ii) Mensasarkan pertumbuhan baharu dalam sektor perkhidmatan yang moden, berintensifkan pengetahuan, menyumbang kepada peningkatan eksport dan menjana peluang pekerjaan berkualiti;

## SOALAN NO : 4

- iii) Memanfaatkan Komuniti Ekonomi ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Bebas agar Malaysia menjadi gerbang pelaburan di ASEAN dan meluaskan akses pasaran perniagaan; dan
- iv) Menganjurkan misi-misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara untuk menarik peluang-peluang pelaburan yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Kementerian ingin menekankan bahawa pelaburan yang diterima oleh negara tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada pemberian insentif. Dalam hal ini, strategi baru yang diperkenalkan oleh Kementerian dan juga agensinya untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi adalah dengan memberi **penekanan kepada aspek pemudahcara serta fasilitasi perniagaan dan pelaburan**. Selain daripada itu, rejim pengurusan akaun secara terperinci dan sistematik terus diperkukuhkan di semua peringkat bagi memastikan negara kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan berdaya saing.

13. Saya juga ingin memaklumkan pada tahun 2018, **InvestKL**, iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian turut **berjaya menarik sebanyak 12 syarikat multinasional**, dengan izin, ***Regional Headquarters and Hubs*** yang melibatkan **pelaburan sebanyak RM2.3 bilion**, yang telah **mewujudkan 1,339 peluang pekerjaan, tanpa menawarkan insentif Kerajaan**.

Tuan Yang di-Pertua,

14. Sukacita saya ingin berkongsi bahawa baru-baru ini Malaysia telah dinobatkan sebagai **negara terbaik di dunia untuk melabur** pada tahun 2019 oleh majalah edaran antarabangsa **CEOWORLD mengatasi Singapura, Thailand, United Kingdom dan juga Jepun**. Pengiktirafan ini menunjukkan usaha berterusan Kerajaan dalam pengukuhan institusi, dengan izin, *institutional reforms* di mana usaha-usaha ini telah meningkatkan keyakinan pelabur dan menampakkan hasilnya. Kerajaan amnya dan MITI khususnya akan terus mempergiatkan usaha untuk meningkatkan pelaburan ke dalam negara demi kepentingan rakyat dan ekonomi negara.

15. Di samping itu, terdapat juga beberapa **pengiktirafan** yang diberikan kepada agensi-agensi **penggalakan pelaburan** di bawah Kementerian. Antaranya pengiktirafan oleh majalah penerbitan edaran antarabangsa, **Site Selection**, kepada **MIDA dan InvestKL** sebagai antara agensi penggalakan pelaburan terbaik didunia dan dirantau ini. Pengiktirafan ini mencerminkan usaha berterusan agensi-agensi di bawah Kementerian dalam mengendali keperluan syarikat-syarikat yang sedang berkembang, memaksimumkan kecekapan dan memperoleh kepercayaan dan penghormatan di kalangan pemain industri di seluruh dunia.

Ia juga memberi isyarat penting kepada pelabur-pelabur berpotensi bahawa agensi-agensi penggalakan pelaburan di bawah Kementerian adalah antara yang terbaik di dunia dan akan terus meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kekal dedikasi dalam mendukung aspirasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua

16. Saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan MITI akan terus bekerja keras menerusi strategi 4S seperti yang saya nyatakan tadi untuk membawa pelaburan berkualiti ke negara ini. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD  
[ MERSING ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 5**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian akan mempergiatkan perikanan laut dalam agar dapat menambah hasil tangkapan ikan yang didaratkan di Malaysia. Apakah insentif Kementerian yang ditawarkan kepada industri laut dalam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian mensasarkan pendaratan perikanan tangkapan marin pada tahun 2020 berjumlah 1.5 juta tan metrik. Pada tahun 2018, jumlah pendaratan perikanan laut dalam dianggarkan sebanyak 259,801 tan metrik bernilai RM1.47 bilion. iaitu 17 peratus daripada pendaratan ikan .
2. Sejumlah 1,138 vesel penangkapan ikan laut dalam dilesenkan dan masih aktif beroperasi. Terdapat sebanyak 9 buah kompleks pendaratan perikanan laut dalam telah dibangunkan. Di antaranya adalah Kompleks Perikanan Kuala Perlis, Kompleks Perikanan Tok Bali, dan Kompleks Perikanan Kuantan.
3. Pelan Strategik Pengurusan Perikanan Tangkapan Malaysia (2015-2020) menggariskan pembangunan industri perikanan tangkapan secara cekap dan mampan, memperkukuhkan infrastruktur perikanan tangkapan serta membangunkan sumber manusia khusus untuk perikanan laut dalam.
4. Pelan tindakan utama yang telah digariskan adalah:
  - Pemeraksanaan pengurusan sumber perikanan;
  - Peningkatan kapasiti dan keupayaan Program Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS) serta penguatkuasaan;
  - Menaik taraf infrastruktur dan logistik; dan
  - Pembangunan dan pengukuhan sumber manusia.

## SOALAN NO : 5

5. Di antara Program khusus yang telah dirangka adalah :
- i. Transformasi pukat tunda B melalui transformasi pemodenan vesel yang memenuhi keperluan piawaian; dan penyediaan spesifikasi peralatan menangkap ikan yang mesra sumber;
  - ii. Pembangunan bersepadu kompleks pendaratan ikan termasuk pengezonan semula kawasan kompleks bagi tujuan aktiviti huluan dan hiliran, menaiktaraf kemudahan serta fasiliti pendaratan ikan dan melaksanakan *Port State Measure* (PSM) dan *Port In Port Out* (PIPO) selaras dengan keperluan antarabangsa; dan
  - iii. Pelbagai kursus peringkat sijil dan diploma di Akademi dan Kolej Perikanan bagi meningkatkan keupayaan modal insan, khususnya golongan belia untuk menceburi sektor perikanan. Seramai 600 orang peserta telah dilatih setiap tahun.
6. Buat masa ini, insentif yang disediakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi pelaburan dan pembelian vesel laut dalam adalah Insentif Pengecualian Cukai Pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Selain itu, pemilik vesel zon B dan C juga layak untuk menerima Insentif Hasil Tangkapan Ikan sekiranya mendaratkan dan mengisytiharkan ikan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan jeti-jeti Kerajaan yang terpilih dengan kadar 10 sen sekilogram.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL**  
**RAHIM [ BALING ]**  
**TARIKH** : **15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 6**

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah alternatif Kementerian dalam memastikan tindakan tegas diambil bagi menangani kes-kes penderaan rumah tangga khususnya di kawasan luar bandar seperti di Baling.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam isu keganasan rumah tangga, tiga strategi telah digunakan dalam menangani isu penderaan ini iaitu melalui kaedah perundangan, tindakan penguatkuasaan undang-undang dan kempen advokasi.

Namun, selain daripada tindakan tegas melalui peruntukkan undang-undang, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) juga telah mengambil beberapa langkah alternatif dengan mengadakan kempen kesedaran dan advokasi untuk menangani kes penderaan rumah tangga. Antara program-program yang dijalankan termasuklah:

- (i) Perkhidmatan kaunseling motivasi;
- (ii) Klinik Guaman;
- (iii) Program Wanita Anti Jenayah (WAJA); dan
- (iv) Kempen menangani keganasan terhadap wanita sepanjang tahun.

Melalui perkhidmatan kaunseling dan motivasi, JPW melatih kumpulan wanita dalam komuniti dengan ilmu asas kaunseling yang dikenali sebagai *Lay Counselor*. Kumpulan ini merupakan sukarelawan barisan hadapan yang membantu komuniti setempat yang mengalami pelbagai masalah termasuklah isu keganasan dalam rumah tangga. Pada tahun ini, seramai 1,434 *Lay Counselor* orang telah dilatih menerusi program ini.

Manakala Klinik Guaman pula dilaksanakan bertujuan memberi pendedahan mengenai tindakan undang-undang yang boleh diambil oleh golongan wanita jika berlakunya kes penderaan dan keganasan dalam rumah tangga. Sebanyak 24 program telah dilaksanakan melibatkan 2,940 orang peserta manakala tiga program khas yang melibatkan 142 orang peserta berjaya diadakan di negeri Kedah.

Program Wanita Anti Jenayah (WAJA) pula dilaksanakan melalui seminar dan ceramah dengan tujuan memberi pengetahuan dan kesedaran kepada

## SOALAN NO. 6

masyarakat mengenai jenayah yang membabitkan wanita. Secara keseluruhannya sebanyak 30 program telah dilaksanakan melibatkan 6,632 orang peserta dan seramai 324 orang peserta terlibat dalam empat program yang dijalankan di negeri Kedah.

Selain itu, JPW juga telah melancarkan “Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita” yang dilaksanakan sepanjang tahun dan diadakan secara berterusan di setiap program-program JPW. Kempen ini antara lain telah berjaya mengumpul sebanyak 24,008 tandatangan sebagai tanda sokongan menolak keganasan terhadap wanita dan negeri Kedah berjaya mengumpul sebanyak 1,320 tandatangan bagi menyokong kempen ini.

Selain mengadakan kempen advokasi untuk menangani kes penderaan rumah tangga, Kementerian percaya dengan memberi pendedahan awal kepada pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga mengenai kemahiran mengenali pasangan, persediaan mengenai tanggungjawab dalam perkahwinan dan hak pasangan dalam rumah tangga adalah sangat penting. Namun, semua tindakan ini perlu dilaksanakan secara bersepadu melibatkan pelbagai agensi dan Kementerian lain serta dijalankan secara berterusan di komuniti setempat termasuklah di kawasan Parlimen masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 7**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rancangan untuk mempromosikan kopi liberica Malaysia serta meningkatkan hasil keluaran yang kini mencapai 1% daripada jumlah keluaran biji kopi sedunia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia hanya mempunyai 2 varieti kopi yang banyak ditanam iaitu Liberica dan Robusta. Pada tahun 2017, jumlah keluasan tanaman kopi di Malaysia adalah 2,392 hektar dengan pengeluaran hasil sebanyak 7,999 mt. Sebanyak 1,982 hektar kopi liberica ditanam dengan pengeluaran 7,649 mt. Negeri Johor dan Selangor merupakan antara pengeluar utama kopi Liberica.
2. Antara inisiatif khusus Kementerian dalam meningkatkan hasil keluaran kopi adalah melalui:

- i. **Program Pembangunan Industri Kopi (peringkat hulu)** iaitu penanaman semula pokok-pokok yang telah tua dan tidak produktif dengan varieti kopi Liberica berhasil tinggi seperti MKL5, MKL6 dan MKL7 dan pemulihan kawasan tanaman kopi sediaada dengan tujuan supaya pokok-pokok yang terbiar tetapi masih produktif dipulihkan agar hasil akan terus meningkat. Integrasi tanaman kopi dengan tanaman lain juga digalakkan.

Insentif-insentif yang diberikan ini adalah meliputi pembersihan kawasan, perparitan, pagar, pembaikan infrastruktur asas bagi pemulihan kawasan sediaada dan input-input pertanian seperti seperti baja dan racun perosak.

- ii. **Program di peringkat hiliran iaitu** bantuan/sokongan Kementerian yang disediakan untuk mempergiatkan promosi industri kopi dalam mengeluarkan produk-produk asas tani seperti :
  - a. Program Geran Pemandanan *Change Upgrade Product* (CUP) dan Geran Pemandanan *High Impact Product* (HIP) meliputi kajian nutrisi dan jangka hayat produk,

pembungkusan, pelabelan, pemasaran dan pensijilan premis; dan

- b. Program Pembangunan Modal Insan seperti Kursus Penjenamaan dan Pemasaran, Kursus Persijilan Halal (dengan kerjasama Halal Industry Development Corporation) dan MeSTI (dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia) dan Kursus Pembungkusan dan Pelabelan.

3. Selain itu, Kementerian juga turut terlibat dalam mempromosikan kopi liberica di peringkat tempatan dan luar negara melalui:

- i. Kerjasama strategik dengan pihak industri melalui Simposium Kopi Borneo 2019 telah diadakan di Sarawak pada 6 dan 7 April dan satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara kerajaan Sarawak melalui Jabatan Pertanian Sarawak dengan Earthling Coffee Workshop Sdn Bhd (Earthling Coffee) pada 8 April 2019;
- ii. *The National Focal Point Working Group (NFPWG) on Coffee Asean* yang mana ianya merupakan persidangan tahunan dan Malaysia merupakan ahli jawatankuasa tetap dalam komiti tersebut; dan
- iii. Kerjasama strategik bersama MIDA dan MATRADE dalam penyertaan *road-show* dan mengadakan rundingan dengan Negara luar yang berpotensi dan seterusnya membuka laluan pasaran pelabur-pelabur luar dalam industri ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH JAWPAN : 15 JULAI 2019 (ISNIN)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN:**

**Dato' Hasbullah Bin Osman** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengkaji semula tarif elektrik baru berikutan pergerakan harga arang batu dan gas di pasaran antarabangsa yang merosot dalam beberapa bulan kebelakangan ini agar rakyat dapat menikmati tarif yang lebih rendah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan sejak 2015 telah melaksanakan penentuan tarif elektrik berdasarkan mekanisme Incentive-Based-Regulation - IBR, iaitu kawal selia berasaskan insentif.
2. Dalam mekanisme IBR, tarif asas elektrik disemak setiap tiga tahun di mana tempoh regulatori pertama IBR bermula 2015 hingga 2017, manakala tempoh regulatori kedua IBR bermula 2018 hingga 2020.
3. Untuk makluman dewan yang mulia ini, berdasarkan mekanisme IBR, tarif asas adalah ditentukan dengan andaian harga purata bahan api arang batu dan gas dalam tempoh regulatori tersebut dan sebarang perbezaan kos sebenar dengan harga andaian akan diselaraskan setiap enam bulan di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass Through (ICPT)*, sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat, bergantung kepada kos bahan api dalam tempoh tersebut.

**NO. SOALAN: 8**

4. Untuk tempoh regulatori kali ini, harga arang batu adalah ditetapkan pada kadar USD75/MT, manakala harga gas adalah berdasarkan pelan rationalisasi harga gas.
  
5. Untuk makluman yang berhormat, walaupun harga pasaran bahan api mengalami tren penurunan kebelakangan ini, tetapi penetapan ICPT bagi tempoh Julai hingga Disember 2019 adalah berdasarkan harga purata bahan api bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, di mana jika YB masih ingat lagi, harga arang batu pada suku pertama 2019 pernah meningkat mencecah paras USD100/MT yang jauh melebihi kadar harga asas arang batu yang telah ditetapkan pada USD75/MT. Harga arang batu baru bermula menurun sejak April.

Yang Berhormat Gerik,

6. Secara keseluruhannya, berdasarkan mekanisme ICPT, kos bahan api dan peningkatan kos penjanaan lain yang perlu dilepaskan kepada pengguna bagi tempoh Julai hingga Disember 2019 adalah berjumlah RM1.592 bilion melalui surcaj kepada pengguna, iaitu surcaj perlu ditingkatkan sebanyak 0.39 sen/kwj.

**NO. SOALAN: 8**

7. Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan beban rakyat serta pihak komersial dan industri, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan kos yang perlu dilepaskan kepada pengguna.
8. Pertama, Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga telah membuat pelarasan ke atas hasil dan kos elektrik pada tahun 2018 dan 2019 di bawah IBR berdasarkan peruntukan *Regulatory Implementation Guidelines* (RIGs) dan berjaya mendapatkan **jumlah penjimatan sebanyak RM336.70 juta.**
9. Kedua, Kementerian juga telah mendapat kelulusan kabinet untuk menyumbang subsidi kepada tarif elektrik melalui **peruntukkan dana daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) sebanyak RM 107.16 juta.**
10. Oleh itu, walaupun terdapat peningkatan yang tinggi dalam kos penjanaan dan sebenarnya kadar elektrik perlu ditingkatkan lagi, dengan mengambil kedua-kedua langkah di atas, suka cita saya ingin maklumkan kepada dewan yang mulia ini bahawa **tiada kenaikan tarif elektrik untuk semua kategori pengguna elektrik, baik domestik ataupun pihak komersial dan industri, untuk tempoh Julai hingga Disember 2019.** Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 15.7.2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 9**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa pemohon serta jumlah geran diberi mengikut kategori bagi program pemberian Geran 1 Pelajar 1 Perniagaan (1P1P) dan apakah mekanisme untuk memastikan geran tersebut digunakan untuk berniaga.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Sejak Skim 1 Pelajar 1 Pendaftaran Perniagaan (S1P1P) dilancarkan sehingga 31 Mei 2019, seramai 46,072 orang pelajar telah mendaftarkan perniagaan di bawah skim ini dan sebanyak RM 2,707,400.00 telah digunakan daripada jumlah keseluruhan geran tersebut.

S1P1P adalah merupakan satu inisiatif yang memberi peluang kepada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di dalam negara yang berhasrat untuk mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 secara percuma walaupun mereka masih belum menjalankan perniagaan lagi. Setiap pelajar yang layak boleh mendaftarkan satu perniagaan sahaja dan fi bagi pendaftaran perniagaan tersebut adalah untuk tempoh setahun yang akan ditampung oleh geran yang diperuntukkan di bawah skim ini. Manakala, fi bagi pembaharuan pendaftaran perniagaan tersebut untuk tahun-tahun seterusnya adalah tidak tertakluk di bawah skim ini.

Pengenalan skim ini adalah merupakan salah satu daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam usaha memberi pendedahan dan memupuk kesedaran di kalangan para pelajar terhadap keperluan di bawah undang-undang berkaitan mendaftarkan perniagaan sekiranya mereka ingin berkecimpung di dalam perniagaan sebagai salah satu kerjaya.

Pada masa yang sama, kementerian ini berharap melalui penglibatan pelajar-pelajar di dalam program S1P1P tersebut juga dapat mengembangkan lagi komuniti perniagaan di negara ini secara amnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan program rancangan yang menjurus kepada motivasi generasi muda ke arah menambah nilai jati diri sebagai warganegara Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) terus berusaha secara berterusan dan sentiasa memupuk semangat patriotik bagi menerapkan pemikiran dan menyampaikan konsep kenegaraan yang betul dalam kalangan rakyatnya di pelbagai peringkat umur melalui pelbagai platform siaran dan saluran TV dan Radio. Selaras dengan Garis Panduan Penyiaran yang menetapkan agar bahan siaran RTM perlulah sentiasa menyokong wawasan negara, tidak terkecuali bagi bahan siaran yang dapat meningkatkan jati diri anak muda di negara ini.

2. Menerusi pelbagai wadahnya, RTM sejak dahulu komited menyiarkan rancangan pelbagai genre termasuk drama, filem, telemovie, bual bicara, pesanan khidmat masyarakat (PSA), lagu-lagu patriotik, promo, malah menyelitkan elemen semangat cintakan negara dan patriotik menerusi *talking points* bagi DJ radio dan pengacaranya.

## NO SOALAN : 10

3. Sejak Januari 2019, RTM menerusi saluran TV1 telah menyiarkan hampir 40 rancangan pelbagai genre yang melibatkan suntikan motivasi dan semangat cintakan negara dalam kalangan penontonnya terutama generasi muda. Ia termasuklah program-program berat seperti *Bicara Inspirasi* yang memberi motivasi agar anak muda berjaya dalam kerjaya sehinggalah kepada rancangan yang ringan seperti telemovie dan rancangan hiburan seperti konsert yang masih membawa tema kenegaraan. Manakala di saluran TV Okey, rancangan motivasi generasi muda ini disiarkan meliputi 2.3 peratus jam siaran setahun.

4. Di antara program-program bicara inspirasi adalah *Bicara Inspirasi - Inspirasi Cinta Jadi Cita-Cita* iaitu bersama tetamu Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr Abdul Latif Mohmod dengan topik "INSPIRASI CINTA jadi CITA-CITA". Bermula dengan cita-cita beliau ingin menjadi tukang kebun, akhirnya beliau berjaya menjadi seorang yang berjaya sehingga menerima Anugerah Saintis Muda Negara ketika beliau berusia 33 tahun dan juga berjaya memegang enam rekod individu Malaysia Book of Records. Kita juga ada program *Bicara Inspirasi : Tiang Seri Negara* Program Yang di-Pertuan Agong umpama payung yang menaungi rakyat jelata, menjadi INSPIRASI perpaduan dan keharmonian, menyatukan masyarakat berbilang bangsa dan fahaman di negara ini.

5. Manakala melalui BERNAMA pula, agensi ini mempunyai program rancangan yang menjurus kepada motivasi generasi muda ke arah menambah nilai jati diri sebagai warganegara Malaysia. Menerusi saluran *News Channel* dan *Bernama Radio*, BERNAMA telah menyiarkan beberapa program rancangan bual bicara dan temu bual menampilkan tetamu daripada generasi muda yang berjaya mengharungi cabaran dan dugaan dalam kehidupan dan perniagaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI**  
**SHIEN [ JULAU ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek penyambungan ke talian grid bekalan utama elektrik kepada sekolah-sekolah luar bandar di negeri Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan setiap sekolah di Malaysia perlu mencapai tahap keperluan infrastruktur yang minimum bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, bersih, dan kondusif tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis sekolah tersebut. Keperluan ini termasuklah akses kepada air bersih yang terawat, bekalan elektrik sekurang-kurangnya 12 jam sehari, serta kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Berkaitan penyediaan bekalan elektrik kepada sekolah luar bandar di Sarawak, KPM telah mengemukakan senarai 113 sekolah kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk disambungkan kepada talian grid. KPM akan sentiasa mengemas kini jumlah bilangan sekolah ini dari semasa ke semasa agar semua sekolah di Sarawak akan dapat disambungkan dengan talian elektrik. Kerja-kerja penyambungan ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui agensinya iaitu Sarawak Energy Berhad (SEB).

## **NO. SOALAN: 11**

Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri Sarawak sedang menjalankan tinjauan tapak di 21 buah sekolah bantuan kerajaan untuk disambungkan kepada talian grid bagi Fasa Pertama. Walau bagaimanapun didapati hanya 16 buah sekolah sahaja yang sesuai untuk disambungkan kerana lokasinya berhampiran dengan talian grid ini. Lima (5) sekolah lagi didapati terlalu jauh dan ianya tidak sesuai untuk disambungkan ke talian grid ini. Kerajaan Negeri Sarawak sedang melaksanakan proses tender dan dijangka syarikat berjaya akan masuk ke tapak pada September 2019.

Pihak Kementerian berbesar hati dan berterima kasih atas hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk membiayai kos projek penyambungan grid bekalan utama elektrik kepada sekolah-sekolah yang terlibat. KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa berkerjasama dengan mengadakan mesyuarat secara berkala bagi memastikan semua kerja-kerja penyambungan ini berjalan dengan lancar. Bagi pihak KPM kita meletakkan kepentingan anak-anak sekolah, guru-guru dan juga masyarakat setempat sebagai keutamaan.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN  
BIN NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status terkini pembangunan Digital Free Trade Zone (DFTZ) dan KLIA Aeropolis di Sepang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital atau "*Digital Free Trade Zone*" (DFTZ) merupakan inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke luar negara serta menjadikan Malaysia sebagai hab *e-Fulfilment* eDagang serantau dan ianya adalah salah satu dari komponen di dalam Projek KLIA Aeropolis.

2. DFTZ diperkenalkan bagi membantu PKS tempatan untuk menggunakan platform ini menembusi pasaran dunia serta bagi menarik jenama global dan "*eMarketplaces*" untuk menjadikan Malaysia sebagai gerbang untuk pasaran ASEAN dan serantau. Inisiatif ini juga menawarkan manfaat seperti berikut kepada PKS tempatan:

- platform terbaik bagi PKS tempatan untuk menembusi pasaran eksport melalui aktiviti eDagang rentas sempadan;
- fasiliti gudang *eFulfilment* yang lebih efisien;

## SOALAN NO : 12

- platform perkhidmatan Kerajaan secara lebih berintegrasi dan seragam; dan
  - penambahbaikan ke atas sistem pelepasan Kastam dan kargo dari enam jam ke tiga jam.
3. Jumlah 60,000 peluang pekerjaan adalah dianggarkan melalui nilai aliran perdagangan berjumlah USD65 bilion pada 2025 dan USD3 bilion nilai tambah dari hasil industri logistik yang bakal menjana 15 ribu peluang pekerjaan dari industri yang terlibat secara langsung dan 45 ribu peluang pekerjaan kesan berganda (multiplier effect) dari industri yang lain.
4. Berikut adalah beberapa contoh PKS tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran eksport menerusi DFTZ :
- Koperasi *Groom Big* dari negeri Perlis yang telah mengeksport produk tempatan seperti kopi dan kuih tradisional ke Ghana, Afrika Selatan dengan nilai eksport: USD2.2 Juta;
  - Yan Ming Resources Sdn. Bhd. dari negeri Selangor yang telah mengeksport sarang burung walit ke Negara China, Bangladesh dan Qatar dengan nilai eksport sebanyak USD3.7 Juta pada tahun 2017;
  - Afif Trading dari negeri Sabah yang telah mengeksport produk seperti rumpai laut, kerepek, udang sejuk beku dan Kelapa. Syarikat ini telah berjaya mengeksport ke Negara Itali dan Negara Poland dengan nilai eksport sebanyak USD240 ribu.
5. Dalam usaha membantu PKS tempatan dan usahawan belia dalam menceburi bidang eDagang dan seterusnya meluaskan pasaran ke luar negara, MDEC turut menawarkan program latihan dan pembangunan kepakaran kepada golongan ini. Berikut adalah antara inisiatif yang dilaksanakan:
- Program eUsahawan yang menyediakan latihan bagi memberi ilmu dan tunjuk ajar kepada usahawan muda dalam

## SOALAN NO : 12

menggunakan platform digital dan media sosial sebagai medium untuk meluaskan pasaran serta meningkatkan jualan. Program ini disampaikan dalam bentuk kursus yang dijalankan di pusat-pusat Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) awam serta Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terpilih di seluruh negara.

- Platform *Go eCommerce* yang menawarkan modul latihan secara *online* kepada golongan usahawan, syarikat awalan sehingga syarikat yang mengeksport untuk mengaplikasikan eDagang dalam pemasaran dan perniagaan.

6. Di samping itu, dalam memastikan pekerja tempatan dapat meraih peluang khususnya bagi perkerjaan bernilai tinggi untuk sektor-sektor yang terlibat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan dan melengkapinya bakat dan modal insan yang mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk bidang-bidang tertentu. Di samping program pembangunan khas modal insan yang dilaksanakan oleh badan-badan tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), SME Corp, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Alibaba usaha-usaha berterusan ini turut dilaksanakan melalui pembangunan kurikulum, modul dan program latihan di peringkat kolej kemahiran, institusi pengajian sehingga ke peringkat pembangunan kerjaya dan professional.

7. Sehingga kini, sebanyak 6,229 PKS tempatan telah berdaftar serta menyertai pelbagai program bagi tujuan menempatkan produk mereka di dalam platform pasaran maya atau *e-Marketplaces* serantau dan global.

8. Manakala Kementerian Pengangkutan pula adalah pihak berkuasa yang memantau pelaksanaan pembangunan KLIA Aeropolis melalui Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) yang merupakan syarikat pelaksana pembangunan ini.

9. Sekiranya YB mahu bertanyakan lebih lanjut lagi mengenai pembangunan KLIA Aeropolis, sewajarnya pertanyaan itu ditujukan kepada pihak MAHB, Kementerian Pengangkutan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]

TARIKH : 15.7.2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 13**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan secara terperinci mekanisme subsidi petroleum bersasar baharu dan adakah Kementerian akan menghapuskan had paras bagi harga petrol RON 95 setelah subsidi petroleum bersasar ini dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Kewangan (MOF) sedang diperingkat akhir memuktamadkan cadangan mekanisme penyampaian subsidi petrol bersasar untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri. Pengumuman lanjut berkaitan program ini akan dibuat sejurus setelah mendapat kelulusan tersebut.

Merangka satu program subsidi petrol baru yang betul-betul sempurna akan mengambil masa yang terlalu lama untuk dilaksanakan. Oleh itu, KPDNHEP berpandangan bahawa kaedah bantuan tunai terus ke akaun bank penerima subsidi adalah kaedah terbaik pada masa ini. Pelaksanaan program Bantuan Sara Hidup (BSH) membuktikan kaedah penyampaian bantuan kerajaan terus kepada penerima yang efektif dan cepat.

Oleh itu, bermula dengan mekanisme yang sedia ada membolehkan Kementerian untuk melaksanakan program subsidi petrol bersasar dengan segera seperti mana yang diumumkan dalam Belanjawan 2019. Pada masa yang sama ia memberikan ruang kepada kementerian untuk mendapat maklum balas daripada semua pihak dan seterusnya memperbaiki secara tangkas (*agile*) mekanisme pelaksanaan subsidi petrol mahupun penetapan kriteria penerima subsidi petrol.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
(PASIR MAS)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membubarkan Pasukan Polis Marin (PPM) memandangkan tugasnya sebagai penguatkuasa maritim telah dilaksanakan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dimana ia akan menamatkan masalah pertindihan tugas dan memastikan konsep Single Point Of Contact (SPOC) dapat dijayakan dengan baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini kerajaan tiada perancangan untuk membubarkan Pasukan Polis Marin (PPM) dan Kerajaan juga tiada perancangan untuk menggabungkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) oleh kerana tiada pertindihan kuasa di antara dua agensi ini serta kerjasama tetap dilaksanakan bagi membanteras jenayah yang berlaku di perairan Negara. Untuk makluman ahli dewan yang mulia ini, kawasan tanggungjawab dan operasi APMM adalah meliputi Zon Maritim Malaysia manakala kawasan tanggungjawab dan operasi PMM pula adalah meliputi sungai, tasik, pulau dan perairan wilayah. Walaupun mempunyai kawasan dan tanggungjawab dan operasi yang berbeza, kesemua agensi penguatkuasa maritim sentiasa menjalankan kerjasama dan turut menjalankan operasi secara bersepadu, perkongsian maklumat risikan dan maklumat-maklumat terhad bagi memastikan keselamatan di laut Malaysia sentiasa dikawal dan terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW**  
**[ WANGSA MAJU ]**  
**TARIKH** : **15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 15:**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah syarat kelayakan serta fungsi Pesuruhjaya Kanak-kanak dalam memantau pelaksanaan hak kanak-kanak di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tujuan pelantikan Pesuruhjaya Kanak-Kanak ini, beberapa syarat dan kriteria telah ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri selaku penyelaras pelantikan Pesuruhjaya di bawah SUHAKAM seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berusia 40 tahun dan ke atas;
- (iii) Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda;
- (iv) Berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang hak asasi manusia dan undang-undang yang berkaitan dengannya; dan
- (v) Bukan seorang yang bankrap dan tidak pernah terlibat dengan kesalahan jenayah dan dadah.

Manakala, fungsi utama Pesuruhjaya Kanak-Kanak yang dicadangkan pula adalah seperti berikut:

- (i) mempromosikan kesedaran dan pendidikan terhadap hak kanak-kanak kepada Kerajaan dan orang awam;
- (ii) menasihati dan membantu Kerajaan dalam menggubal perundangan, arahan pentadbiran dan prosedur serta mengesyorkan tindakan-tindakan yang perlu diambil;
- (iii) menasihati Kerajaan berhubung obligasi antarabangsa di bawah *Convention on the Rights of the Child (CRC)*; dan
- (iv) mengadakan inkuiri terhadap aduan mengenai pelanggaran hak kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian berharap dengan pelantikan Pesuruhjaya Kanak-Kanak ini akan memberikan, dengan izin, “*check and balance*” terhadap pelaksanaan hak kanak-kanak di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN  
[PONTIAN]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 16**

**DATO' SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN [PONTIAN]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan menyatakan senarai 50 syarikat pengeksport Bumiputera yang utama serta nilainya dan senarai 50 syarikat pengeksport utama bukan Bumiputera serta nilainya dalam setahun. Apakah langkah berkesan untuk tambah jumlah pengeksport Bumiputera yang baru dan negara mana sasaran utama dan jenis produk yang dieksport.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Saya mohon menjawab soalan YB Pontian bersama-sama dengan soalan daripada YB Pasir Salak bertarikh 18 Julai kerana kedua-dua soalan adalah berhubungkait.

2. Nilai eksport bagi 50 syarikat Bumiputera yang utama yang berdaftar dengan MATRADE bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM2.47 bilion. Sektor-sektor yang terlibat merangkumi sektor makanan & minuman, mesin & jentera, ICT, elektrik & elektronik, gaya hidup & sains hayat. Manakala nilai eksport bagi 50 syarikat bukan Bumiputera yang utama yang berdaftar dengan MATRADE bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM5.54 billion dan merangkumi sektor produk berasaskan minyak sawit, makanan & minuman, ICT, elektrik & elektronik, gaya

hidup & sains hayat. Saya akan memberikan senarai nama 50 syarikat utama tersebut secara langsung kepada kedua-dua YB.

3. Dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pengeksport Bumiputera yang baru, MATRADE menggunakan gandingan dua program secara berterusan. Kaedah pertama melibatkan program jangkauan dan kesedaran (*outreach and awareness*) yang bertujuan menyalurkan maklumat mengenai peluang dan potensi eksport serta isu-isu berkaitan dengan pematuhan pra-syarat import, pensijilan dan piawaian wajib terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Menerusi program ini, syarikat-syarikat Bumiputera mendapat pendedahan kepada banyak isu dan pra-syarat yang harus digarap untuk membolehkan mereka membuat penilaian sama ada telah cukup syarat dan bersedia untuk berkecimpung dalam aktiviti eksport.

4. Program sokongan susulan pula menjurus kepada usaha membimbing syarikat-syarikat Bumiputera yang layak, berpotensi dan mempunyai keupayaan pengeluaran dan terpilih menyertai Program Pembangunan Eksport Bumiputera. Di bawah program selama 36 bulan ini, tumpuan adalah diberi terhadap aktiviti promosi eksport seperti penyertaan di dalam pameran perdagangan luar negara atau penyertaan dalam misi peningkatan eksport ke luar negara. Program ini menyediakan insentif pembiayaan meliputi kos yuran penyertaan dan ruang pameran, kos penginapan dan penerbangan pergi-balik untuk seorang sepanjang aktiviti berlangsung.

Yang di-Pertua,

5. Berhubung dengan fokus pasaran dan jenis produk, ianya bergantung dengan kesesuaian, jangkauan penerimaan dan citarasa pelanggan di negara yang akan dieksport. Syarikat-syarikat akan dibimbing untuk menggunakan kemudahan yang disediakan oleh 'Business Information Centre' (BIC) MATRADE khususnya perangkaan produk dan sektor, pelbagai laporan komersial berbayar yang dilanggan oleh MATRADE. Syarikat disyor membuat penyelidikan dan pengumpulan maklumat mengenai produk sejenis dan pesaing untuk memastikan tahap kebolehan daya saing dalam pasaran yang ingin ditembusi. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi untuk mengatasi masalah lambakan pendatang asing di negara kita dari segi menyekat kemasukan baru dan penghantaran balik pendatang yang tidak diperlukan serta pelaksanaan sistem kawalan imigresen nasional yang baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Menyedari masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ini perlu diperangi secara berterusan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam usaha untuk menghasilkan pelan strategik penguatkuasaan PATI yang lebih komprehensif dan menyeluruh sebagai satu langkah memperkukuh tadbir urus dan menambahbaik sistem kerja penguatkuasaan sedia ada.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun ini merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan kebanjiran PATI di negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik di antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Objektif pelan ini adalah mewujudkan satu ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendayaupaya agensi

## SOALAN NO : 17

penguatkuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:-

- i. **Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara;
- ii. **Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;
- iii. **Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk** yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- iv. **Strategi Pengurusan Warga Asing** yang menggariskan pelan penyelarasan dasar berkaitan warga asing; dan
- v. **Strategi Media dan Publisiti** yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensi yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutamanya pasukan penguatkuasaan.

Sehubungan itu, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain terutamanya Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) akan terus menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-

## SOALAN NO : 17

lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warganegara asing. JIM juga turut melibatkan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) / Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.

Untuk makluman, JIM telah melaksanakan 8,626 operasi mulai 1 Januari hingga 25 Jun 2019 yang melibatkan pemeriksaan 106,512 orang warganegara asing. Seramai 25,382 orang PATI dan 693 orang majikan telah diambil tindakan undang-undang. Daripada jumlah tersebut, warganegara Indonesia merupakan PATI yang paling ramai ditangkap iaitu 8,719 dan diikuti oleh warganegara Bangladesh seramai 5,646 orang dan bakinya adalah warganegara Myanmar, Filipina, Thailand dan lain-lain.

Selain itu, dalam tempoh yang sama seramai 693 orang majikan telah diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63. Majikan yang dikesan menggaji PATI boleh diambil tindakan tegas di bawah Akta Imigresen 1959/63 di mana majikan akan didakwa bagi kesalahan utama di bawah Seksyen 55A untuk membawa masuk PATI secara tidak sah ke dalam negara, Seksyen 55B untuk menggaji PATI yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap orang yang diambil bekerja, Seksyen 55E untuk membenarkan PATI masuk dan tinggal di premis dan Seksyen 56(1)(d) untuk kesalahan melindungi PATI. Di samping itu, majikan juga boleh didakwa di bawah Akta Anti Pernerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2010) (ATIPSOM).

Selain itu, sebagai mekanisme untuk mengekang kemasukan warga asing yang berisiko ke negara ini, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengambil langkah seperti berikut:

- i. Proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan/ pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada warga asing berkenaan telah

## SOALAN NO : 17

dimasukkan dalam senarai syak (SL) Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk datang ke Malaysia;

- ii. Kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pelawat dan penyemakan identiti dengan pangkalan data senarai syak Jabatan;
- iii. Dalam menyemak identiti warga asing di pintu masuk negara, Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS) berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing dengan membuat proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak Jabatan. Di samping itu juga, sistem NERS dapat mengenal pasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS;
- iv. Dalam memberikan perkhidmatan yang pantas dan efisien, penggunaan *autogate* bagi kemasukan warganegara Malaysia dapat menjamin keselamatan dokumen dan identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik. Ia seterusnya dapat membantu dan memberi peluang kepada pegawai imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pemeriksaan pelawat asing berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara; dan
- v. Pihak Polis DiRaja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia dan agensi lain turut menyumbang data-data warga asing yang berisiko dalam sistem SL.

Sistem Imigresen Bersepadu (*Immigration Integrated System*) dilaksanakan sebagai satu pembaharuan terhadap sistem teras dan aplikasi imigresen agar berupaya memenuhi keperluan keselamatan negara bagi menggantikan Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) secara menyeluruh dan bersepadu.

Pembaharuan tersebut amat kritikal bagi memastikan sistem yang digunakan dapat berfungsi dengan selamat, lebih efisien serta kekal

## SOALAN NO : 17

relevan sesuai dengan cabaran semasa. Persekitaran keselamatan global yang semakin mencabar menuntut sistem kawalan sempadan dan imigresen yang lebih berkesan serta cekap bagi menangani khususnya aktiviti militan, keganasan dan pemerdagangan manusia termasuk pengawalan kemasukan warganegara asing ke Negara ini.

Selaras dengan dasar perolehan semasa Kerajaan iaitu secara tender terbuka, Kementerian telah melaksanakan proses pelawaan tender secara *request for proposal* (RFP) pada 15 Mei 2019 dan tarikh tutup tawaran adalah pada 19 Ogos 2019. Tempoh pembangunan Sistem Imigresen Bersepadu adalah selama 3 tahun dan dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2023.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD**  
**YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**  
**TARIKH** : **15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 18:**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah persediaan Malaysia yang bakal mencapai status Negara Tua menjelang tahun 2030 khususnya dalam aspek pengurusan warga emas yang memenuhi kriteria patuh Syariah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada data unjuran penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas seramai 5.80 juta orang atau 15.3 peratus daripada jumlah penduduk.

Sebagai persediaan ke arah menghadapi negara mencapai status negara tua, Kerajaan telah mengambil langkah awal dengan menggubal Dasar Warga Tua sejak tahun 1995. Dasar tersebut telah disemak semula dan dipinda pada tahun 2011 selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Di samping itu, Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) juga telah digubal dan dilaksanakan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Kementerian juga sedang dalam proses menyemak semula PTWEN tersebut bagi menambah baik perancangan program/aktiviti serta pelaporan dan pemantauan PTWEN agar kekal relevan dalam menghadapi isu dan cabaran penuaan.

Selain itu, cadangan bagi mewujudkan satu perundangan khas warga emas akan dilaksanakan melalui Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop bagi Pewujudan Satu Akta Khusus untuk Warga Emas di Malaysia yang dijangka akan selesai pada bulan Ogos 2020. Antara hasil yang dijangka daripada kajian ini adalah satu draf rang undang-undang warga emas yang akan memfokuskan kepada perlindungan hak asasi dan kesejahteraan warga emas. Memandangkan pelaksanaan akta ini kelak akan memberi impak kepada rakyat termasuk agensi Kerajaan yang akan menguatkuasakannya, beberapa sesi konsultasi akan diadakan bersama pemegang taruh yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak swasta, ahli akademik, pertubuhan bukan Kerajaan dan juga komuniti.

Kementerian juga sedang melaksanakan Kajian Diagnostik bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia yang dijangka akan selesai pada

bulan Ogos 2020. Hasil yang dijangkakan adalah pembentukan model pembiayaan serta model penjagaan yang bersepadu serta pelan tindakan pelaksanaan penjagaan jangka masa panjang. Kajian ini akan mengambil kira keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi serta di komuniti.

Selain daripada mengadakan kajian bagi menyediakan *baseline* untuk tujuan perancangan jangka panjang, Kementerian melalui kolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (KHEE) dan *United Nations Development Programme* (UNDP), akan melaksanakan projek daerah mesra warga emas atau dengan izin *age-friendly city* melalui projek rintis di Taiping, Perak. Projek rintis selama dua tahun ini (2019–2020) akan dijalankan berdasarkan panduan *age-friendly city* daripada *World Health Organisation* (WHO). Satu kerangka kerja bagi pewujudan daerah mesra warga emas ini akan dihasilkan yang mana boleh digunapakai oleh pihak berkuasa tempatan lain kelak.

Di peringkat ASEAN pula, Kementerian selaku wakil *Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development* sedang menerajui penyediaan satu pelan tindakan serantau bagi melaksanakan *Kuala Lumpur Declaration on Ageing: Empowering Older Persons in ASEAN*. Deklarasi ini telah dicadangkan oleh Malaysia selaku Pengerusi ASEAN dan dipersetujui oleh Sidang Kemuncak Pemimpin ASEAN pada bulan November 2015 di Kuala Lumpur.

Antara inisiatif lain yang sedang dilaksanakan juga termasuk Program Khidmat Bantu Rumah (*Home Help*), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Program Intergenerasi untuk menggalakkan penjagaan berasaskan komuniti, pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga emas, pemberian Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak RM350 sebulan seorang kepada yang layak serta perlepasan cukai kepada anak-anak untuk penjagaan dan rawatan perubatan ibu dan bapa.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian yakin bahawa pelaksanaan PTWEN dan segala inisiatif yang dinyatakan sebelum ini merupakan satu bentuk rancangan rapi dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas dan juga usaha

## SOALAN NO. 18

Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara mesra warga emas. Semua inisiatif ini juga telah dirancang dan dilaksanakan dengan mengambil kira lima prinsip yang terdapat dalam Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga harta dan menjaga keturunan. Ini secara langsung memastikan bahawa pengurusan warga emas kini dan masa akan datang telah memenuhi kriteria patuh Syariah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL**  
**[ SEKIJANG ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- a. apakah langkah-langkah drastik yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan guru-guru dalam bidang Bahasa Inggeris mencukupi di sekolah rendah mahupun sekolah menengah di seluruh negara ; dan
- b. adakah pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan kualiti pendidikan Bahasa Inggeris terhadap pelajar sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan guru Bahasa Inggeris mencukupi di sekolah rendah dan sekolah menengah mencukupi dengan melaksanakan pengisian guru dari masa ke masa daripada kalangan graduan pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Universiti Awam (UA) tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran. Urusan pengambilan dibuat melalui Pihak Berkuasa Melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dijalankan sepanjang tahun.

Sebagai penyelesaian segera dalam menangani kekurangan guru Bahasa Inggeris, pihak KPM turut membuat pengambilan guru interim daripada pasaran terbuka. Untuk makluman, urusan pengambilan guru secara interim bagi sekolah rendah sedang dilaksanakan untuk diambil pada bulan September 2019 melibatkan pengambilan seramai 2,968 calon guru interim pelbagai opsyen termasuk opsyen Bahasa Inggeris.

Bagi calon guru interim yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan, KPM menyediakan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) secara Kursus Dalam Cuti (KDC) untuk ditempatkan di sekolah menengah. Bagi menjamin kualiti guru, hanya calon guru interim yang berjaya menamatkan KDC dan melepasi tapisan SPP akan dilantik sebagai guru di KPM.

Selain itu, mengambil kira kepentingan pendidikan kepada murid-murid di sekolah, KPM turut membuat pengambilan guru ganti bagi menggantikan guru yang cuti bersalin, berkursus dan sebagainya.

- b. Berkaitan dengan kualiti pendidikan bahasa Inggeris, KPM telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan kualiti bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah. Melalui usaha sama KPM dan *Cambridge English* (2016-2020), pelbagai perubahan secara sistematik dilaksanakan terhadap pendidikan bahasa

## NO. SOALAN: 19

Inggeris. Antara usaha yang dilaksanakan melibatkan penjajaran kurikulum Bahasa Inggeris, pentaksiran, latihan guru dan bahan sumber dijajarkan kepada piawaian antarabangsa *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Usaha sama ini adalah berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Bahasa Inggeris yang dikenali sebagai *The Roadmap for English Language Education in Malaysia 2015–2025*. Pelan ini memperincikan perubahan dalam pendidikan Bahasa Inggeris pada peringkat prasekolah sehingga universiti termasuk pendidikan guru.

Di samping itu, pelbagai program telah dilaksanakan oleh KPM bagi meningkatkan pendidikan bahasa Inggeris, antaranya ialah:

1. Program *Fulbright English Teaching Assistant* (ETA) - program ini dilaksanakan di 100 buah sekolah luar bandar selama tiga (3) tahun bermula tahun 2018 hingga 2020 dengan penempatan *Fulbright Scholars* dari universiti di Amerika Syarikat sebagai pembantu guru. Sukarelawan ETA ini berperanan membantu guru melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran Bahasa Inggeris di dalam dan di luar kelas.
2. Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris Sekolah (PPKBIS) – program ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian bahasa Inggeris di sekolah *hotspot*, iaitu sekolah yang mempunyai peratus kelulusan Bahasa Inggeris di bawah 77% peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. (SPM). Program melibatkan pengajaran Bahasa Inggeris melalui pendekatan pemulihan.
3. *Highly Immersive Programme* (HIP) merupakan satu inisiatif untuk meluaskan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid serta mewujudkan persekitaran yang menyokong penggunaan BI termasuk aktiviti dalam kelas, luar kelas, kelas tambahan dan program *Outreach*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
[ JASIN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 20**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan peranti telekomunikasi atau peralatan moden yang kreatif dan inovatif di pasaran semasa akan memudahkan untuk mendapat maklumat peribadi. Apakah tindakan Kementerian dalam menangani teknologi yang tidak terkawal ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa berusaha menggalakkan para pengguna di negara ini untuk hanya menggunakan peranti dan peralatan komunikasi yang diperakui. Namun, penggunaan peranti yang tidak diperakui masih berleluasa disebabkan orang ramai boleh membeli peranti dan peralatan tersebut dari serata dunia secara atas talian. Orang ramai mungkin masih belum sedar bahawa semua peranti dan peralatan komunikasi yang dibeli perlu diperakui oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd ("SIRIM") selaku agensi pemerakuan yang berdaftar bagi membolehkannya digunakan di Malaysia, mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan, termasuk Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) dan Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000.

2. CyberSecurity Malaysia, agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menyediakan perkhidmatan penilaian keselamatan terhadap produk Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT). Penilaian boleh mengenalpasti fungsi keselamatan yang ada pada produk tersebut serta menjalankan ujian penembusan (*penetration test*) bagi mengenalpasti kerentanan produk tersebut.

3. Produk ICT dinilai berdasarkan skim standard antarabangsa ISO/IEC 15408 Common Criteria (CC) atau penilaian yang dibangunkan oleh CyberSecurity Malaysia iaitu Penilaian Keselamatan Produk ICT (ICT Product Security Assessment - IPSA) dan Jaminan Keselamatan Teknologi (*Technology Security Assurance* - TSA). Produk ICT yang lulus dalam penilaian ini akan menerima sijil 'selamat digunakan' atau laporan penilaian. Sekiranya produk tersebut gagal penilaian yang dibuat, laporan penilaian yang dikeluarkan akan mengandungi cadangan penambahbaikan bagi memenuhi fungsi keselamatan produk tersebut.

4. Pengguna juga dinasihati tidak membeli atau menggunakan sebarang peralatan komunikasi yang tidak diperakui SIRIM. Apabila membeli peralatan komunikasi, pengguna perlu memastikan peralatan komunikasi tersebut mempunyai label MCMC yang mengesahkan ia telah diperakui mematuhi standard. Selain itu, pengguna dinasihati tidak keliru dengan mana-mana tanda atau label pemerakuan asing seperti 'FCC' atau 'CE' kerana label tersebut tidak menunjukkan bahawa kelengkapan itu mematuhi keperluan peraturan dan standard tempatan. Peralatan yang tidak diperakui mungkin tidak sesuai untuk digunakan di Malaysia dan boleh menyebabkan gangguan kepada rangkaian komunikasi atau peralatan komunikasi lain. Ia juga berkemungkinan tidak selamat untuk digunakan oleh orang awam.

5. Jika seseorang didapati menawar untuk jualan, menjual atau memiliki dengan tujuan untuk menjual mana-mana peralatan komunikasi yang tidak diperakui, tindakan boleh diambil di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000 yang apabila disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit (RM 100,000.00) atau dipenjarakan tidak melebihi enam (6) bulan atau

kedua-duanya sekali. Larangan dan penalti ini terkandung dalam Peraturan 16 dan 37 Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SKMM telah melancarkan kempen kesedaran “*Check Your Label*” atau “Semak Label Anda” sejak tahun 2015. “*Check Your Label*” adalah kempen untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna tentang kepentingan membeli peralatan komunikasi yang diperakui mengikut standard yang telah ditetapkan dan mempunyai label MCMC yang sah.

7. Di samping itu, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) diwujudkan bagi **mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial** oleh pengguna data. Setiap pengguna data (syarikat yang memproses data peribadi di dalam transaksi komersial tersebut) wajib mematuhi 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi dalam mengendalikan data peribadi subjek data (pemilik data peribadi) bagi memastikan data peribadi tersebut tidak disalahgunakan. 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi di bawah Akta 709 serta Standard Perlindungan Data Peribadi perlu dipatuhi oleh pengguna data dalam kaedah memproses data peribadi termasuk penggunaan sebarang peranti atau peralatan.

8. Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan siber dan mendidik masyarakat Malaysia mengenai kepentingan keselamatan siber serta tatacara penggunaan Internet secara positif dan berhemah, CyberSecurity Malaysia telah melaksanakan program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness for Everyone*). Program-program yang telah dilaksanakan termasuk Ceramah CyberSAFE, CyberSAFE Ambassador, Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan dan program Safer Internet Day 2019 bertemakan #cyberwellness.

9. Program CyberSAFE bertujuan mendidik dan mempertingkatkan kesedaran keselamatan siber dalam kalangan masyarakat khususnya pengguna-pengguna internet. Di samping itu program ini memberi maklumat dan pengetahuan supaya isu-isu keselamatan siber dapat ditangani terutamanya semasa melayari Internet. Program pendedahan

dan kesedaran tentang risiko dan bahayanya ancaman siber diberikan kepada pengguna Internet agar mereka sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan amalan terbaik semasa berada di alam siber dan lebih berhati-hati apabila menerima mesej untuk mengakses mana-mana pautan atau memberikan maklumat peribadi secara atas talian.

10. Pengguna internet boleh mengunjungi laman web [www.cybersafe.my](http://www.cybersafe.my) untuk mendapat maklumat lebih lanjut dan khidmat nasihat mengenai keselamatan ketika melayari Internet dan keselamatan siber. Sekiranya mereka menghadapi masalah pencerobohan siber, mereka boleh menghubungi CyberSecurity Malaysia melalui e-mel ke [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my), laman web Cyber999, SMS ke 15888, faks, telefon melalui aplikasi Android dan Apple serta secara walk-in ke MyCyberSecurity Clinic.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 21**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status permohonan UPU bermula tahun 1998 hingga 2018 dengan pecahan setiap tahun seperti berikut:-

- a. senarai 10 kursus paling popular dan jumlah tempat ditawarkan oleh IPTA ; dan
- b. senarai 10 kursus paling tidak popular dan jumlah tempat ditawarkan oleh IPTA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Senarai sepuluh (10) kursus paling popular dan bilangan permohonan ke IPTA untuk lepasan STPM program Ijazah Sarjana Muda Sesi Akademik 2018/2019 adalah :

- Bagi Kursus Aliran Sains

1. Ijazah sarjana muda Bioperubatan di USM dengan bilangan tempat yang ditawarkan berjumlah 28 tempat ;
2. Ijazah sarjana muda Sains Forensik di USM dengan 30 tempat ditawarkan;
3. Ijazah sarjana muda Bioperubatan di UPM dengan tawaran 27 tempat;
4. Ijazah sarjana muda Pemakanan di USM dengan 25 tempat;
5. Ijazah sarjana muda Sains Matematik di UPM dengan 25 tempat;
6. Ijazah sarjana muda Bioperubatan di UM dengan 23 tempat ditawarkan;
7. Ijazah sarjana muda Sains Matematik di UM dengan 23 tempat;
8. Ijazah sarjana muda Dietetik di UiTM dengan 33 tempat ditawarkan;
9. Ijazah sarjana muda Fisioterapi di UiTM dengan 43 tempat ditawarkan;
10. Ijazah sarjana muda Kejuruteraan Kimia dengan 27 tempat di UPM.

- Bagi Kursus Aliran Sastera

1. Ijazah sarjana muda Psikologi di UNIMAS dengan bilangan tempat yang ditawarkan berjumlah 30 tempat ;
2. Ijazah sarjana muda Syariah (Fiqh dan Usul) di UM dengan 9 tempat ditawarkan;
3. Ijazah sarjana muda Kaunseling di UNIMAS dengan tawaran 47 tempat;
4. Ijazah sarjana muda Usuluddin di UM dengan 8 tempat;

5. Ijazah sarjana muda Pembangunan Sumber Manusia di UPM dengan 50 tempat;
6. Ijazah sarjana muda Bahasa dan Linguistik Melayu di UPM dengan 65 tempat ditawarkan;
7. Ijazah sarjana muda Perakaunan di UPM dengan 82 tempat;
8. Ijazah sarjana muda Psikologi Pembangunan Sumber Manusia di UTM dengan 55 tempat ditawarkan;
9. Ijazah sarjana muda Pembangunan Sumber Manusia di UiTM dengan 50 tempat ditawarkan;
10. Ijazah sarjana muda Pentadbiran Perniagaan dengan 82 tempat di UPM.

b) Senarai sepuluh (10) kursus tidak popular dan bilangan permohonan ke IPTA untuk lepasan STPM program Ijazah Sarjana Muda Sesi Akademik 2018/2019.

1. Ijazah sarjana muda Sains Kelestarian di UMK dengan bilangan tempat yang ditawarkan berjumlah 100 tempat ;
2. Ijazah sarjana muda Sains Tumbuhan Gunaan di UIAM dengan 38 tempat ditawarkan;
3. Ijazah sarjana muda Teknologi Sumber Hutan di UMK dengan tawaran 105 tempat;
4. Ijazah sarjana muda Teknologi Pembangunan Produk di UM dengan 8 tempat;
5. Ijazah sarjana muda Sains Sumber Asli di UMK dengan 100 tempat;
6. Ijazah sarjana muda Perniagaan Tani di UnisZA dengan 56 tempat ditawarkan;
7. Ijazah sarjana muda Fizik Gunaan di USIM dengan 45 tempat;
8. Ijazah sarjana muda Teknologi Kimia Industri di USIM dengan 55 tempat ditawarkan;
9. Ijazah sarjana muda Teknologi (Biosumber, Kertas dan Penglitup) di USM dengan 40 tempat ditawarkan;
10. Ijazah sarjana muda Kejuruteraan Perniagaan (Kersama dengan Reutlingen University, Jerman) dengan 45 tempat di UMP.

Sekian, terima kasih.

RJM 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[PADANG TERAP]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 22**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis tanaman kontan yang akan diperkenalkan oleh pihak Kementerian kepada pesawah bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil padi dan apakah bentuk mekanisme pelaksanaan yang akan digunakan termasuklah aspek penggunaan tanah dan pemasaran produk.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanaman kontan adalah jenis tanaman singkat masa seperti sayur-sayuran, pisang, jagung manis, ubi kayu, ubi keledak, ubi keladi, ubi sengkung, ubi badak, kacang tanah, tebu serta halia dan kunyit yang dimakan segar. Ianya mengambil masa tidak lebih daripada setahun tempoh penanaman, kebiasaannya antara tiga (3) hingga enam (6) bulan. Pemilihan tanaman kontan adalah berdasarkan kesesuaian tanah, persekitaran dan permintaan pasaran.
2. Buat masa ini, penggunaan tanah untuk **pelaksanaan penanaman tanaman kontan di sawah padi adalah dihadkan di kawasan tepi sawah bagi kawasan jelapang**. Contoh pelaksanaan di kawasan tepi sawah adalah di Sg Burong, Tanjong Karang, Selangor. Pesawah menggunakan 1 ha kawasan tepi sawah dan ditanam dengan tanaman pisang. Walaubagaimanapun bagi kawasan luar jelapang adalah digalakkan mengamalkan penggiliran tanaman dalam petak sawah padi dengan tanaman kontan menggunakan teknologi sedia ada.
3. Walaubagaimanapun pelaksanaan tanaman kontan memerlukan penyediaan tanah yang sesuai seperti batas kerana petak sawah boleh bertakung air (musim hujan) dan mengelakkan pokok rosak terendam air.
4. Pemasaran boleh dilaksanakan secara jualan terus dari ladang oleh petani sendiri kepada peraih atau menyertai program ladang kontrak yang disediakan oleh FAMA di mana petani bersetuju mengeluarkan hasil pertanian secara tetap dan berterusan mengikut jadual pengeluaran yang ditetapkan oleh pembeli dan boleh menjamin pasaran hasil pertanian tersebut mengikut terma-terma di dalam kontrak yang dipersetujui petani.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK  
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN  
[ BEAUFORT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 23**

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun  
[ Beaufort ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan untuk menaik taraf kemudahan dan perkhidmatan jalur lebar khususnya di negeri Sabah memandangkan kelajuan internet kurang memuaskan buat masa ini terutamanya di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pihak Kerajaan secara berterusan giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Beaufort dan seluruh negeri Sabah.
2. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada, sebanyak 358 menara komunikasi baru telah siap beroperasi di Sabah manakala 34 menara lagi dalam peringkat pelaksanaan. Ini merupakan tambahan kepada 1,078 menara komunikasi yang disediakan secara komersial di Sabah oleh syarikat-syarikat telekomunikasi utama. Daripada jumlah ini, sebanyak 41 menara komersial terletak di Beaufort.
3. Selain itu, sebanyak 1,218 lokasi menara sedia ada telah siap dinaiktaraf di negeri Sabah yang menyediakan liputan perkhidmatan sehingga 4G manakala 51 menara lagi sedang dalam proses penaiktarafan dan dijangka siap menjelang suku keempat 2019. Daripada jumlah tersebut, 37 lokasi menara yang telah siap dinaiktaraf berada di Beaufort manakala 2 lokasi lagi dalam peringkat pelaksanaan.
4. Melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri, bandar-bandar utama dan kawasan ekonomi berimpak tinggi di seluruh negara termasuk di Sabah, lebih 100 ribu sambungan telah tersedia yang melibatkan penaiktarafan 10 ibusawat di Sabah.
5. Pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar di mana terdapat lebih 40 ribu sambungan tersedia melalui 40 ibusawat talian tetap di Sabah manakala sebanyak 5 ribu sambungan lagi dalam pelaksanaan termasuklah 2 ibusawat yang berada di parlimen Beaufort.

6. Sebagai tambahan, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Sistem Kabel Dasar Laut yang menghubungkan Semenanjung ke Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan internet dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti 4 tarabit sesaat dengan jumlah jarak keseluruhan melebihi dari 3,800 kilometer.
  
7. Kesemua inisiatif ini adalah usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan liputan dan kualiti jalur lebar di kawasan bandar dan luar bandar termasuklah di Kota Kinabalu.
  
8. Pihak Kerajaan juga telah merangka Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN  
HAFIZ SYED ABDUL FASAL  
[BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO.24**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah punca kenaikan bil elektrik yang tinggi yang dikenakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada Mei 2019 baru-baru ini. Apakah langkah yang diambil Kementerian agar perkara sebegini tidak berulang lagi di masa akan datang. Ini kerana kenaikan tersebut membebankan rakyat tambahan pula dengan kos sara hidup yang tinggi buat masa sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 15 hingga 20 Mei 2019 adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB. Dalam tempoh tersebut, TNB tidak dapat mengeluarkan bil elektrik dan menyebabkan tempoh pengebilan pengguna adalah lebih panjang daripada biasa. Perkara ini memberi kesan kepada jumlah bil elektrik pengguna bagi bulan tersebut yang menjadi lebih tinggi berbanding jumlah bil elektrik dengan tempoh pengebilan biasa dengan corak penggunaan elektrik yang sama.

2. Selain itu, terdapat juga kenaikan bil yang disebabkan oleh kesilapan bacaan meter yang dibuat secara manual semasa tempoh gangguan sistem tersebut. Walau bagaimanapun, kesilapan ini telah diselaraskan oleh pihak TNB dan pengguna telah menerima bil dengan bacaan sebenar dan lebihan bayaran telah dikreditkan semula ke dalam bil pengguna berkenaan.

3. Kerajaan melalui pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengambil tindakan-tindakan sewajarnya bagi memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi seperti berikut:

(i) mengeluarkan notis peringatan supaya TNB memberi perhatian serius dan mengambil tindakan penyelesaian segera berkaitan aduan bil elektrik yang tinggi serta melaporkannya kepada ST;

(ii) menyediakan sebanyak 24 kertas siasatan yang telah pun dikemukakan kepada pihak AGC untuk pertimbangan tindakan kompaun terhadap TNB.

(iii) menjalankan siasatan terhadap punca berlakunya peningkatan bil elektrik pengguna dengan mengadakan audit BCRM dan telah mengambil tindakan pemulihan sistem;

(iv) menjalankan siasatan dan mengkaji tindakan undang-undang yang boleh diambil di bawah Akta Bekalan Elektrik; dan

(v) ST telah meminta TNB untuk menyelesaikan isu tersebut dan, menurut TNB, setakat 3 Julai 2019, sebanyak 98 peratus daripada 18,965 pertanyaan dan aduan telah diberi maklum balas, disiasat dan diselesaikan oleh TNB. Sehingga 3 Julai 2019 juga seramai 1,800 pengguna terlibat telah menerima bayaran balik lebihan caj bil elektrik.

4. Sekiranya aduan pengguna kepada TNB tidak dapat diselesaikan, pengguna boleh merakamkan aduan mereka di <http://aduan.st.gov.my>. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 25**

**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar lepasan SPM dan STPM di kawasan pedalaman Sabah yang berjaya mendapatkan tawaran melanjutkan pengajian ke universiti awam bagi sesi akademik 2017-2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi dalam pemprosesan pemilihan kemasukan pelajar ke universiti awam (UA). Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon.

Pada Sesi Akademik 2016 hingga 2018, seramai 20,303 orang pelajar dari Sabah telah memohon untuk melanjutkan pengajian di UA, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Daripada jumlah ini, seramai 4,889 pelajar dari pedalaman Sabah telah berjaya mendapat tawaran untuk melanjutkan pengajian di Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA dengan pecahan 76 peratus (3,737) calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan 24 peratus (1,152) calon lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Setaraf.

Sekian, terima kasih.

RJM 94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN  
(KENINGAU)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan:-**

a) Adakah menjadi dasar Kerajaan untuk mengutamakan warga asing dan warga tanpa negara (stateless) dan membelakangkan warga asal di Sabah, sepertimana yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Sabah; dan

b) Apakah cara dan kaedah “pemutihan” pendatang asing dan pekerja haram yang dilaksanakan untuk mengesahkan pekerja dan pendatang asing serta keluarga mereka di Sabah dan berapakah jumlah yang sudah diberi dokumen sah sehingga sekarang di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Keningau adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 yang menyatakan bahawa Sabah dan Sarawak diberikan kuasa mengendalikan hal ehwal imigresen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.  
MAHATHIR [ JERLUN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah tegas yang diambil untuk membanteras sebaran fitnah, tohmahan dan hasutan, baik yang berbentuk tulisan, gambar mahupun video melalui media sosial. Berapakah jumlah aduan yang diterima dan berapa kes yang telah diambil tindakan. Bagaimana Kementerian memantau bahan-bahan yang ditular melalui akaun palsu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil langkah proaktif bagi menangani gejala ini dengan menjalankan kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi penguatkuasaan seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membendung penyalahgunaan Internet, khususnya kegiatan penyebaran kandungan atau maklumat tidak sahih/ palsu yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara. Kerjasama ini meliputi aspek-aspek kerjasama pemantauan, pengesanan, perkongsian maklumat dan forensik digital.

## SOALAN NO: 27

2. Peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) adalah antara instrumen perundangan yang tergunapakai di dalam mengawal perekaan, penerbitan dan penuluran kandungan atau berita tidak benar.
3. Antara tahun 2018 sehingga Mei 2019, pihak SKMM telah menerima sejumlah 641 aduan awam berkaitan berita palsu. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 51 kertas siasatan telah dibuka oleh pihak SKMM berhubung penyebaran berita palsu, dan 5 daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman. Usaha yang dijalankan SKMM ini akan diteruskan selaras laporan dan aduan awam yang diterima, terutamanya bilamana melibatkan berita palsu yang boleh menjejaskan keharmonian perhubungan antara berbilang kaum dan agama di dalam negara.
4. Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan pada Mac 2017 juga menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular. Selain itu, pelbagai program advokasi dan kesedaran turut dijalankan di media dan di lapangan bagi memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu serta pembudayaan amalan menyemak dan menentusahkan sesuatu berita.
5. Jalinan kerjasama antara berbilang agensi (20 agensi Kerajaan dan lebih daripada 130 agensi, organisasi dan syarikat berkaitan Kerajaan) turut dilaksanakan melalui Jawatankuasa Operasi Pengurusan Berita yang Tidak Ditentusahkan Dalam Talian yang bertindak menyelaras koordinasi dalam menguruskan kandungan atau berita palsu. Melalui jalinan kerjasama tersebut, agensi yang terlibat memainkan peranan dengan mengesan dan memantau penuluran berita/ maklumat yang tidak benar yang timbul atau menular (*viral*) dan seterusnya mengeluarkan kenyataan menjelaskan atau menafikan sebarang berita palsu/ mengelirukan yang melibatkan agensi dan Kementerian masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 15.7.2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 28**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL  
PENGGUNA** menyatakan apakah punca dan tindakan yang diambil bagi  
menyelesaikan masalah kenaikan harga barang dan perkhidmatan pada  
era pelaksanaan sistem SST sekarang.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang mengamalkan  
sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka dimana kuasa pasaran  
(*market forces*) berperanan sebagai faktor penentu kepada turun naik  
harga barangan di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan  
luaran yang lain. Dalam konteks ekonomi bebas ini, pengaruh dan  
keadaan dalam pasaran merupakan aspek penting dalam penentuan  
harga barangan.

Terdapat beberapa faktor lain yang turut menyumbang kepada  
perubahan harga barangan di pasaran seperti:

- i) faktor permintaan dan penawaran;

- ii) kegiatan manipulasi harga oleh orang tengah;
- iii) peningkatan kos logistik dan pengangkutan;
- iv) kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding mata wang utama dunia;
- v) sikap peniaga yang tamak dan mementingkan keuntungan; dan
- vi) kegiatan kartel dan monopoli.

**Yang di-Pertua,**

Pelbagai mekanisme telah dilaksanakan bagi mengawal harga barangan terutamanya barang-barang keperluan asas agar tidak dinaikkan harga di pasaran. Barang-barang kawalan yang diberikan subsidi oleh Kerajaan termasuklah tepung gandum kegunaan am, minyak masak dan gas petroleum cecair (LPG) untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dan membekalkan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna. Kerjasama strategik dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan agensi-agensi berkaitan akan diperkukuh dan dilaksanakan secara bersepadu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan senarai semua misi Angkatan Tentera Malaysia di luar negara, berapa jumlah anggota ATM bagi setiap misi yang terlibat serta berapa perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terlibat dalam pelbagai misi berbentuk pengaman dan bantuan kemanusiaan di luar negara yang dilaksanakan di bawah misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan di bawah inisiatif Malaysia sendiri.

Bagi misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di luar negara, ATM terlibat di dalam 1 misi Pengaman di Lubnan dan 5 misi yang melibatkan penugasan sebagai Pegawai Pemerhati Tentera (PPT) dan Pegawai Staf Tentera (PST) di pelbagai negara.

Bilangan keseluruhan anggota ATM yang terlibat di bawah misi PBB ialah seramai 882 anggota, dimana perbelanjaannya ditanggung oleh pihak PBB. Namun demikian pihak kerajaan Malaysia turut menanggung kos perbelanjaan logistik setiap pergerakan sebelum dan selepas anggota untuk penugasan PPT dan PST pada anggaran sebanyak RM410,700 setahun. Senarai misi PBB yang disertai ATM ialah seperti berikut:

1. Misi Pengaman PBB – MALBATT 850 UNIFIL (Lubnan).
2. Penugasan Pegawai Pemerhati Tentera (PPT) dan Pegawai Staf Tentera (PST) di misi :
  - a. MONUSCO (Congo);
  - b. MINURSO (Sahara Barat);
  - c. UNISFA (Sudan);
  - d. UNAMID (Sudan); dan
  - e. UNIFIL (Lubnan).

ATM juga terlibat dalam Tim Pemantau Antarabangsa – Mindanao, Filipina. Pada masa ini seramai 11 anggota ATM sedang bertugas dalam tim ini dengan tanggungan kerajaan pada anggaran RM2.78 juta setahun bagi menampung perbelanjaan logistik dan elaun anggota.

Disamping itu, ATM turut terlibat dalam misi *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR) di Cox's Bazaar, Bangladesh dengan mengoperasikan sebuah Hospital Medan Malaysia (HMM). Seramai 56 anggota ATM dan jururawat awam terlibat dalam operasi hospital ini dengan tanggungan kerajaan pada anggaran RM10.12 juta setahun bagi menampung perbelanjaan logistik dan elaun anggota.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA**  
**[SIPITANG ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 30**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha dilaksana untuk membaiki serta menaik taraf sekolah-sekolah daif di luar bandar di Sabah dan Sarawak, termasuk dalam kawasan Parlimen Sipitang dalam usaha meningkatkan taraf pendidikan di kedua-dua negeri ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah melibatkan 153 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM552.152 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI) manakala untuk negeri Sarawak sebanyak 198 buah sekolah dengan kos berjumlah RM678.97 juta untuk pelaksanaan projek daif tahun 2018.

Bagi negeri Sabah, sebanyak 120 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan kos sebanyak RM429.741 juta. Sehingga 24 Jun 2019 sebanyak 75 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 45 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan. Manakala di Sarawak sebanyak 116 buah sekolah telah dinaik taraf dengan kos sebanyak RM416.58 juta.

Sehingga 24 Jun 2019 sebanyak 75 buah sekolah telah siap dibina dan telah digunakan manakala baki 41 sekolah lagi masih dalam

## NO. SOALAN: 30

peringkat pelaksanaan termasuk 17 buah projek dalam proses penamatan.

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan untuk negeri Sabah melibatkan naik taraf dan pembangunan semula 3 buah sekolah daif. Manakala di Sarawak pula, melibatkan 32 buah sekolah dengan kos sebanyak RM100 juta. Kesemua projek-projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara tender terbuka. Projek-projek ini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan iaitu tiga (3) projek di Sabah dijangka akan ditender pada hujung bulan Julai 2019 ini. 30 projek di Sarawak telah selesai ditender dan kini dalam proses penilaian tender. Dua (2) projek lagi di Sarawak sedang dalam peringkat penyediaan reka bentuk.

Untuk makluman, terdapat lapan (8) projek naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif yang sedang dilaksanakan di Parlimen Sipitang. Projek ini meliputi:

1. SK Lago (status fizikal 100%);
2. SK Long Pasia (status fizikal 100%);
3. SK Lubok Darat (status fizikal 99%);
4. SK Melanam (status fizikal 99%);
5. SK Kebawang (status fizikal 99%);
6. SK Mendulong (status fizikal 99%);
7. SK Sindumin (status fizikal 99%); dan
8. SK Lupak (status fizikal 99%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 31**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan dan strategi pelaksanaan Kementerian untuk menambah pendapatan dan mempertingkatkan taraf sosioekonomi nelayan-nelayan pantai di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menambah pendapatan dan meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan-nelayan pantai di seluruh negara selain daripada hasil tangkapan ikan, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai strategi seperti berikut :

(i) Mempergiatkan Program myKomuniti Perikanan (myKP) yang menyatukan komuniti nelayan setempat untuk mengurus sumber tangkapan perikanan disamping memberi peluang kepada komuniti tersebut untuk meningkat pendapatan. Sebagai contoh, komuniti myKP di Sungai Sembilang, Selangor telah berjaya mengusahakan 4 projek ternakan kupang; di mana setiap satu projek berupaya menghasilkan satu tan kupang dengan nilai pasaran berjumlah RM6,000.

(ii) Membangunkan Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA) bertujuan untuk menggalakkan penglibatan isteri dan anak nelayan di dalam industri asas tani, pemprosesan berasaskan perikanan dan keusahawanan. Sebagai contoh, KUNITA Belawai, Sarawak yang mengusahakan restoran dan pemprosesan mee kuning bagi pasaran setempat telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM12,000 sebulan.

(iii) Memperkasakan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) melalui projek ekonomi seperti agro-pelancongan, perikanan rekreasi dan akuakultur. Sebagai contoh, PNK Rompin yang mengusahakan chalet penginapan dan kolam memancing berjaya menjana pendapatan sebanyak RM26,000 sebulan. Manakala KUBENA Besut telah mengusahakan ternakan dan asuhan benih ikan kerapu hibrid yang memberi pulangan sebanyak RM7,000 bagi setiap pusingan (3 bulan setiap pusingan).

## SOALAN NO : 31

(iv) Meluaskan program pasar nelayan sedia ada dengan menambah 4 lagi kawasan bagi tahun 2019 iaitu di Puchong, Selangor; Sandakan, Sabah; Parit Simin, Johor dan Tumpat, Kelantan. Pasar nelayan ini merupakan platform yang disediakan oleh Kerajaan dalam memberikan peluang kepada nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan secara terus kepada pelbagai peringkat pengguna. Sehingga tahun 2018, terdapat sebanyak 128 buah pasar nelayan yang telah dibina di seluruh negara.

(v) Meningkatkan taraf hidup nelayan dengan membaik pulih, membina rumah baharu dan mewujudkan penempatan semula dengan prasarana asas supaya golongan nelayan dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa. Sehingga tahun 2019, sebanyak 3 projek penempatan semula dengan bilangan rumah sebanyak 630 buah rumah siap untuk diduduki, 19,900 buah rumah telah siap dibaik pulih dan 22 buah rumah siap dibina baharu. 7 lagi projek penempatan semula masih dalam pelaksanaan dengan bilangan rumah sebanyak 1,190 buah.

Bagi perancangan masa hadapan, Kementerian akan menilai semula keberkesanan program-program sedia ada dan seterusnya akan merangka program baru bagi memberi penekanan kepada program-program yang menambah pendapatan dan meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan-nelayan pantai di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
[ AYER HITAM ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 32**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) adakah "*Green Court*" yang sedia ada akan dibubarkan dengan penggubalan Akta Alam Sekitar (EPA) yang baharu; dan
- (b) bagaimana Kementerian akan memperbaiki tatacara prosedur "*Green Court*" apabila bilangan kes yang gagal meneruskan pendakwaan akibat pegawai pendakwa yang kurang kemahiran dan kesilapan teknikal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. *Green Court* adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kehakiman dan tiada peruntukan berkenaan *Green Court* di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Penggubalan akta baru tidak akan menyebabkan *green court* dibubarkan. Walau bagaimanapun, Kementerian amat mengalu-alukan kewujudan *green court* memandangkan ia mempercepatkan proses penghakiman bagi kes-kes berkaitan alam sekitar.
2. Kementerian secara amnya tidak menyelaraskan tatacara prosedur *green court* oleh sebab penubuhan *green court* ini adalah dibawah Jabatan Kehakiman. Namun begitu, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kehakiman dalam menambah baik tatacara dan prosedur *green court* sekiranya diperlukan.
3. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) terlibat dalam program latihan dan peningkatan kapasiti yang dianjurkan oleh Jabatan Kehakiman. Langkah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan teknikal kepada pengamal perundangan dan pegawai-pegawai JAS dalam menguatkuasakan undang-undang/peraturan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah akan diberi autonomi sepenuhnya mengendalikan hal ehwal pembangunan pelajaran di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita melaksanakan sistem pendidikan berpusat. Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan. Akta 550 merupakan dokumen perundangan yang menjadi rujukan berhubung apa-apa perkara yang berkait dengan pendidikan di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta 550 ini juga telah mengkanunkan segala hasrat dan aspirasi negara yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain itu, Perkara 74 dan 80 Perlembagaan Persekutuan, turut menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa perundangan dan kuasa eksekutif dalam perkara berkaitan pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 13 Senarai I (Senarai Persekutuan) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi kuasa kepada negeri Sabah untuk melaksanakan sistem pendidikan yang berbeza daripada dasar pendidikan Kerajaan Pusat. Walau begitu, KPM bersedia untuk mempergiatkan lagi jalinan kerjasama yang tersedia ada antara KPM dengan kerajaan negeri Sabah bagi memastikan pendidikan di negara ini berada dalam tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

RJM 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL  
RAHMAN [ PASIR SALAK ]**

**TARIKH : 15.7.2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 34**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL  
PENGGUNA** menyatakan sebab-sebab mengapa masih banyak harga  
barang keperluan yang membebankan kehidupan rakyat.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka dimana kuasa pasaran (*market forces*) berperanan sebagai faktor penentu kepada turun naik harga barangan di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain. Dalam konteks ekonomi bebas ini, pengaruh dan keadaan dalam pasaran merupakan aspek penting dalam penentuan harga barangan.

Terdapat beberapa faktor lain yang turut menyumbang kepada perubahan harga barangan di pasaran seperti:

- i) faktor permintaan dan penawaran;
- ii) kegiatan manipulasi harga oleh orang tengah;
- iii) peningkatan kos logistik dan pengangkutan;
- iv) kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding mata wang utama dunia;
- v) sikap peniaga yang tamak dan mementingkan keuntungan; dan
- vi) kegiatan kartel dan monopoli.

**Yang di-Pertua,**

Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dan membekalkan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna. Kerjasama strategik dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan agensi-agensi berkaitan akan diperkukuh dan dilaksanakan secara bersepadu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[PETALING JAYA]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 35**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status sisa radioaktif Lynas dan menjelaskan sama ada "*Condisoil*", baja yang dikitar semula daripada sisa tersebut akan dipasarkan di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan surat daripada Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) bertarikh 4 Disember 2018 kepada Lynas Malaysia Sdn Bhd, penyelidikan kitar semula residu *Water Leached Purification* (WLP) menjadi baja, ataupun *Condisoil*, telah diberhentikan selepas 31 Disember 2018 berikutan pra-syarat yang dinyatakan di dalam surat tersebut.
2. Sehubungan itu, *Condisoil* tidak akan dipasarkan di Malaysia kerana tidak mempunyai kelulusan yang diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**  
**[JERANTUT ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 36**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar akan peningkatan kadar yuran Institusi Pengajian Tinggi Awam yang membebankan pelajar dimana yuran yang dikenakan sekarang hampir menyamai yuran di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, serta apakah yang dilakukan Kementerian bagi menangani isu ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membiayai hampir 90 peratus daripada kos pendidikan di universiti awam (UA). Sebagai contoh kos pengajian bidang perubatan di Universiti Malaya yang perlu dibayar oleh pelajar adalah berjumlah RM10,768.00 sahaja berbanding kos sebenar berjumlah RM451,929.00. Selain itu, kos pendidikan tinggi di Malaysia juga adalah hampir percuma kerana 90 peratus daripada keseluruhan program pengajian di institut pengajian tinggi awam (IPTA) khususnya ijazah sarjana muda dan diploma dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan. Ini termasuklah penyediaan kemudahan-kemudahan lain seperti perpustakaan, wifi dan lain-lain kemudahan asas seperti kemudahan utiliti. Manakala pemberian bantuan kewangan kepada 7,969 juga diberikan pelajar pengajian asasi di UA yang berjumlah RM31,053,800.00 bagi tahun 2018.

Manakala bagi tahun 2019, bantuan kepada 8,500 pelajar asasi ini diunjurkan berjumlah RM33,320,000.00. Oleh itu, tiada peningkatan kadar yuran yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar prasiswazah (diploma dan ijazah sarjana muda) di UA.

Sekian, terima kasih.

RJM97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS**  
**@ TUBAU [ LIBARAN ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 37**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah keputusan Konsultasi Rakyat Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian supaya tidak membebankan PTPTN serta peminjam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) mengenai Skim Bayaran Balik Pinjaman PTPTN telah disediakan dan telah dipaparkan untuk mendapat cadangan serta pandangan rakyat di laman sesawang PTPTN mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019.

Dapatan daripada KKR ini akan diperhalusi oleh satu Jawatankuasa Penasihat Bebas bagi mengenalpasti cadangan terbaik yang akan digunapakai sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 38**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan semula PPSMI pada tahun 2020 dalam sistem pendidikan negara dan adakah model PPSMI yang kedua ini sama dengan PPSMI yang telah dilaksanakan pada zaman Kerajaan lama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah digantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010. Namun demikian, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12/2011 pada 4 November 2011 telah membenarkan kohot murid yang telah mengikuti PPSMI sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan bahasa Inggeris sehingga tamat Tingkatan 5 berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah.

Di bawah dasar MBMMBI pula, *Dual Language Program* (DLP) pula telah diperkenalkan mulai pada tahun 2016 dengan memberi pilihan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bidang Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Berkenaan pelaksanaan semula dasar PPSMI, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mengkaji secara terperinci kewajaran pelaksanaan semula dasar ini dengan menyediakan perincian strategi dan mekanisme yang bersesuaian berhubung pelaksanaan semula PPSMI bagi memastikan semua pihak telah betul-betul bersedia terutama penerimaan oleh semua lapisan pihak masyarakat.

Sekian, terima kasih.

RJM 98

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Chen [ Subang ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk memberi laporan dasar terkini tentang pemutihan pekerja asing tanpa permit sah dan jumlah pekerja yang telah disahkan sejak Kerajaan Pakatan Harapan memegang jawatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Kerajaan telah beberapa kali memperkenalkan program khas bagi menangani isu kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan penyelesaian kepada keperluan pekerja asing.

Antara program pemutihan yang telah dijalankan oleh Kerajaan ialah Program Penyelesaian Menyeluruh (*Total Package Solution*) atau Program 6P dari tempoh 10 Oktober 2011 sehingga 30 November 2012, Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) yang telah berlangsung pada 21 Oktober 2013 dan tamat pada 20 Januari 2014, serta Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI atau Program *Rehiring* dari tempoh 15 Februari 2016 sehingga 31 Disember 2017.

Sejumlah besar PATI telah berjaya diputihkan dan diserap menjadi pekerja asing dengan izin iaitu dengan jumlah berikut:

- i. Program 6P dengan pemutihan sebanyak 521,734 orang PATI;

## SOALAN NO : 39

- ii. Program PKPP dengan pemutihan sebanyak 29,810 orang PATI;
- iii. Program *Rehiring* dengan pemutihan sebanyak 325,905 orang PATI.

Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa satu isyarat tegas dan jelas hendaklah diperlihatkan kepada pihak berkaitan bahawa tiada lagi kompromi di pihak Kerajaan ke atas mana-mana PATI dan Majikan yang ingkar dan degil dalam mematuhi undang-undang negara dengan menggaji PATI.

Sejak bulan Mei 2018, Kerajaan tidak melaksanakan sebarang program pemutihan memandangkan bahawa peluang kepada Majikan untuk menggaji pekerja asing adalah terbuka luas dengan kemudahan permohonan secara dalam talian (*online*) yang kini telah diperkenalkan. Kadar bayaran juga telah diterapkan secara telus seperti levi, pemeriksaan kesihatan dan sebagainya yang sentiasa dipantau oleh Kerajaan.

Oleh itu, Kementerian menasihatkan kepada Majikan-majikan agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada dalam menggaji pekerja asing tanpa penglibatan ejen-ejen haram. Pusat Kelulusan Setempat (OSC) yang menempatkan semua agensi-agensi kawal selia bersedia untuk memudahcarakan semua permohonan penggajian pekerja asing bagi memenuhi keperluan dan permintaan ke atas pekerja asing secara teratur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 40**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan program CEO@Faculty; khasnya dalam usaha menggalakkan lebih banyak sumbangan kepakaran dari pihak industri untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan di Universiti Awam (UA).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan di Universiti Awam. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah *Academia Industry Talent Exchange Programme* atau AlxCHANGE. Program AlxCHANGE merupakan program bagi menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran yang boleh dimanfaatkan secara bersama antara pihak akademik dan industri.

Di bawah inisiatif AlxCHANGE terdapat tiga (3) sub inisiatif iaitu CEO @ Faculty Programme 1.0, CEO @ Faculty Programme 2.0 dan *Academia Industry Expert Exchange Program* (AlxPERT).

*CEO @ Faculty Programme 1.0* dengan tema “*Learn From The Pros*” bertujuan untuk memperhebatkan penyertaan daripada pelbagai tokoh syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat multinasional (MNC) dalam industri-industri terkemuka. Tokoh-tokoh ini akan menyumbang perkongsian pengalaman dan kepakaran kepada warga university di antara 20 hingga 30 jam dalam tempoh dua tahun pelantikan. Objektif utama *CEO @ Faculty Programme 1.0* adalah:

- a. CEO tersebut menjadi ikon kepada pelajar melalui sesi perkongsian ilmu dan pengalaman, syarahan dan sesi soal jawab antara CEO dan pelajar.
- b. Memperbaiki kurikulum sedia ada melalui perkongsian amalan terbaik dan kepakaran bersama pensyarah dan staf Universiti Awam (Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat); dan
- c. Mewujudkan integrasi dan sinergi antara pakar industri dengan penyelidik dan pelajar di universiti.

Pada fasa pertama pelaksanaan (sesi 2015-2016) seramai 22 orang CEO daripada pelbagai tokoh Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan

## NO. SOALAN: 40

(GLC), syarikat multinasional (MNC) dalam industri-industri terkemuka. Pada fasa kedua (sesi 2017-2018) pula seramai 72 orang CEO telah terlibat merangkumi sektor awam dan swasta. Pada fasa ketiga (sesi 2019-2020) seramai 64 orang CEO telah bersetuju untuk memberikan komitmen dalam program ini.

Antara impak positif *CEO Faculty Programme* 1.0 ialah pelajar berpeluang mengikuti program berkualiti yang berteraskan model pembelajaran berasaskan pengalaman (*experimental learning*) dan pembelajaran berasaskan teknologi (*technology-enabled learning*). Secara tidak langsung kebolehpasaran graduan dapat ditingkatkan melalui *first hand exposure* kepada pemain industri supaya graduan tersebut lebih bersifat global serta memiliki kemahiran berfikir kritikal dan kemahiran insaniah.

Seterusnya, *CEO @ Faculty Programme 2.0* dilancarkan dengan tema '*Coached By The Pros*' adalah program yang memberi tumpuan kepada penerapan unsur-unsur kepimpinan di peringkat universiti di kalangan pensyarah muda yang berkelulusan Phd di bawah umur 40 tahun dalam mempersiapkan diri sebagai pemimpin yang akan menerajui pengurusan tertinggi universiti pada masa hadapan.

Para pensyarah ini dipilih daripada Universiti Awam dan ditempatkan di organisasi CEO selama enam (6) bulan bagi memberi peluang kepada pensyarah muda tersebut untuk mengikuti dan mempelajari pengoperasian sesebuah syarikat serta mendalami ilmu kepemimpinan CEO.

Pada fasa pertama pelaksanaan (sesi 2017-2018) seramai 54 orang pensyarah muda telah ditempatkan di 26 syarikat terkemuka bersama CEO dan Pengurusan Kanan organisasi. Pada fasa kedua (sesi 2018-2019) pula seramai 48 orang pensyarah muda telah ditempatkan di 26 syarikat terkemuka bersama CEO dan Pengurusan Kanan organisasi.

Objektif utama program *CEO @ Faculty Programme 2.0* adalah seperti berikut:

## NO. SOALAN: 40

- a) Menyediakan platform pendedahan industri kepada pensyarah muda;
- b) Memperoleh pengalaman dan pengetahuan secara bimbingan peribadi daripada CEO; dan
- c) Mendalami kemahiran rundingan, kemahiran rangkaian perhubungan dan kemahiran kepemimpinan daripada CEO.

Program *AixCHANGE* telah diperluaskan dengan pelaksanaan *Academia Industry Expert Exchange Program (AixPERT)*. Program AixPERT ini melibatkan pertukaran kepakaran dan pengalaman antara pihak industri dan universiti dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Sebagai langkah permulaan, seramai 12 orang pensyarah dari enam (6) universiti awam iaitu UniMAP, USM, UTM, UPM, UiTM dan UTHM telah dipilih dalam program *visiting faculty member* di INTEL bermula dari 24 Jun hingga 30 Ogos 2019 di Intel Malaysia.

Pada bulan September 2019 pula, seramai 30 pakar daripada pelbagai industri akan dilantik untuk menyertai program AixPERT di mana mereka akan menyumbangkan kepakaran mereka di Universiti Awam.

*CEO @ Faculty Programme 1.0*, *CEO @ Faculty Programme 2.0* dan AixPERT akan diletakkan di bawah *Academia Industry Talent Exchange Programme* atau AixCHANGE memandangkan terdapat penambahan skop dalam program sedia ada.

Sekian, terima kasih.

RJM 99

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.  
MAHATHIR [ JERLUN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 41**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dengan terperinci Hala Tuju Kementerian dalam memperkasa sektor pertanian, khususnya meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah, selain cadangan penyatuan tanah :-

- a. benarkah Kementerian bercadang menghapuskan harga siling beras tempatan dan tetapkan harga beras putih import; dan
- b. adakah sistem kuota pengeluaran benih padi sah akan diubah dan diganti dengan sistem pasaran terbuka. Bagaimana langkah ini dapat memberikan manfaat terbaik kepada pesawah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menggariskan sebanyak 5 hala tuju utama, 18 strategi dan 51 inisiatif yang memandu gerak kerja pembangunan dan pemeraksanaan sektor pertanian secara khususnya agromakanan negara. Dalam konteks tanaman padi, tumpuan diberikan terhadap peningkatan pengeluaran dan peningkatan pendapatan petani dengan mengurangkan kerugian hasil lepas tuai, pengurusan tanah dan jelapang padi secara optimum dan lebih cekap, membangunkan varieti padi baru, padi hibrid dan padi premium; serta meningkatkan kecekapan rantai bekalan industri, penggunaan dan pengedaran input.

- (a) Cadangan untuk menghapuskan harga siling beras tempatan dan menetapkan harga beras putih import merupakan antara cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam usaha bagi meningkatkan pendapatan petani tanpa mengekang margin pengusaha seperti pengilang, pemborong dan peruncit di sepanjang rantai nilai. Namun demikian, cadangan ini akan diteliti secara menyeluruh agar pada masa yang sama tidak membebankan pengguna dengan peningkatan kos. Antara perkara yang akan dilaksanakan terlebih dahulu adalah :
- i) menjalankan kajian pasaran termasuk menentukan paras harga yang bersesuaian di setiap peringkat industri;
  - ii) melaksanakan sesi *public consultations* termasuk diperluaskan ke Sabah dan Sarawak; dan
  - iii) mengkaji aspek perundangan termasuk pindaan Akta / Peraturan sedia ada.
- (b) Ketika ini, pembekalan benih padi sah kepada petani di Semenanjung Malaysia adalah melalui perolehan tender terbuka,

yang mana pemegang tender yang berjaya akan ditentukan kuota pembekalan berdasarkan kapasiti pembekal dan keperluan benih di lapangan. Dalam pelaksanaan pembekalan benih padi sah, semua pihak yang berminat adalah terbuka untuk memohon kepada Kerajaan sebagai pengeluar benih padi sah tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pada masa ini terdapat sembilan (9) pengeluar benih padi sah yang telah dilantik oleh pihak Kerajaan melalui proses saringan dan prosedur perolehan yang ketat.

Tujuan Kerajaan melantik pengeluar benih padi sah adalah bertujuan untuk memastikan kualiti benih yang dibekalkan kepada petani adalah bermutu, terjamin dan bebas daripada segala penyakit.

Untuk tujuan tersebut, Kerajaan juga sentiasa meneliti secara terperinci dan menambahbaik pelaksanaan pembekalan dan pemasaran benih padi secara terbuka termasuk dalam aspek-aspek seperti berikut:

- i. Keupayaan Kerajaan dalam mengawal kualiti benih padi yang dihasilkan melalui pelbagai sumber yang tidak dikenalpasti;
- ii. Kaedah pengurusan insentif benih padi sah baharu; dan
- iii. Aspek perundangan dan peraturan berkaitan.

Pihak Kerajaan mengambil maklum mengenai beberapa isu kualiti yang telah dibangkitkan oleh petani sebelum ini dan akan memantapkan syarat pemilihan syarikat dalam tender akan datang termasuk mengenakan denda dan penamatan kontrak kepada pengeluar yang gagal memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN  
HUSSEIN [ SEMBRONG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 42**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggubal Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi memupuk integrasi dan perpaduan kaum di kalangan pelajar dan apakah strategi pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan komited dalam memupuk dan memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan murid dan pelajar pelbagai kaum sama ada di peringkat sekolah atau di institusi pendidikan tinggi (IPT). Usaha ini dilaksanakan melalui program sedia ada dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Bagi memastikan usaha perpaduan dan integrasi kaum berlaku dan mendapat impak yang optimum, KPM telah memfokuskan terhadap aktiviti atau program yang melibatkan murid, pelajar, guru, pensyarah dan pihak pentadbir di semua institusi pendidikan.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah memasukkan elemen patriotisme, perpaduan dan kecintaan terhadap agama, bangsa dan negara dalam kurikulum kebangsaan melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah dalam mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta melalui pendekatan merentas kurikulum dalam mata pelajaran lain.

KPM di bawah Inisiatif #110 Pembangunan Nilai, Sahsiah dan Perpaduan di Sekolah, melaksanakan penerapan nilai dan perpaduan melalui program-program yang menekankan empat (4) nilai teras iaitu kasih sayang, hormat menghormati, tanggungjawab dan kegembiraan bagi melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berilmu, beretika, efektif dan berakhlak untuk memacu pertumbuhan negara bangsa yang mampan dan inklusif.

Selaras dengan inisiatif tersebut, KPM telah menyediakan dan mengedarkan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia ke semua sekolah di seluruh negara melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 tahun 2018 bertarikh 9 November 2018. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengetua dan guru besar dalam pelaksanaan amalan harian bagi perpaduan di sekolah KPM.

## NO. SOALAN: 42

Manakala di peringkat pendidikan tinggi, KPM juga telah mewajibkan mata pelajaran umum yang menggariskan elemen kenegaraan, perpaduan, adat dan budaya, kebudayaan serta keharmonian. Empat (4) perincian bagi mata pelajaran umum yang diwajibkan ke atas pelajar ialah penghayatan falsafah, nilai dan sejarah, penguasaan kemahiran insaniah, peluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia, dan kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum. Contohnya, kandungan Kursus Hubungan Etnik bagi menerapkan nilai-nilai murni dan etika, dekografi etnik dan politik, perpaduan kaum dan lain-lain berkenaan polarisasi kaum dalam masyarakat khususnya di Malaysia

Di samping itu, beberapa program lain bagi memupuk perpaduan turut dilaksanakan di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) antara program yang dijalankan adalah Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Kebangsaan, Konvensyen Mahasiswa dan Mahasiswa OKU, Kembara Siswa Patriotik, *Gap Year Volunteerism*, Program Badan-badan Beruniform, Hari Perpaduan dan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu.

Penyertaan murid dan pelajar dalam aktiviti ini tidak terhad kepada golongan tertentu sahaja malah terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik. Program-program ini mampu membentuk kesedaran dalam diri individu dan menjadi platform terbaik dalam penerapan nilai perpaduan seperti yang dihasratkan.

Kementerian menyedari bahawa untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, pendidikan menjadi titik mulanya. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan oleh KPM dan tidak harus terhenti di peringkat sekolah dan IPT sahaja. Semua pihak termasuk Persatuan Ibu Bapa-Guru, badan bukan kerajaan, syarikat swasta, komuniti, alumni dan pihak-pihak berkepentingan perlu bersama-sama dengan pihak sekolah dan IPT terlibat dan bekerjasama menawarkan perkhidmatan dan sokongan dalam program berbentuk perpaduan untuk membina masyarakat yang bersatu padu.

Sekian, terima kasih.

RJM 100

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah berkesan untuk menangani gejala fitnah dalam media sosial yang semakin menjadi-jadi sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil langkah proaktif bagi menangani gejala ini dengan menjalankan kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi penguatkuasaan seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membendung penyalahgunaan Internet, khususnya kegiatan penyebaran kandungan atau maklumat tidak sahih/ palsu yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara. Kerjasama ini meliputi aspek-aspek kerjasama pemantauan, pengesanan, perkongsian maklumat dan forensik digital.

2. Peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) adalah antara instrumen perundangan yang tergunapakai di dalam mengawal perekaan, penerbitan dan penulatan kandungan atau berita tidak benar.

3. Antara tahun 2018 sehingga Mei 2019, pihak SKMM telah menerima sejumlah 641 aduan awam berkaitan berita palsu. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 51 kertas siasatan telah dibuka oleh pihak SKMM berhubung penyebaran berita palsu, dan 5 daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman. Usaha yang dijalankan SKMM ini akan diteruskan selaras laporan dan aduan awam yang diterima, terutamanya bilamana melibatkan berita palsu yang boleh menjejaskan keharmonian perhubungan antara berbilang kaum dan agama di dalam negara.

4. Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan pada Mac 2017 juga menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular. Selain itu, pelbagai program advokasi dan kesedaran turut dijalankan di media dan di lapangan bagi memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu serta pembudayaan amalan menyemak dan menentusahkan sesuatu berita.

5. Jalinan kerjasama antara berbilang agensi (20 agensi Kerajaan dan lebih daripada 130 agensi, organisasi dan syarikat berkaitan Kerajaan) turut dilaksanakan melalui Jawatankuasa Operasi Pengurusan Berita yang Tidak Ditentusahkan Dalam Talian yang bertindak menyelaras koordinasi dalam menguruskan kandungan atau berita palsu. Melalui jalinan kerjasama tersebut, agensi yang terlibat memainkan peranan dengan mengesan dan memantau penularan berita/ maklumat yang tidak benar yang timbul atau menular (*viral*) dan seterusnya mengeluarkan kenyataan menjelaskan atau menafikan sebarang berita palsu/ mengelirukan yang melibatkan agensi dan Kementerian masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]  
TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 44**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah KPM untuk meringankan beban guru terutamanya untuk merekod markah secara *online* sehingga tidak cukup tidur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu beban tugas guru dan antaranya adalah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru. Jawatankuasa ini telah membahagikan strategi menangani beban tugas guru kepada tiga peringkat iaitu strategi jangka pendek (Fasa 1), jangka sederhana (Fasa 2) dan jangka panjang (Fasa 3). Strategi jangka pendek telah diumumkan oleh YB Menteri Pendidikan semasa Majlis Amanat Tahun Baharu tahun 2019 dan merangkumi lima (5) inisiatif seperti berikut:

1. Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Fail Panitia dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);
2. Pengurusan data dan sistem *online* iaitu pengumpulan data sekolah, guru dan murid dari sumber sedia ada dari KPM dan penggunaan Sistem Kehadiran Murid (APDM) yang mesra pengguna menggantikan jadual kedatangan murid. Bagi sekolah yang tiada capaian internet, kehadiran murid direkodkan secara manual;
3. Pemansuhan Peperiksaan Tahap 1 serta pihak sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan LINUS yang bersesuaian dengan keperluan murid;
4. Penyeragaman pelbagai borang bagi pemantauan kantin dan kontraktor kebersihan dan keselamatan sekolah serta tiada lagi aktiviti berunsurkan pertandingan yang diselaraskan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD); dan
5. Penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat bahawa guru perlu merekod markah secara *online* sehingga tidak cukup tidur, KPM ingin

## NO. SOALAN: 44

memaklumkan dan menjelaskan beberapa perkara. Untuk makluman, KPM telah membangunkan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) yang bertujuan untuk menyimpan, mengumpul dan menganalisis data peperiksaan murid di sekolah yang sebenarnya bermanfaat kepada guru dan sekolah berbanding merekod markah secara manual. Antara manfaat pengisian markah secara *online* berbanding secara manual adalah seperti berikut:

1. Maklumat murid hanya perlu diimport dari Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM) secara *single click* oleh Setiausaha Peperiksaan dalam masa yang singkat tanpa perlu disalin (*copy paste*) oleh guru kelas;
2. Pengisian markah ke dalam SAPS oleh semua guru mata pelajaran memudahkan dan menjimatkan masa guru kelas mengumpulkan markah dalam tempoh yang ditetapkan; dan
3. Markah murid dianalisis oleh sistem membolehkan laporan prestasi murid dijana secara automatik. Ini dapat dapat menjimatkan masa guru kelas tanpa perlu menganalisis markah secara manual.

Bagi memastikan para guru dapat mengisi markah secara *online* dalam keadaan tenang, KPM telah menetapkan tempoh yang sewajarnya iaitu empat (4) hingga enam (6) minggu bagi membolehkan guru merekod markah secara berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun, sekiranya guru memilih untuk mengisi markah pada saat akhir sebelum tarikh akhir tamat, dikhuatiri kesesakan trafik akan berlaku akibat penggunaan sistem secara serentak dan dalam baki masa yang terhad.

Sekian, terima kasih.

RJM 101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 45**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memenuhi aspirasi negara untuk menjadi hab pendidikan serantau dan berapakah jumlah bilangan pelajar antarabangsa dari setiap negara dan anggaran jumlah pelajar asing bagi tahun 2025 dan 2030.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan telah mensasarkan seramai 200,000 orang pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020 dan 250,000 orang pelajar menjelang tahun 2025. Sasaran dan aspirasi negara untuk menjadi hab pendidikan serantau ini telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi), PPPM (PT). Di bawah Lonjakan Ke-8, Keunggulan Global, di mana kerajaan telah mencadangkan tiga (3) strategi dan sembilan (9) inisiatif utama dalam membina reputasi Malaysia sebagai hub Pendidikan Antarabangsa. Tiga strategi utama adalah :-

1. Strategi yang pertama ialah meningkatkan pengalaman pelajar antarabangsa di Malaysia. Inisiatif bagi strategi ini adalah dengan memanfaatkan proses pengumpulan dan perkongsian maklumat dengan pihak yang terlibat dalam pengantarabangsaan pendidikan tinggi, menambah baik prosedur imigresen, model baharu biasiswa antarabangsa, meningkatkan keupayaan IPT sebagai hos pelajar antarabangsa dan melatih dan mengekalkan pelajar antarabangsa yang cemerlang pada peringkat IPT dan institusi.
2. Strategi yang kedua ialah meningkatkan keterlihatan jenama. Inisiatif bagi strategi ini ialah dengan menyokong penganjuran persidangan antarabangsa di Malaysia dan memperkukuhkan *MyAlumni*.
3. Strategi yang terakhir adalah menerokai pasaran baru. Inisiatif bagi strategi ini adalah dengan mempelbagaikan penawaran program akademik dan professional berkualiti dan berinovatif oleh IPT agar mampu menarik minat pelajar antarabangsa dan menyediakan makmal penyelidikan antarabangsa tersohor.

Kementerian sentiasa memberikan fokus untuk meningkatkan penglibatan pengantarabangsaan dalam bidang pendidikan tinggi

## **NO. SOALAN: 45**

melalui hubungan dua hala dan pelbagai hala dengan matlamat bagi meningkatkan imej dan visibiliti negara di peringkat antarabangsa.

Bagi tujuan tersebut, Kementerian sentiasa berusaha untuk meramaikan bilangan pelajar asing untuk datang menuntut di Malaysia selaras dengan visi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa dan membina lebih banyak cawangan universiti tempatan di luar negara dengan kaedah satelit universiti.

Kementerian juga akan terus merancang, menyelaras, melaksana dan memantau penglibatan Malaysia dalam hal ehwal pendidikan di peringkat antarabangsa selaras dengan agenda menggerakkan usaha pengantarabangsaan dengan lebih drastik dan menyeluruh di samping memberikan fokus utama terhadap inisiatif STEM dan TVET.

Selain itu, Kementerian juga terus berusaha untuk memastikan peningkatan kerjasama dalam bidang pendidikan khususnya dengan negara-negara yang telah menandatangani memorandum dan perjanjian kerjasama yang akan mengukuhkan kedudukan Malaysia di pertubuhan antarabangsa selaras hasrat untuk meningkatkan mobiliti professor dan staf ke luar negara di samping juga lebih banyak ahli akademik dari luar negara berkunjung dan berkhidmat dalam negara kita.

Di samping itu, Kementerian juga akan terus mempromosi Malaysia sebagai destinasi pengajian tinggi yang berkualiti dengan memperbanyakkan kolaborasi kajian di antara universiti tempatan dengan universiti terkemuka di luar negara dan menjadikan para akademia Universiti Awam (UA) sebagai rujukan antarabangsa dalam bidang masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, sehingga 31 Disember 2018 jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa yang berada di Malaysia adalah seramai 170,898 pelajar termasuklah pelajar di IPT, Sekolah Antarabangsa, Pusat Bahasa dan Pusat Kemahiran. Daripada jumlah tersebut, seramai 131,514 orang pelajar antarabangsa merupakan pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT). Mengikut negara, 17 peratus pelajar antarabangsa di IPT adalah dari Bangladesh, 13 peratus: China, 9 peratus: Nigeria, 8 peratus:Indonesia dan 6 peratus:Yemen.

Sekian, terima kasih.

RJM 103

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 46**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah perkembangan semasa Projek Tenuku Kambing yang diusahakan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah dimulakan sewaktu Yang Berhormat Dato Seri Haji Idris bin Jusoh menerajui Kementerian Pendidikan Tinggi dan salah satu tujuan pelaksanaan projek Tenusu Kambing ini adalah untuk meningkatkan ekonomi komuniti yang kurang bernasib baik terutama golongan B40.

Projek UniSZA *Diary Goat Farming* (UDGF) diperkenalkan dengan konsep *Smart Farming* melalui program *Translational Research* yang memfokuskan komuniti secara holistik bagi kesejahteraan masyarakat yang lestari. Model pelaksanaan *SmartFarming UDGF* ini mempunyai lima teras utama iaitu:

1. UniSZA Saanen Breeding Centre (USBC);  
(pembangunan baka UniSZA Saanen dan teknologi biakbaka);
2. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), (program 2u2i);
3. Pembangunan R&D produk hiliran tenusu kambing;
4. Komuniti, (peningkatan pendapatan dan kualiti hidup);
5. Komersial. (penjanaan hasil dan industri)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kambing telah meningkat kepada 300 ekor pada tahun 2018 (kelahiran dari program biak baka pertama pada: Ogos-Oktober 2018) dan akan meningkat kepada  $\pm 400$  ekor pada tahun 2019 (kelahiran dari program biak baka kedua: Jun-Ogos 2019). Hasil penemuan daripada geran penyelidikan *Translational Research* (TR@M) di komuniti menunjukkan 10 ekor induk kambing tenusu akan memberi manfaat iaitu *Return Of Investment* (ROI) yang positif pada tahun kedua dengan pendapatan kasar sebanyak RM 2,826.00 sebulan.

Laporan akhir akan dibentangkan kepada pihak Kementerian pada Ogos 2019. Laporan ini akan menunjukkan perbandingan antara pelaksanaan biasa dan pelaksanaan melalui hasil penyelidikan UniSZA termasuk anggaran kos dan ROI.

Sekian, terima kasih.

RJM 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED**  
**[ JELI ]**

**TARIKH** : **15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 47**

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [ Jeli ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan Pusat Internet Desa di Jeli dan seluruh Malaysia serta sama ada peranan pusat-pusat internet ini akan diperkasakan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat setempat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 871 Pusat Internet telah siap dan beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 10 Pusat Internet terletak di Parlimen Jeli.
2. Bermula dari tahun 2013, sasaran Pusat Internet telah diperluas kepada kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat dalam mendapatkan perkhidmatan internet jalur lebar di kawasan bandar seperti di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).
3. Secara umumnya, Pusat Internet berfungsi sebagai pusat ilmu yang memberikan kemudahan internet secara kolektif kepada komuniti setempat dari semua peringkat umur termasuklah para pelajar dan belia tempatan kepada maklumat berkaitan pendidikan, pekerjaan, pertanian dan juga kesihatan.

4. Kelas latihan ICT dan bimbingan keusahawanan turut disediakan secara percuma yang secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup dan sosio-ekonomi masyarakat setempat. Di samping itu, Pusat Internet juga menganjurkan beberapa program lain seperti kursus e-pembelajaran, pemasaran atas talian, kesedaran media sosial, bengkel robotik dan bengkel kreatif multimedia.

5. Inisiatif ini telah berjaya mendedahkan pengguna kepada laman rangkaian sosial, portal berita, e-perkhidmatan dan seterusnya meningkatkan pengetahuan am mengenai dunia ICT. Terdapat banyak kisah kejayaan di kalangan usahawan yang telah menggunakan Pusat Internet dalam mengembangkan perniagaan mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 48**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah peranan negeri Sarawak dalam pelaksanaan "*food security*" seperti yang telah dirancang sebelum ini dan telah diteruskan oleh Kerajaan baharu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sarawak merupakan salah satu pemain utama sektor agromakanan di Malaysia. Dengan jumlah tenaga buruh sektor pertanian yang tinggi, negeri Sarawak juga merupakan di antara pengeluar utama komoditi agromakanan seperti beras, beberapa tanaman kontan dan herba, ternakan babi dan perikanan darat. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus meningkatkan peranan negeri Sarawak dalam pelaksanaan sekuriti makanan di masa hadapan.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian ini sedang dan akan melaksanakan sebanyak 65 buah program atau projek pembangunan. Ianya membabitkan kos keseluruhan sebanyak RM1.69 bilion dan siling peruntukan tahun 2019 sebanyak RM148 juta.

Beberapa kerjasama strategik di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri Sarawak juga sedang dan akan dilaksanakan kelak. Sebagai contoh, negeri Sarawak telah disasarkan untuk muncul sebagai jelapang padi negara yang baharu di samping negeri Kedah dan Perak dengan pembukaan jelapang padi baharu di IADA Batang Lupar, Sarawak meliputi kawasan seluas 5,100 hektar. Ia merangkumi kawasan seperti Entulang (110 hektar), Gran (140 hektar), Stumbin (550 hektar), Bijat (700 hektar), Seduku (1,500 hektar) dan Lingga Banting (2,100 hektar).

Selain itu, sebanyak RM1.02 juta juga telah diperuntukkan untuk program pembangunan tanaman nanas di kawasan Batang Lupar dengan keluasan 113 hektar dari tahun 2016 hingga 2018 sebagai tambahan daripada kawasan utama penanaman nanas yang terletak di Samarahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD  
YUNUS**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan baru bagi menggantikan Insentif Khas/Long Hours PDRM kepada Elaun Masa seperti lain-lain skim penjawat awam atau menaikkan jumlah bayaran tersebut daripada RM200 sedia ada kepada jumlah yang lebih tinggi bagi anggota PDRM yang bertugas 24 Jam.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Pada tahun 2001, kerajaan telah meluluskan bayaran insentif khas PDRM berjumlah RM100.00 sebulan. Pada tahun 2009, satu kertas kajian telah diangkat kepada JPA untuk memohon insentif ini dinaikkan kadar daripada RM100.00 kepada RM500.00. Bagaimanapun JPA meluluskan supaya Pegawai / Anggota PDRM diberi Insentif ini dengan kadar RM200.00 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2010.

Pada tahun 2018, atas inisiatif mantan Timbalan Ketua Polis Negara, satu jawatankuasa telah ditubuhkan melibatkan pegawai daripada urus setia KPN, Unit Elaun dan Kemudahan dan juga pegawai-pegawai daerah dalam Negeri Selangor untuk mengkaji sama ada kadar insentif ini masih relevan seiring dengan peredaran masa. Justeru, jawatankuasa ini telah mengambil tindakan membuat kaji selidik di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Kubu Bharu, Petaling Jaya dan Serdang di mana kebanyakan jawapan menunjukkan pegawai dan anggota dalam keadaan stres semasa bertugas dan kenaikan kadar elaun dapat membantu memotivasikan mereka.

Sehingga kini, kertas kerja permohonan kenaikan kadar bayaran insentif khas PDRM masih dalam peringkat kajian PDRM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [ SIPITANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (Isnin)**

**SOALAN :**

**Tuan Yamani Hafez bin Musa [ Sipitang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil oleh pasukan keselamatan dalam mengawasi serta memantau perairan negara kita daripada pencerobohan nelayan-nelayan asing seperti dari Vietnam yang semakin kerap berlaku, termasuklah di kawasan perairan Sipitang di Teluk Brunei.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-pertua,**

Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam memantau dan mengekang pencerobohan Bot Nelayan Asing (BNA) sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Sipitang tersebut. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut :

- a) Meningkatkan rondaan dan kehadiran aset di perairan negara terutama dikawasan *hotspot* yang telah dikenal pasti kawasan kemasukan BNA. APMM turut menjalankan pemantauan ke atas kapal induk negara asing yang dipercayai bertindak sebagai pusat kutipan ikan yang diperoleh secara haram di perairan negara;
- b) Meningkatkan pengoperasian kapal kelas OPV (Offshore Patrol Vessel) KM PEKAN dan KM ARAU. Pengoperasian kapal OPV ini telah

## SOALAN : 50

diptimumkan sepenuhnya kerana kemampuannya untuk bertahan dalam tempoh yang lama di perairan Laut China Selatan (endurance). Ini terbukti dengan jumlah tangkapan BNA bagi tahun 2017 sebanyak 148 buah, 2018 sebanyak 110 dan 2019 sehingga 21 Jun telah mencecah 96 buah tangkapan;

- c) Pengawasan dan pemantauan melalui udara juga terus dilaksanakan dari semasa ke semasa secara berkala bagi mengesan pencerobohan BNA yang memasuki perairan negara. Pengesanan ini terus disalurkan kepada aset-aset laut bagi membuat tangkapan;
- d) Pemantauan melalui Sistem Radar Pengawasan Laut Malaysia (SWASLA). APMM telah mengoperasikan sebanyak 11 buah radar di Semenanjung Malaysia termasuk di Pulau Perak dan Pulau Jarak yang baru beroperasi, 3 buah radar di Sabah dan 2 buah radar mudah alih mengikut keperluan operasi bagi mengurangkan pencerobohan BNA tersebut. Maklumat pengesanan objek yang mencurigakan serta pencerobohan BNA yang dikesan melalui radar akan disalurkan ke pusat operasi yang berdekatan supaya tindak balas pantas (response time) dapat dilaksanakan;
- e) Pelaksanaan program turun padang dan pertemuan dengan komuniti maritim terutamanya persatuan-persatuan nelayan bagi membincangkan permasalahan isu-isu maritim. Komuniti maritim ini berperanan sebagai mata dan telinga terhadap agensi di dalam menyalurkan maklumat dan diyakini dapat membantu APMM melaksanakan tugas secara lebih berkesan terutama dalam menangani isu pencerobohan BNA di laut;
- f) Sentiasa berhubung rapat dengan Petronas bagi membincangkan dan menyalurkan maklumat untuk mengatasi masalah pencerobohan BNA di kawasan medan telaga minyak utama. Selain itu, pihak Petronas dalam proses pemasangan RS3 (Radar Surveillance, Safety, Security) di pelantar-pelantar minyak perairan Sabah Timur. Pengesanan melalui RS3 oleh Petronas ini nanti akan disalurkan terus ke pusat operasi APMM; dan

## SOALAN : 50

g) Selain daripada langkah-langkah sedia ada, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah pasukan petugas khas (*task force*). Lanjutan daripada sidang akhbar secara bersama oleh YB Menteri Dalam Negeri, YB Menteri Pertanian dan Asas Tani serta YB Timbalan Menteri Pertahanan pada 24 April 2019 telah memutuskan pelaksanaan pasukan petugas khas (*task force*) khusus bagi menangani isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Mesyuarat pertama Task Force yang diterajui oleh KDN pada 25 April 2019 telah membincangkan isu-isu berkaitan pencerobohan nelayan asing di perairan negara dan memutuskan penubuhan dua (2) jawatankuasa pelaksanaan yang bertanggungjawab melaporkan kepada KDN. Dua jawatankuasa pelaksanaan tersebut adalah Jawatankuasa Penguatkuasaan secara Bersepadu dan Jawatankuasa Dasar dan Perundangan. Jawatankuasa Penguatkuasaan secara Bersepadu yang diketuai oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah melancarkan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu yang dikenali sebagai Ops Naga telah bermula pada 2 Mei 2019 dan dijalankan di Kawasan Laut China Selatan, Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Buat masa ini tiada operasi spesifik di kawasan perairan Sipitang. Walau bagaimanapun, APMM melaksanakan operasi SEJAHTERA dalam memastikan perairan Sabah aman dan terkawal dengan menugaskan 22 vesel setiap hari. Sekiranya terdapat maklumat pencerobohan BNA boleh disalurkan terus ke Pusat Operasi Maritim Negeri Sabah dan Zon Maritim naungannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia menimbangkan cadangan untuk menaikkan kadar gaji anggota-anggota polis berpangkat rendah sebagai satu langkah untuk meningkatkan integriti dan mengelak mereka dari terjebak dengan amalan menerima rasuah dan menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berterusan membuat kajian untuk menambah baik skim perkhidmatan, gaji dan elaun-elaun serta kemudahan asas yang lain untuk membantu anggota-anggota PDRM yang berpangkat rendah menangani kos sara hidup yang kian meningkat untuk pertimbangan pihak berwajib.

Skim gaji perkhidmatan PDRM yang digunakan masa kini adalah berdasarkan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Polis Diraja Malaysia Tahun 2016 (Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016). Susulan daripada permohonan Ketua Polis Negara kepada Perdana Menteri baru-baru ini untuk menaikkan gaji Pegawai Polis PDRM dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan menjaga kebajikan Pegawai Polis, Jabatan Pengurusan PDRM telah mengadakan sesi "*Brainstorming*" di IPK Johor bermula 17 hingga 19 Jun 2019 sebagai usaha pertama untuk mendapatkan input-input daripada semua bahagian yang berkenaan dalam merealisasikan permintaan Ketua Polis Negara. Namun demikian, bagi memperhalus permohonan ini, beberapa siri bengkel akan diadakan dalam masa terdekat untuk menghasilkan kertas kerja (*executive paper*). Ini untuk memastikan permohonan PDRM menjustifikasikan penugasan hakiki, beban kerja, dan risiko yang ditanggung oleh Pegawai Polis PDRM.

PDRM sentiasa diberikan keutamaan dalam perancangan bajet kerajaan bagi membolehkan perkhidmatan dan servis yang diberikan dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa berada di tahap yang optimum.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[ BALING ]  
TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 52**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasionalisasi penjenamaan semula permata Pintar UKM kepada "*Genius*" serta memperjelaskan apakah pembaharuan sistem yang telah dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Nama PERMATA telah dijenamakan semula kepada GENIUS berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 5 April 2019. Berdasarkan keputusan tersebut, kesemua nama program yang telah diwujudkan dan dilaksanakan di bawah program ini telah dijenamakan kepada GENIUS. GENIUS merupakan satu perkataan Bahasa Melayu yang boleh ditafsirkan sebagai “ekologi yang menggambarkan kondisi yang boleh mengembangkan bakat serta potensi yang disamakan dengan sikap positif, rajin dan legasi budaya”. Tafsiran ini adalah selari dengan objektif dan tujuan pelaksanaan kesemua Program GENIUS sebelum ini, iaitu proses mencungkil dan menggilap potensi semula jadi anak-anak supaya bakat dan kepintaran serta aset diri mereka dapat diserlahkan dan memberi impak positif kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pelaksanaan Program GENIUS juga adalah untuk kanak-kanak dan remaja yang merangkumi pelbagai aspek umur dan kehidupan dan tidak hanya menjurus kepada generasi intelektual sahaja.

Untuk makluman, program GENIUS telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai 30 Mei 2018. Selaras dengan perpindahan tersebut, Kementerian telah melakukan beberapa siri libat urus bersama-sama program dan Bahagian di Kementerian dalam usaha untuk mengenal pasti penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.

Antara penambahbaikan Program GENIUS seperti Program GENIUS@Pintar adalah memperluaskan kolaborasi program penyelidikan dengan pelbagai pihak secara empat (4) penjurus melibatkan pelajar pintar berbakat, universiti, komuniti dan industri. Selain itu, Program GENIUS@Pintar turut mengadakan *Career Shadow Program* untuk pelajar pintar berbakat di pelbagai organisasi dan industri semasa cuti sekolah. Program latihan jati diri dan kepimpinan turut dilaksanakan untuk melahirkan pelajar pintar dan berbakat yang lebih holistik dan mempunyai semangat kewarganegaraan yang tinggi.

## NO. SOALAN: 52

Pelajar-pelajar lepasan Program GENIUS@Pintar dipantau secara berterusan oleh Pusat GENIUS *STEM Talent* (PST) selepas mereka memasuki Program Sarjana Muda dan seterusnya pemantauan tersebut dilaksanakan melalui:

1. Program Mentoran bersama-sama ahli akademik atau pakar bidang dari Akademi Sains Malaysia (ASM) dan universiti penyelidikan;
2. Jalinan kerjasama untuk latihan industri atau kerjaya dengan syarikat-syarikat terkemuka dalam negara melalui kerjasama dengan pihak *Penang Skills Development Centre*. Penetapan untuk pelaksanaan program latihan industri atau kerjaya dalam dan luar negara sedang giat dijalankan seiring dengan pembangunan negara;
3. Peluang untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan melalui program-program seperti *International Youth Forum*, *Future Leader Congress*, *World Bank Group Youth Summit*, *UST Model ASEAN Meeting* dan *International Model United Nation*;
4. Penilaian bakat dilakukan untuk menilai kompetensi pelajar-pelajar sebagai persediaan menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0; dan
5. Program Tautan Ukhuwah bersama-sama alumni dijalankan sebagai jaringan kerjasama antara alumni dengan PST bagi membantu kemajuan kerjaya alumni.

Sekian, terima kasih.

RJM 104

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pelaksanaan cadangan-cadangan penambahbaikan kebajikan anggota PDRM seperti yang dicadangkan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja PDRM 2005

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berterusan membuat kajian untuk menambah baik skim perkhidmatan, elaun-elaun serta kemudahan asas yang lain untuk membantu anggota-anggota PDRM yang berpangkat rendah menangani kos sara hidup yang kian meningkat untuk pertimbangan pihak berwajib.

Antara tindakan-tindakan yang telah diambil bagi tujuan mengurangkan bebanan anggota dalam PDRM seperti berikut:-

- i) Bagi memberikan keselesaan dan mengurangkan bebanan membayar sewa rumah yang tinggi terutama di bandar-bandar besar, PDRM telah diperuntukkan sebanyak RM 21.824 juta di bawah objek (OS) 32000 untuk penyelenggaraan kuarters kediaman dan pembaikan pejabat dan kemudahan lain. Di samping itu, tiga projek baru telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RM Ke-11), *Rolling Plan Pertama* (RP1)

dan memberi fokus kepada penyiapan sebanyak tiga belas projek sambungan tahun 2016 yang melibatkan pembinaan kuarters baru.

- ii) Untuk mengurangkan kos perubatan kepada anggota selain daripada kemudahan rawatan percuma yang diterima di hospital kerajaan, pihak PDRM telah mendirikan Pusat Saringan Kesihatan (PSK) sebagai projek perintis di Bukit Aman bagi anggota mendapatkan rawatan awal atau merawat penyakit yang bukan kronik. Antara pemeriksaan yang dijalankan di PSK adalah pemeriksaan berat badan, tekanan darah, kandungan gula dalam darah, *pap smear* dan konsultasi doktor. Pada tahun 2017 seramai 4,269 warga kerja PDRM telah melakukan pemeriksaan. Sehingga 31 Ogos 2018 seramai 1,593 warga kerja PDRM telah mendapat manfaat dari kewujudan PSK PDRM. Langkah ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada klinik swasta untuk mendapatkan rawatan. Inisiatif ini akan dikemukakan kepada pihak kerajaan untuk diperluaskan ke seluruh negara pada masa hadapan.
- iii) Menyediakan TASKA di tempat kerja dan kompleks perumahan PDRM bagi mengurangkan kos penjagaan anak-anak. Di samping itu juga rumah transit turut disediakan bagi kaum keluarga mengiringi pesakit yang menerima rawatan di hospital. Langkah ini juga dapat mengurangkan bebanan kewangan anggota PDRM.
- iv) Menyediakan pusat Hemodialisis kepada anggota PDRM yang mengidap sakit buah pinggang. Sehingga kini terdapat 19 buah pusat telah didirikan di seluruh negara. Rawatan yang diberikan adalah secara percuma.
- v) Menyediakan bantuan kepada anak-anak yatim, anak kurang upaya (OKU), bantuan pelajaran, hadiah perkahwinan dan bantuan khairat kematian melalui tabung kebajikan PDRM dan tabung-tabung lain yang ada dalam PDRM.

- vi) Menyediakan pengangkutan pergi dan balik ke sekolah untuk anak-anak pegawai dan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) secara percuma.

Dalam waktu yang sama Kementerian juga menyedari tentang komitmen Kerajaan yang terpaksa memberikan perhatian dalam aspek pembangunan negara serta membantu rakyat miskin yang lain dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu ketika ini. Semestinya senario ini memberikan impak yang besar kepada kerajaan untuk menguruskan perbelanjaan negara.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjadi penerima peruntukan terbesar yang disediakan oleh kerajaan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) berbanding jabatan-jabatan lain. Bagi tahun 2019, PDRM diperuntukkan Perbelanjaan Mengurus (OE) sebanyak RM8.122 bilion, iaitu 64.6% daripada amaun yang diperuntukkan kepada KDN berjumlah RM12.565 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.235 bilion digunakan untuk emolument dan selebihnya bagi tujuan pengurusan PDRM. Selain daripada itu, PDRM juga diperuntukkan beberapa perkara di bawah peruntukan Program Khusus seperti berikut:

- |                                       |                |
|---------------------------------------|----------------|
| i) Pasukan Kawalan Keselamatan (PKK)  | : RM7.0 juta   |
| ii) ESSZONE                           | : RM26.6 juta  |
| iii) PDRMNet                          | : RM177.5 juta |
| iv) SPANCO/ Unit Rondaan Bermotosikal | : RM150.3 juta |
| v) Head-To-Toe                        | : RM101.2 juta |
| vi) Rangsum                           | : RM86.68 juta |

Di bawah peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (DE) bagi tahun 2019, PDRM diperuntukkan sebanyak RM1.769 bilion, iaitu 57.3% daripada amaun yang diperuntukkan kepada KDN berjumlah RM3.087 bilion. Sebanyak RM212.9 juta telah diperuntukkan bagi menaik taraf dan membaik pulih kuarters rosak serta lif-lif di kuarters dan Pejabat seluruh kontinjen PDRM. PDRM sentiasa diberikan keutamaan dalam perancangan bajet kerajaan bagi membolehkan perkhidmatan yang diberikan dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa berada di tahap yang optimum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HJ. JALALUDDIN B. HJ. ALIAS**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah rakyat Malaysia yang berada di dalam senarai merah Interpol dan adakah pihak Polis Diraja Malaysia membantu secara berterusan untuk mengesan individu-individu yang tersenarai.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Jumlah rakyat Malaysia yang berada dalam senarai notis merah Interpol adalah sebanyak 99 orang. Daripada jumlah itu, sebanyak 76 warganegara Malaysia disenaraikan oleh negara luar atas kesalahan yang dilakukan di negara yang berkenaan. Pihak PDRM akan mengambil langkah-langkah untuk mengesan suspek-suspek notis merah Interpol tersebut jika terdapat maklumat tentang keberadaannya di Malaysia. Sekiranya suspek berjaya dikesan, proses penangkapan dan penyerahan suspek adalah tertakluk kepada pematuhan undang-undang di bawah Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) dan Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 (Akta 621).

Jumlah notis merah Interpol yang dimohon oleh Malaysia dan dikeluarkan ke atas warganegara Malaysia adalah seramai 23 orang. Suspek-suspek tersebut dipercayai melarikan ke luar negeri bagi mengelakkan tindakan undang-undang di Malaysia. Dalam kes ini, Malaysia meminta bantuan dan kerjasama negara-negara anggota Interpol yang lain bagi mengesan dan menangkap suspek-suspek yang telah disenaraikan dalam senarai merah Interpol tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-**

- a)** usaha Kementerian melindungi petani-petani Malaysia daripada impak perubahan iklim yang mampu menjejaskan sumber pendapatan mereka; dan
- b)** adakah Kementerian akan memperkembangkan teknologi pertanian moden seperti pertanian tepat untuk mewujudkan sektor pertanian yang kalis masa depan serta menjamin sekuriti makanan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, perubahan iklim dan cuaca yang melampau seperti kemarau dan banjir memberikan kesan yang negatif kepada sektor pertanian. Perubahan iklim juga meningkatkan ancaman penyakit dan serangga perosak yang akan mengurangkan produktiviti sesuatu jenis tanaman. Hal ini akan menjejaskan sumber pendapatan petani.

Bagi mengatasi impak perubahan iklim, beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dan akan diambil bagi mengurangkan kesan perubahan iklim kepada sektor pertanian dan petani. Antara langkah jangka pendek yang telah diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- i) Mempertingkatkan amalan pertanian dan pengurusan tanaman yang baik dan strategik seperti penggunaan sungkupan, pengairan titis dan konservasi penggunaan air termasuk penyelenggaraan berkala bagi sistem saliran air.
- ii) Pembinaan telaga-telaga air bumi sebagai sumber air alternatif.
- iii) Penjadualan semula bekalan air pengairan di kawasan jelapang dan luar jelapang padi.

Sementara itu, langkah jangka panjang yang akan diambil adalah dengan menggalakkan dan memantapkan program penyelidikan di institusi-institusi penyelidikan bagi membangunkan varieti-varieti baru tanaman yang lebih tahan rintangan (*resistance*) kepada kesan perubahan iklim sama ada melalui kaedah konvensional mahupun melalui kaedah bioteknologi.

Selain itu, Kementerian melalui kerjasama dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran perlu menyediakan infrastruktur dan kemudahan sistem pengairan yang efisien serta membangunkan sistem kawalan banjir yang efektif.

**b)** Kementerian ini sememangnya memberi penekanan terhadap konsep pertanian moden yang merangkumi aplikasi teknologi dan informasi bagi mengendalikan sesuatu aktiviti pertanian. Sepertimana yang telah digariskan dalam Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) di bawah Prioriti dan Strategi MOA 2019-2020: Halatuju 1, amalan pertanian moden akan dipertingkatkan melalui penerimaan teknologi yang merangkumi penyebaran penggunaan teknologi pertanian (mekanisasi dan automasi), pembangunan model pertanian moden dan pembangunan pangkalan Data Agromakanan Negara (*Agriculture Flagship*).

Selain itu, Kementerian ini akan melaksanakan kajian dan prototaip kejuruteraan seperti pembangunan pakej teknologi pertanian tepat, penggunaan dron, agro robotik, aplikasi berasaskan *Internet of Things* (IoT), model kilang tanaman, sistem tanaman hidroponik bertingkat, pencahayaan menggunakan LED, fertigasi yang dipantau melalui sistem atas talian, sistem pengairan secara automasi, pengenalpastian perosak dan penyakit tanaman melalui kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) serta pembangunan data pertanian (*big analytical data*). **Penggunaan teknologi ini tidak terkesan kepada perubahan iklim dan mampu meningkatkan kecekapan pengeluaran serta mengurangkan penggunaan tenaga buruh.**

Kementerian ini juga akan sentiasa memperkasakan inovasi dalam penggunaan teknologi dalam menggiatkan lagi sektor pertanian yang kalis masa depan serta menjamin sekuriti makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**[BATANG SADONG]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 56**

**DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI [BATANG SADONG]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan nilai eksport minyak dan gas Malaysia untuk tahun 2018 sehingga Jun 2019 dan berapa peratus daripada nilai tersebut disumbang oleh negeri Sarawak.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah nilai eksport minyak dan gas bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM154.87 billion, meningkat sebanyak 8.0 peratus berbanding nilai eksport pada tahun 2017. Nilai eksport produk petroleum adalah sebanyak RM76.53 billion, menyumbang 49.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Ini diikuti dengan gas asli cecair (LNG) sebanyak RM40.14 billion (25.9%), petroleum mentah sebanyak RM36.67 billion (23.7%) dan minyak petroleum lain sebanyak RM1.53 billion (1.0%).

2. Manakala bagi tempoh Januari hingga April 2019, jumlah nilai eksport bagi minyak dan gas adalah bernilai RM47.50 billion, penurunan sebanyak 2.0 peratus berbanding nilai eksport bagi tempoh Januari hingga April 2018 yang bernilai RM48.45 billion berikutan penurunan dalam volum eksport. Produk petroleum menyumbang sebanyak

RM22.33 billion (47.0%), diikuti dengan LNG sebanyak RM15.78 billion (33.2%), petroleum mentah sebanyak RM8.66 billion (18.2%) dan minyak petroleum lain sebanyak RM0.73 billion (1.5%).

3. Pada tahun 2018, nilai eksport minyak dan gas dari Sarawak adalah sebanyak RM49.01 billion, meningkat 4.3 peratus berbanding nilai eksport pada tahun 2017. Nilai ini menyumbangkan 31.6 peratus daripada keseluruhan nilai eksport Malaysia bagi minyak dan gas bagi tahun 2018.

4. Berdasarkan laporan data eksport minyak dan gas bagi tahun 2018 yang berjumlah RM49.01 billion, LNG menyumbang sebanyak 81.7 peratus atau RM40.04 billion, diikuti dengan minyak mentah sebanyak 14.9 peratus atau RM7.32 billion, produk petroleum sebanyak 3.3 peratus atau RM1.61 billion dan minyak petroleum lain sebanyak RM0.04 billion (0.1%).

5. Bagi tempoh Januari hingga April 2019, jumlah eksport minyak dan gas dari Sarawak adalah sebanyak RM18.23 billion, meningkat sebanyak 19.2 peratus berbanding RM15.30 billion bagi tempoh yang sama bagi tahun 2018. LNG menyumbang 86.5 peratus atau RM15.78 billion, diikuti dengan petroleum mentah sebanyak RM1.90 billion (10.4%), produk petroleum sebanyak RM0.46 billion (2.5%) dan minyak petroleum lain sebanyak RM0.10 billion (0.5%).

6. Daripada jumlah eksport minyak dan gas yang dinyatakan, Sarawak menyumbang sebanyak RM18.23 billion iaitu 38.4 peratus daripada keseluruhan nilai eksport Malaysia bagi minyak dan gas dalam tempoh Januari hingga April 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BT. SURIP**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah proaktif Kerajaan bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah yang tinggi dalam golongan belia dan juga menyokong mereka yang bebas dari pusat pemulihan dadah supaya boleh diterima oleh masyarakat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengambil langkah-langkah yang lebih efisien untuk membanteras masalah penyalahgunaan dadah. Bermula tahun 2016 dan diteruskan sehingga tahun 2018, AADK telah melancar dan melaksanakan usaha memerangi dadah habis-habisan melalui Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) yang melibatkan aktiviti:

- i. *Omnipresence*
- ii. Ops Cegah
- iii. Ops Bersepadu / Ops Sarang
- iv. Media
- v. Ikon Antidadah
- vi. *Community Empowerment*

Strategi PDH adalah menggunakan pendekatan menggerakkan (*mobilize*) Agensi-agensi Kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti secara bersama dalam memerangi dadah bagi mengurangkan penawaran dan permintaan dadah. Pendekatan ini dilaksanakan melalui

tiga strategi teras iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan dadah. AADK melaksanakan aktiviti ini secara berfokus dengan menyasarkan sebanyak 178 buah kawasan berisiko tinggi yang telah dikenal pasti. Operasi secara bersepadu dengan Kementerian/Jabatan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan telah dilaksanakan di kawasan berisiko tinggi yang telah dikenal pasti ini.

Pada masa yang sama, aktiviti lain seperti program-program khusus di bawah strategi pencegahan dadah terus dilaksanakan dengan meluas seperti Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah melalui kerjasama strategik dengan Kementerian/Jabatan/Agensi lain.

Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan pelbagai pendekatan dalam memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah di pusat-pusat pemulihan seperti pendekatan psikososial dan psikospiritual sebelum mereka dibebaskan. Klien-klien ini juga menjalani program kemahiran vokasional yang menerapkan elemen pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skills*) dan sikap (*attitude*).

Pelbagai kursus dan program telah dilaksanakan untuk klien-klien AADK antaranya Program Latihan Kemahiran Vokasional Jangka Panjang dan Jangka Pendek yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian, Agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan seperti Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Akademi Binaan Malaysia (ABM), Institut Kemahiran MARA (IKM), GiatMara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). Sepanjang tahun 2018, seramai 382 orang klien telah menerima Sijil Latihan Kemahiran Vokasional dari pusat latihan kemahiran vokasional bertauliah. Daripada jumlah tersebut 201 orang menerima sijil dari Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN). Seramai 60 orang terima sijil daripada GiatMara, 110 orang daripada ABM dan 11 orang daripada IKM.

## SOALAN NO : 57

Sehingga 31 Mei 2019, seramai 171 orang klien telah menerima sijil latihan kemahiran vokasional. Antaranya 131 orang klien *Cure & Care Vocational Centre* (CCVC) Sepang dalam bidang Bidang Juruteknik Automotif, Jurubina Bangunan, Kimpalan Arka Logam Berperisai, Penyediaan Pastry, Atendan Landskap, Pendawaian Elektrik Domestik dan Jahitan Pakaian Lelaki. Seramai 40 orang klien *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) Kuching tamat latihan dalam bidang *Aluminium Framework Fabrication* Tahap 1.

Untuk makluman juga, AADK telah menjalinkan kerjasama dengan Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) mulai tahun 2019. FMM yang mempunyai 11 buah cawangan di seluruh negara dan kini sebagai organisasi ekonomi sektor swasta terbesar di Malaysia yang mewakili lebih daripada 3,000 syarikat perkhidmatan pembuatan dan perindustrian yang mempunyai pelbagai saiz. Dengan kerjasama ini, adalah diharapkan agar bekas penagih dadah akan mendapat peluang pekerjaan apabila tamat menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan.

Mengikut rekod sehingga 31 Mei 2019, seramai 1,587 orang klien daripada 1,928 orang klien iaitu sebanyak 82.31% telah mendapat penempatan pekerjaan sebelum pembebasan dari pusat-pusat pemulihan melalui pelbagai usaha dan jalinan kerjasama yang diadakan di seluruh negara. AADK telah menjalankan kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan Agensi kerajaan antaranya KSM, KBS, MoA, Jabatan Tenaga Kerja dan pelbagai lagi dalam memastikan klien-klien AADK mendapat pekerjaan sebelum mereka dibebaskan. Mengikut statistik Orang Kena Pengawasan (OKP) yang bekerja, sehingga April 2019 menunjukkan 39,936 orang mendapat pekerjaan daripada 54,114 keseluruhan OKP seluruh negara iaitu sebanyak 73.80% keseluruhan.

Untuk makluman Yang Dipertua juga, satu insentif pelepasan cukai pendapatan majikan telah di mula diwartakan oleh Kementerian Kewangan pada 11 Jun 2019. Insentif ini bertujuan memberi galakan kepada majikan-majikan untuk mengambil klien-klien AADK di mana mereka akan mendapat pelepasan cukai pendapatan sebanyak RM4,000.00 setahun daripada pihak LHDN bagi setiap bekas penagih dadah yang diambil bekerja. Insentif ini diharap akan membuka lagi ruang dan peluang kepada semua majikan agar sama-sama membantu dalam kepulihan klien selepas mereka dibebaskan kelak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN  
HAMIDI [ BAGAN DATUK ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah akaun palsu di laman sosial Facebook yang dikesan di Malaysia, serta berapakah jumlah laman Facebook yang telah ditutup oleh pihak Kementerian atas pelbagai kesalahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara tahun 2018 sehingga Mei 2019 yang lalu, sejumlah **3,807** akaun-akaun yang menyamar telah disusuli tindakan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Daripada jumlah tersebut, **80%** daripadanya telah dipadam dengan kerjasama pihak penyedia platform media sosial, selaras dengan terma-terma dan syarat platform masing-masing.

2. Pihak penyedia platform media sosial seperti Facebook dan Twitter giat mengenalpasti akaun-akaun palsu di laman sosial menggunakan teknologi semasa seperti *Artificial Intelligence (AI)*. Sehubungan itu, dari Oktober 2017 sehingga September 2018, Facebook telah berjaya memadamkan lebih **2.1 bilion** akaun palsu secara global, yang mana **99%** daripadanya dilaksanakan sebelum sebarang laporan dibuat oleh pengguna. Selain itu, Twitter juga pada Mei 2018 telah berjaya mengenalpasti sejumlah **9.9 juta** akaun yang berpotensi sebagai akaun palsu, dan diambil tindakan selaras dengan terma dan syarat platform tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUSLIMIN B. YAHAYA**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha untuk membaik pulih berek-berek polis yang sangat daif dan berusia lebih 40 tahun.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) amat memahami keperluan untuk menaik taraf dan membaik pulih kuarters-kuarters kediaman anggota PDRM sedia ada demi memastikan keselesaan dan keselamatan warganya.

Bagi menjaga kebajikan anggota PDRM, KDN akan terus mengambil tindakan susulan untuk merealisasikan pembangunan baru khususnya bagi kuarters-kuarters kediaman lama yang mana ia tidak ekonomik lagi untuk diselenggara dan dibaiki. Bangunan-bangunan yang dikenal pasti ini akan disenaraikan mengikut keutamaan dalam *Rolling Plan* (RP) yang berikutnya.

Bagi tahun 2019, sebanyak lebih kurang 12,409 unit kuarters dan 201 unit lif premis-premis PDRM termasuk kuarters kediaman anggota seluruh negara akan dibaiki melalui peruntukan sebanyak RM200 juta yang diluluskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB  
( TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes-kes yang melibatkan najis dadah di kawasan Tanjong Manis. Nyatakan juga langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa melaksanakan program-program pendidikan pencegahan, operasi-operasi penguatkuasaan dan juga program-program rawatan pemulihan di semua kawasan dengan memberi fokus kepada kawasan-kawasan berisiko tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi kawasan Tanjong Manis, jumlah kes dadah dalam siasatan pihak PDRM adalah sebanyak empat (4) kes pemilikan dadah dan melibatkan (4) orang tangkapan. Manakala sebanyak 5 kes penagih dadah yang telah diambil tindakan dan di bawah pemantauan AADK di kawasan Tanjong Manis.

Selain daripada itu, sebanyak 5 program telah dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di kawasan Tanjong Manis yang melibatkan program pencegahan, rawatan dan penguatkuasaan di kawasan ini. Program-program tersebut merangkumi penglibatan komuniti, pihak sekolah, tempat kerja, lawatan sosial ke rumah-rumah OKP (Orang Kena Pengawasan) serta operasi penguatkuasaan. Jabatan dan agensi yang turut serta dalam melaksanakan program di Tanjong Manis seperti Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Jabatan Pendidikan Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kawasan Rukun Tetangga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN**  
**[ KUALA KRAI ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 61**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) masih meneruskan pengecualian pembayaran balik kepada peminjam PTPTN yang mendapat keputusan cemerlang dan adakah PTPTN tidak bercadang memberi pengecualian pembayaran balik kepada golongan B40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai Januari 2019, dasar pengecualian bayaran balik kepada peminjam cemerlang (Kelas Pertama) diteruskan kepada peminjam berasal daripada keluarga golongan B40 dan M40.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kedudukan kewangan semasa, PTPTN tidak bercadang memberi pengecualian pembayaran balik kepada semua golongan B40, kecuali yang mendapat keputusan cemerlang (Kelas Pertama).

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah insentif-insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi menolong menampung kos penghijrahan para pengusaha pertanian moden yang ingin bergerak kepada pertanian digital menggunakan Internet of Things (IoT).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian ini telah memperkenalkan pelbagai insentif untuk menarik lebih ramai pengusaha terutamanya golongan muda untuk menceburi pertanian digital/pintar ini antaranya seperti:

a) Penyediaan peruntukan sebanyak RM120,000 bagi pelaksanaan kursus kilang tanaman oleh MARDI dan disasarkan kepada petani-petani moden yang berminat untuk menjalankan penanaman secara kilang tanaman menggunakan teknologi IoT. Kursus tersebut diberikan secara percuma kepada petani-petani yang berminat;

b) Penyediaan kursus dan latihan khas dalam bidang IoT seperti Program AGORA iaitu Program Latihan *Flagship* Agropreneur Muda MARDI yang dilaksanakan secara bersiri di seluruh negara bermula pada tahun 2016;

## SOALAN NO : 62

c) Penggunaan teknologi digital melalui aplikasi mudah alih yang boleh diakses menggunakan telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain. Sebagai contoh, MARDI telah membangunkan 25 aplikasi mudah alih untuk membantu petani dalam penjagaan tanaman seperti cili, cendawan dan madu kelulut. Kesemua aplikasi ini boleh dicapai dan boleh dimuat turun secara percuma melalui Android atau IOS;

d) Pemberian bantuan geran Agropreneur Muda berbentuk barangan (*in-kind contribution*) sehingga RM20,000 di mana keutamaan diberikan kepada penggunaan teknologi moden;

e) Penyediaan Skim Pembiayaan Mekanisasi dan Automasi bagi perolehan peralatan dan sistem mekanisasi dan automasi seperti jentera, traktor dan lain-lain;

f) Penyediaan khidmat nasihat teknikal kepada petani muda melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian bagi menambahbaik dan menyelesaikan isu-isu yang dihadapi; dan

g) Penganjuran program-program penemusiaan antara petani dan syarikat-syarikat teknologi bagi mempercepatkan pemindahan teknologi moden.

Dalam RMKe-12, pertanian moden melalui penggunaan aplikasi IoT akan diberikan penekanan bagi menggalakkan penglibatan golongan muda dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing. Penekanan juga diberikan kepada pelabur-pelabur bagi menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**[ LANANG ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 63**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan penghuni bagi setiap Taman Sinar Harapan yang ada di negara kita dan nyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk membina sebuah Taman Sinar Harapan di Sibu untuk menampung keperluan di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada OKU kategori pembelajaran melalui perkhidmatan institusi Taman Sinar Harapan (TSH). Terdapat tujuh buah Institusi TSH di seluruh negara iaitu satu di Jitra, Kedah, satu di Kuala Terengganu, Terengganu, satu di Seremban, Negeri Sembilan, dua di Selangor (iaitu di Cheras dan Kuala Kubu Bharu) dan dua di Johor Bahru, Johor. TSH tersebut menerima kemasukan OKU pembelajaran dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pada masa ini Kementerian tidak bercadang untuk membina TSH di Sarawak kerana tujuh institusi sedia ada tersebut mampu menampung permohonan kemasukan OKU kategori pembelajaran di negara ini. Sehingga 1 Jun 2019, jumlah penghuni di tujuh TSH adalah seramai 697 orang (lelaki 332 orang dan perempuan 365 orang) berbanding muatan maksimum semua TSH seramai 1,080 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 64**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah status dan perkembangan terkini projek jelapang padi di Kawasan Lingga Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, pihak Kementerian sentiasa berusaha secara berterusan untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur pertanian seperti membina, menaiktaraf dan menyelenggara infrastruktur pengairan dan saliran sawah di kawasan tersebut. Antara program yang dilaksanakan adalah penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran, menaiktaraf jalan ladang, membina lintasan, memasang *culvert* dan tebatan banjir.

Penubuhan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar yang diwujudkan pada tahun 2014 adalah sebagai peneraju utama jelapang padi yang baharu di Negeri Sarawak. Ianya bertujuan meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) negara dan memberi penekanan pembangunan jelapang padi merangkumi enam (6) kawasan seluas 5,100 hektar di Stumbin, Bijat, Gran, Entulang, Seduku dan Lingga-Banting. Kawasan tersebut dicadangkan kerana kesesuaian dari segi kesesuaian tanah dan

kawasan bertanam padi sedia ada yang luas serta petani yang ramai terlibat dengan tanaman padi.

Kawasan Lingga-Banting yang berkeluasan 2,100 hektar akan dilaksanakan dalam 3 fasa. Setakat ini, Pakej Lingga-Banting Fasa 1 masih dalam proses penilaian tender pembinaan infrastruktur. Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan ditawarkan kepada syarikat yang berjaya pada bulan Ogos ini. Pakej Lingga-Banting Fasa 2 pula dijangka keluar tender pada Oktober 2020 dan hanya dapat dilaksanakan sehingga kemajuan tapak Lingga-Banting Fasa 1 mencapai 50% siap atau komponen jalan ladang siap. Hal ini kerana jalan ladang Fasa 1 merupakan jalan masuk utama ke Fasa 2 dan Fasa 3. Manakala Pakej Lingga-Banting Fasa 3 dijangka ditender pada tahun 2021 setelah jalan masuk ke Fasa 2 siap dibina. Pembangunan infra Pakej Lingga-Banting bagi Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 ini dianggarkan melibatkan kos sebanyak RM270 juta.

Pada 3 Julai 2019, pihak IADA Batang Lupar telah selesai melaksanakan Program Hari Bersama Pelanggan dan Sesi *Engagement* dengan Penduduk Lingga-Banting yang bertujuan bagi memberi kefahaman dan penerangan berkenaan kemudahan pembangunan infra yang dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan penggunaan varieti padi moden yang disyorkan.

Pembangunan infrastruktur pertanian ini amat penting bagi menyediakan kawasan tanaman padi yang sesuai dan pembangunan projek-projek pertanian yang lain bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi petani di kawasan tersebut. Pihak IADA Batang Lupar akan terus berusaha membangunkan keseluruhan kawasan ini dengan infrastruktur yang lengkap dengan pembangunan kawasan tanaman padi dalam RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]  
TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 65**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah pelajar di Tingkatan 6 diberikan persediaan yang secukupnya dalam menduduki peperiksaan "*Malaysia University English Test (MUET)*" sedangkan pelajar lepasan diploma di institusi pengajian yang lain perlu menduduki peperiksaan MUET ini sebagai calon persendirian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan supaya pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Inggeris Tingkatan Enam dilaksanakan sekurang-kurangnya lapan waktu seminggu seperti yang dinyatakan dalam Surat Siaran KPM Bilangan 11 Tahun 2016: Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam, perkara 3.6 (3.6.1) Pengurusan Jadual Waktu Pengajaran dan Pembelajaran. Pelajar Tingkatan Enam wajib mengikuti PdP Bahasa Inggeris di sepanjang pengajian Tingkatan Enam bermula dari Semester 1 hingga Semester 3 yang dilaksanakan oleh guru yang telah dilantik/*tagging* Bahasa Inggeris Tingkatan Enam.

PdP Bahasa Inggeris Tingkatan Enam berpandukan kepada sukatan dan spesifikasi Malaysian University English Test (MUET) sedia ada. Pelajar wajib menduduki peperiksaan MUET yang merupakan ujian kemahiran Bahasa Inggeris semasa pengajian mereka dan juga sebagai salah satu syarat wajib bagi kemasukan ke universiti awam. Selain itu, program dan aktiviti untuk meningkatkan profisiensi Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar turut dilaksanakan sepanjang masa dan bukan berfokus kepada peperiksaan sahaja.

Manakala bagi pelajar lepasan diploma pula membuat persediaan secara bersendirian kerana mereka telah mendaftar di universiti semasa menduduki peperiksaan MUET. Untuk permohonan melanjutkan pengajian ke universiti awam bagi lepasan STPM/ Matrikulasi dan Asasi, calon perlu melepasi Syarat Am kemasukan iaitu mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam MUET mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [ LENGGONG ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 66**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

Kewajaran pihak Kementerian cadangan yang ekstrim sehingga bertindak untuk menyekat urusan memperbaharui pasport, lesen memandu, cukai jalan kenderaan, pendaftaran perniagaan serta sekatan kelulusan pinjaman kepada ahli keluarga terdekat peminjam culas yang dilihat berbeza dengan sikap sewaktu menjadi pembangkang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk menyekat urusan memperbaharui pasport, lesen memandu, cukai jalan kenderaan, pendaftaran perniagaan serta sekatan kelulusan pinjaman kepada ahli keluarga terdekat peminjam culas adalah bukan cadangan PTPTN tetapi merupakan cadangan awal yang dihipunkan hasil daripada sesi libat urus antara PTPTN dengan pihak-pihak berkepentingan yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2019.

Cadangan-cadangan tersebut bukan dasar muktamad yang akan dilaksanakan oleh PTPTN, sebaliknya ia telah dikemukakan untuk

**NO. SOALAN: 66**

pandangan serta cadangan umum melalui Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019, sebelum dimuktamadkan dan dibentangkan kepada Kerajaan untuk kelulusan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL**  
**[ LEMBAH PANTAI ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 67**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

Langkah-langkah terkini yang diambil Kementerian untuk mereformasi sistem dan kurikulum pendidikan demi mempersiapkan para pelajar menghadapi cabaran era ekonomi digital dan Revolusi Industri 4.0.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menongkah kepesatan teknologi yang dinamik serta arus IR4.0, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan program akademik yang ditawarkan adalah terkini dan mempunyai elemen-elemen abad ke-21 dalam masa yang sama memenuhi keperluan guna tenaga negara.

Di peringkat sekolah rendah, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) mendedahkan murid kepada elemen asas RI 4.0 terutamanya dalam aspek asas pengaturcaraan mudah meliputi *algorithm*, *pseudocode* dan carta alir dengan penggunaan perisian seperti *Scratch*, *Arduino*, *Microbits* dan sebagainya. Murid juga didedahkan kepada elemen robotik dalam pembelajaran mereka.

Pada peringkat sekolah menengah rendah, murid yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran RBT didedahkan kepada pengaturcaraan yang lebih kompleks di mana murid perlu menghasilkan projek elektronik menggunakan pengaturcaraan di samping mereka turut diperkenalkan dengan sistem kawalan.

Pada peringkat menengah atas, murid boleh memilih salah satu mata pelajaran elektif yang menjurus kepada bidang teknikal dan vokasional berdasarkan kepada minat dan kecenderungan murid. Antara mata pelajaran yang terlibat adalah seperti Sains Komputer, Automotif, Pengajian Kejuruteraan Eklektrik, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam dan sebagainya.

Bagi memastikan program yang ditawarkan bersifat adaptif kepada perubahan, KPM amat memberikan penekanan kepada universiti awam (UA) untuk menyemak semula kurikulum secara berkala agar program yang ditawarkan relevan dan memenuhi keperluan industri. Penyemakan kurikulum oleh UA akan mengambil kira pandangan penel

daripada pelbagai pihak termasuklah pakar bidang pengajian, pengamal industri dan badan-badan profesional.

Melalui semakan kurikulum UA akan mengenal pasti program akademik yang tidak mempunyai permintaan yang tinggi, tidak menepati kehendak pasaran dan industri, tidak berdaya saing, kadar kebolehpasaran graduan yang rendah serta tidak bersifat *nation building*, akan dijumlahkan atau dilupuskan. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan dan tiada duplikasi program.

KPM dan UA melaksanakan transformasi penawaran program akademik universiti awam bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi seperti 2u2i, *Work Based learning* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Tinggi sentiasa memastikan bahawa pengisian pembelajaran yang selari dengan Revolusi Industri 4.0 dilaksanakan kepada para mahasiswa di universiti. Pelbagai program kerjasama yang terjalin antara pihak industri dan kementerian dengan bermatlamat ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan dan berfokus kepada program berimpak tinggi serta selari dengan Revolusi Industri 4.0.

Antaranya adalah melalui pengenalan *Academia Talent Exchange Programme* (AI-xChange) :*CEO@ Faculty Programme*, di mana pelajar-pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademia dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan industri-industri terkemuka antarabangsa serta tempatan. Sehingga kini, program ini telah berjaya mendapat penyertaan seramai 72 orang CEO yang terdiri daripada pelbagai sektor industri.

Di samping itu, beberapa inisiatif jalinan kolaborasi antara akademik dan industri telah dilaksanakan demi melahirkan graduan yang sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa adalah seperti:

- a. Engineering@UM-Industrial *Innovation Centre* di kampus UM yang mengandungi makmal industri yang menempatkan fasiliti *research and development* bagi kegunaan bersama-sama para jurutera syarikat, penyelidik universiti, staf universiti dan pelajar. Syarikat-syarikat yang terlibat merangkumi penyertaan daripada 5 syarikat global iaitu Motorola Solutions bagi bidang *wireless technology*, Daikin bagi bidang *air-conditioning*, Ossur bagi bidang *orthopedic*, Rohde & Schwarz bagi bidang *wireless communication* dan Proton bagi bidang *automotive*.
- b. Samsung Malaysia bekerjasama dengan Universiti Teknikal Melaka (UTeM) dengan menubuhkan Samsung '*Internet of Things*' (IoT) *Academy* yang memberi impak positif kepada universiti dan juga syarikat Samsung. Pewujudan akademi ini memberi inspirasi dan membuka ruang yang luas kepada generasi muda untuk mendapat pendedahan dan dilatih menjadi usahawan teknologi seterusnya melahirkan lebih ramai tenaga mahir mengikut spesifikasi yang diperlukan di samping memberi nilai tambah kepada graduan universiti tempatan.
- c. *Ericsson Malaysia* telah bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) membentuk sebuah pusat iaitu UTM-ERICSSON IC5G berhubung *Research & Development* dalam teknologi 5G untuk rantau Asia Tenggara. Pusat ini mempunyai inovasi 5G, makmal penyelidikan 5G serta ruang pembelajaran 5G. *Ericsson Malaysia* dan UTM telah bersetuju untuk membantu di dalam hubungan penyelidikan, pertukaran perdagangan dan maklumat dengan matlamat untuk bekerjasama di dalam projek penyelidikan bersama dan untuk merealisasikan impak 5G ke atas industri serta masyarakat.
- d. *CIMB Investment Bank* dengan kerjasama UiTM Segamat Johor pula telah menyediakan *CIMB Trading Room* dan *CIMB*

*Big Data Lab* bagi mewujudkan ruang suasana pembelajaran secara praktikal bersama penglibatan industri. Matlamat penubuhan *trading room* ini adalah untuk membolehkan pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan mempraktikkan segala teori pembelajaran yang ditimba secara terus dengan menggunakan platform *itrade@CIMB* sebagai platform pelaburan sebenar. *CIMB Big Data Lab* pula akan digunakan sebagai pusat latihan pelajar berkenaan Analisis Data Raya.

- e. Firma perakaunan *Salihin Associates* dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu dan Universti Teknologi MARA mewujudkan Teaching Accounting Firm (TAF) di dalam universiti. Konsep "Teaching Accountancy Firm" ini adalah dengan melibatkan pelajar Sarjana Muda Perakaunan yang ditempatkan di TAF seawal tahun 2 pengajian yang mengikuti pembelajaran perakaunan mengikut jadual yang telah disusun.
- f. Pelaksanaan program Pusat Kecemerlangan Industri (*Industry Centre of Excellence, ICoE*) bagi meningkatkan kolaborasi antara IPT dengan pihak industri melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri kepada pelajar dan tenaga pengajar IPT. Program ICoE merupakan kaedah pendedahan secara *hands-on, soft skill* dan *hard skill* kepada pelajar dan tenaga pengajar mengikut kehendak khusus dari pihak industri. Salah satu program ICoE yang berjaya dilaksanakan ialah *Microsoft Professional Program Data Science* iaitu dengan kerjasama *Microsoft* Malaysia bertujuan melatih seramai 240 orang pelajar di dalam bidang pengetahuan sains data. Kurikulum yang ditawarkan sepanjang latihan adalah bersifat *industry-leading curriculums* dan di akhir program pelajar akan diberikan sijil profesional daripada pihak *Microsoft* yang diiktiraf oleh pihak industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [ KANOWIT ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 68**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan status pelaksanaan projek-projek bina baru dan baik pulih sekolah daif di Sarawak

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sarawak melibatkan 198 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah RM678.97 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Untuk pelaksanaan projek daif bagi tahun 2018, sebanyak 116 buah sekolah daif telah dinaik taraf di Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM416.58 juta. Sehingga 24 Jun 2019 sebanyak 75 buah sekolah telah siap dibina dan telah digunakan manakala baki 41 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan termasuk 17 buah dalam proses penamatan.

Di bawah *Rolling Plan 4* (2019) RMK-11, sebanyak 14 projek baharu telah diluluskan di negeri Sarawak dengan kos berjumlah RM288 juta, Projek yang baharu diluluskan ini meliputi pembinaan bangunan baharu, bangunan tambahan, gantian bangunan-bangunan sedia ada serta ubahsuai dan naiktaraf.

Sekian, terima kasih.

RJM 110

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI**  
**BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**  
**TARIKH** : **15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 69**

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah piawaian atau pun ketetapan yang ada pada sebuah pusat asuhan kanak-kanak untuk panduan ibu bapa dalam memastikan pusat asuhan tersebut mempunyai perakuan pendaftaran, pengasuh yang berkelayakan dan tahap keselamatan yang baik untuk kanak-kanak yang dihantar ke situ.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa menggalakkan ibu bapa menghantar anak ke TASKA berdaftar kerana TASKA berdaftar mematuhi syarat minimum yang telah ditetapkan oleh JKM dan Akta TASKA 1984 serta Peraturan TASKA 2012 yang mana secara tidak langsung dapat menjamin kualiti pengasuhan dan perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Syarat minimum yang ditetapkan adalah seperti berikut:

**STANDARD MINIMUM JKM**

1. Nisbah pengasuh dengan kanak-kanak hendaklah mencukupi seperti Jadual berikut;

Umur (Tahun)	Kanak-Kanak	Kanak-Kanak
	Normal	OKU
Lahir - 1 tahun	1 : 3	2 : 3
1 tahun ke atas – 3 tahun	1 : 5	2 : 5
3 tahun ke atas – 4 tahun	1 : 10	3 : 10

2. Pengasuh merupakan warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas;
3. Pengusaha, pengurus, penyelia hendaklah lulus sijil Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) atau Kursus Asuhan PERMATA yang diiktiraf oleh JKM. Manakala, pengasuh kanak-kanak di TASKA hendaklah mempunyai sijil hadir dan lulus Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) atau Kursus Asuhan PERMATA dalam tempoh 12 bulan bekerja;
4. Mematuhi nisbah kanak-kanak dengan ruang lantai iaitu 2.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak di TASKA Rumah atau 3.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak di TASKA Institusi, Tempat Kerja dan Komuniti;
5. Menyedia dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang dan jadual aktiviti harian mengikut peringkat umur kanak-kanak;

## SOALAN NO. 69

6. TASKA mempunyai kemudahan peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan kanak-kanak;
7. Menyedia dan menyenggarakan rekod-rekod di TASKA;
8. Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis TASKA;
9. Apa-apa syarat lain yang difikirkan patut dan sesuai oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.

JKM juga sentiasa membuat pemantauan secara mengejut dan juga berkala ke atas TASKA berdaftar bagi memastikan pengusaha sentiasa mematuhi Akta TASKA 1984 serta Peraturan TASKA 2012 seterusnya menjamin keselamatan kanak-kanak.

Selain itu, ibu bapa adalah digalakkan untuk membuat semakan status pendaftaran TASKA melalui portal rasmi JKM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 70**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk memperkenalkan sistem yang baru untuk kemasukan atau pengambilan ke dalam Kolej Matrikulasi memandangkan ada banyak aduan atau keluhan mengenai ketidakadilan sistem ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berdasarkan sistem meritokrasi dengan mengambil kira 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum dengan mengambil kira syarat-syarat kelayakan permohonan yang ditetapkan.

Mulai sesi 2020/2021, KPM mengambil langkah untuk menyeragamkan pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM yang akan disekalikan dalam UPU Online bagi mengelakkan pertindihan tawaran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]  
TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 71

Minta **Menteri Pendidikan** butiran pemohonanan/pengambilan serta pendaftaran matrikulasi pada tahun 2019 mengikut negeri, kaum serta butiran samada mereka dari golongan B40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi sesi 2019/2020, sebanyak 78,727 permohonan yang telah diterima untuk mengikuti Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dan 78 peratus adalah permohonan daripada murid Bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan 22 peratus adalah permohonan daripada murid bukan Bumiputera yang terbahagi kepada 13 peratus daripada kaum Cina, 7 peratus daripada kaum India dan 2 peratus daripada kaum Lain-lain. Daripada jumlah permohonan tersebut, 56 peratus adalah daripada golongan B40 dan 44 peratus permohonan daripada golongan M40 dan T20.

Sehingga 30 Jun 2019, 62 peratus pelajar dari golongan B40 dan 38 peratus pelajar dari golongan M40 dan T20 yang telah mendaftar ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan. 87 peratus daripada jumlah pelajar yang mendaftar merupakan pelajar Bumiputera dan 13 peratus merupakan pelajar bukan Bumiputera yang terbahagi kepada tujuh (7) peratus kaum Cina, lima (5) peratus kaum India dan satu (1) peratus kaum Lain-lain. Sekitar 51 peratus hingga 79 peratus pelajar merupakan pelajar dari golongan B40 yang kini berada di 15 kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

RJM 112

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tindakan susulan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap pihak bertanggungjawab atas keputusan untuk melibatkan Angkatan Tentera Malaysia dalam Ops Yaman 2 tanpa mendapati kelulusan kabinet.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan pembetulan telah dibuat dengan memperkemaskan *Standard Operating Procedure* (SOP) Penempatan Trup ATM Di Luar Negara dan Malaysia telah menarik keluar anggota ATM dari Arab Saudi pada 3 Oktober 2018 selaras dengan pendirian kerajaan yang berkecuali dan tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @  
TUBAU [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 73**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan memberi peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan PPKI Sekolah Menengah Kebangsaan Merpati memandangkan bangunan dan kemudahan telah uzur hayatnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah Kebangsaan Merpati tidak mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) tetapi terdapat lima orang Murid Berkeperluan Khas (MBK) di sekolah tersebut yang mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI). Selaras dengan Dasar Sifar Penolakan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan semua sekolah yang mempunyai MBK dilengkapi dengan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) secara berperingkat-peringkat.

Selain daripada itu, pada tahun 2019 KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM14.7 juta bagi menyelenggara kelas-kelas yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.9 juta diperuntukkan untuk penyelenggaraan kelas-kelas yang menjalankan PPKI di Negeri Sabah. Pemilihan senarai sekolah adalah berdasarkan kepada Skor

**NO. SOALAN: 73**

Gred Impak dalam Skala Keutamaan yang disyorkan oleh JPN/Bahagian Pendidikan Khas. Sekian, terima kasih. RJM 113

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah penagih dadah di seluruh Malaysia dan berapakah penagih dadah yang dikesan tetapi tidak ditangkap dan didakwa kerana kekurangan tempat di penjara atau tempat tahanan pemulihan; dan adakah angka penagih dadah meningkat atau menurun dalam 10 tahun kebelakangan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa melaksanakan tindakan-tindakan pengesanan penagih-penagih agar mereka dapat diberi rawatan dan pemulihan sewajarnya. Pandangan Yang Berhormat bahawa ada penagih dadah yang dikesan tetapi tidak ditangkap dan didakwa kerana kekurangan tempat di penjara atau pusat pemulihan adalah tidak tepat. Semua tangkapan dan pendakwaan penagih dadah adalah dilakukan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 atau Akta Dadah Berbahaya 1952 dan diurus mengikut perundangan yang sedang berkuat kuasa.

## SOALAN NO : 74

Pihak Mahkamah akan menentukan sama ada seseorang penagih itu ke penjara, Pusat Pemulihan, denda atau menjalani pemulihan di dalam komuniti. Terdapat Orang Kena Tahan (OKT) yang ditangkap dan dijatuhkan hukuman pemulihan dalam komuniti sebagai hukuman dan diletakkan di bawah pengawasan AADK atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengikut peruntukan undang-undang. Orang Kena Pengawasan (OKP) ini akan mengikuti semua program rawatan dan pemulihan yang dilaksanakan oleh AADK sebagai proses pemulihan untuk OKP dalam komuniti.

Berdasarkan statistik bagi sepuluh (10) tahun ke belakang, seramai 225,375 orang penagih telah dikesan. Perincian penagih yang dikesan dari tahun 2009 sehingga tahun 2018 adalah seperti berikut:

Statistik Penagih Yang Dikesan Mengikut Status Kes Bagi Tempoh 10 Tahun			
Tahun	Kes Baru	Kes Berulang	Jumlah
2009	7,123	8,613	15,736
2010	17,238	6,404	23,642
2011	13,683	5,848	19,531
2012	10,301	4,800	15,101
2013	13,481	7,406	20,887
2014	13,605	8,172	21,777
2015	20,289	6,379	26,668
2016	22,923	7,921	30,844
2017	18,440	7,482	25,922
2018	17,474	7,793	25,267
Jumlah	154,557	70,818	225,375

Sumber: AADK

Secara keseluruhannya, berlaku peningkatan yang agak ketara dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini dari 15,736 orang penagih dikesan pada tahun 2009 dan meningkat kepada 25,267 orang penagih dikesan pada tahun 2018.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) statistik-statistik terkini aspek pembangunan seperti baik pulih balai polis, kuarters dan isu logistik yang melibatkan pengangkutan yang sudah dikenal pasti sepanjang tahun yang lepas; dan
- (b) apakah langkah-langkah penambahbaikan yang akan diambil berkenaan keperluan logistik, infrastruktur dan kebajikan petugas polis dalam negara selaras dengan syor-syor yang terkandung di dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

KDN sentiasa mengambil perhatian terhadap keperluan logistik termasuk baik pulih kuarters dan perolehan pengangkutan. Berikut adalah peruntukan mengurus yang diterima oleh PDRM bagi penyelenggaraan dan pembaikan kecil (OS28000) dan pembaikan bangunan (OS32000):

- Tahun 2016 - RM38,124,339.00;
- Tahun 2017 - RM37,850,175.63; dan
- Tahun 2018 - RM23,420,000.00. (OS32000 sahaja).

Pada tahun 2019, PDRM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM40,137,000.00 bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikan kecil/kecemasan bangunan serta kemudahan PDRM yang diletakkan di bawah peruntukan khas Kementerian Kewangan (PFI).

Selain itu, semasa pembentangan belanjawan tahun 2019, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM200 juta di bawah Belanja Pembangunan kepada PDRM bagi tujuan pembaikan kompleks perumahan PDRM dan penggantian lif di kompleks PDRM yang akan memberi manfaat kepada anggota dan ahli keluarga.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 76**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada satu kaedah yang kukuh telah dirangka untuk mengawal selia pencemaran sungai-sungai atau isu-isu pencemaran sungai masih dalam peringkat kajian sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam menangani isu pencemaran sungai-sungai ini, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengambil pelbagai langkah, baik di peringkat kajian, perancangan mahupun operasi.
2. Antara tindakan yang diambil adalah seperti berikut :
  - (i) di bawah Program Pengawasan Alam Sekitar (*Environmental Quality Monitoring Programme - EQMP*), JAS telah melaksanakan program pengawasan kualiti air sungai bagi seluruh Malaysia. Maklumat mengenai status kualiti air sungai mengikut kelas dilaporkan dalam Laporan Kualiti Alam Sekeliling setiap tahun;

**NO. SOALAN : 76**

(ii) penguatkuasaan dan pemantauan secara berkala ke atas sungai-sungai yang berisiko tinggi tercemar, memang dikawal meliputi semua aspek daripada peringkat perancangan, penempatan industri, penguatkuasaan berterusan, pengawasan dan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar;

(iii) satu kajian telah dijalankan bagi memperkenalkan pendekatan baharu untuk mengawal pencemaran sungai melalui kaedah *Total Maximum Daily Load* (TMDL) iaitu penentuan beban pencemaran yang dibenarkan dilepaskan oleh setiap punca pencemaran air berdasarkan kepada daya tampung sesebuah sungai; dan

(iv) Kementerian ini juga sedang dalam proses meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 bagi memantapkan usaha mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]  
TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 77**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah kebangsaan di luar bandar Sabah untuk sebarang keperluan logistik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai Kementerian yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawab dalam pembangunan modal insan negara sentiasa menfokuskan kepada akses dan ekuiti pendidikan yang melibatkan kebajikan, keselesaan dan kemudahan asas kepada semua sekolah termasuk sekolah-sekolah luar bandar di Negeri Sabah. Walau bagaimanapun dengan peruntukan yang terhad, pihak Kementerian hanya dapat memberikan keutamaan projek atau program yang telah dirancang dan benar-benar kritikal serta mendesak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2019, KPM telah menyalurkan peruntukan mengurus kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah seperti berikut:

1. Peruntukan Pendidikan Prasekolah sebanyak RM74,565,900.00
2. Peruntukan Pendidikan Rendah sebanyak RM2,224,047,900.00
3. Peruntukan Pendidikan Menengah sebanyak RM1,383,469,200.00

Agihan peruntukan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa negara dan tahap keperluan mendesak sesuatu program atau projek. Sehubungan itu, agihan peruntukan dilakukan oleh JPN Sabah mengikut keperluan dan keutamaan program yang dijalankan termasuklah peruntukan logistik sekolah-sekolah di luar bandar di Sabah.

Sekian, terima kasih.

RJM 114

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat beberapa limbungan kapal yang berada di Sabah, Sarawak dan Labuan. Tidakkah patut kapal-kapal pertahanan negara yang berada di kawasan wilayah 2 (Sabah dan Sarawak) patut diselenggarakan oleh limbungan kapal yang berada di kawasan tersebut dan tidak perlu dihantar ke Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya pada masa ini terdapat beberapa limbungan kapal di Sabah, Sarawak dan Labuan menyelenggara kapal perang bersaiz kecil dan besar. Bagi selenggaraan kapal perang bersaiz kecil, tawaran selenggaraan atau pembaikan kapal tersebut yang berpangkalan di Sabah hanya ditawarkan kepada limbungan di Sabah, Sarawak dan Labuan sahaja, tidak kepada limbungan di Semenanjung. Ini disebabkan faktor lokaliti, selain kapal perang kecil tidak perlu merentas Laut China Selatan.

Bagi selenggaraan kapal perang bersaiz besar, di Malaysia hanya terdapat 4 limbungan yang berkemampuan melaksanakan selenggaraan ini iaitu Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (Lumut), Malaysia Marine and Heavy Engineering Berhad (Pasar Gudang), Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd (Labuan) dan Shin Yang Shipyard Sdn Bhd (Miri).

Sehubungan dengan itu bagi selenggaraan kapal perang bersaiz besar berpangkalan di Sabah, tawaran dibuka kepada keempat-empat limbungan. Pendekatan yang sama juga digunapakai bagi kapal perang bersaiz besar yang berpangkalan di Semenanjung Malaysia, dimana limbungan di Sarawak dan Labuan turut dipelawa.

Pendekatan selenggaraan kapal perang bersaiz besar ditawarkan kepada 4 limbungan adalah bagi memastikan kerajaan mendapat tawaran harga yang terbaik dan kompetitif. Sekiranya tawaran selenggaraan hanya ditawarkan kepada limbungan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak sahaja, maka hanya 2 limbungan sahaja yang turut serta, tidak termasuk limbungan Pembuat Kapal Perang Asal TLDM bersaiz besar.

Langkah melaksanakan Tawaran Selenggaraan kepada 4 limbungan ini adalah bagi memastikan persaingan sihat serta saksama di kalangan keempat-empat limbungan di Malaysia, termasuk kepada limbungan Pembuat Kapal Perang Asal TLDM bersaiz besar. Elemen penting yang diambil kira adalah kos selenggaraan yang kompetitif kepada kerajaan, tempoh selenggaraan yang munasabah serta bidang kerja yang menyeluruh mematuhi spesifikasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 79**

**TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (i) bilangan anggota, belanjawan tahunan dan pencapaian *Belt and Road Initiative National Secretariat*; dan
- (ii) kebaikan, kelemahan dan cabaran menyertai BRI dan senarai status dan nilai projek-projek di bawah BRI.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

**Latar Belakang dan Status Semasa BRINS Malaysia/ Seksyen China**

1. Pada 13 Mei 2017, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) dan *National Development Reform Commission*, Republik Rakyat China (NDRC) telah menandatangani Memorandum Persefahaman untuk Menggalakkan Pembangunan Ekonomi Secara Bersama dalam Laluan Sutera dan Laluan Maritim Kurun Ke-21 (**MoU BRI**). Seperti yang termaktub dalam memorandum tersebut, pelaksanaan kerjasama *Belt and Road Initiative* (BRI) adalah dipertanggungjawabkan kepada MITI dan NDRC.

2. Susulan daripada termeterainya MoU BRI, MITI telah menubuhkan Sekretariat Kebangsaan *Belt and Road Initiative* (**BRINS Malaysia**) pada 2017 bagi memantau dan menyelaraskan projek-projek BRI di Malaysia serta memantau projek-projek BRI di negara asing yang melibatkan penyertaan entiti Malaysia.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, BRINS Malaysia adalah terletak di bawah **Seksyen China MITI** yang turut berperanan memantau hal-ehwal kerjasama ekonomi dua hala antara Malaysia dengan RRC, Taiwan, Hong Kong dan Macau. Seksyen China dianggotai oleh **6 pegawai** dan diketuai oleh seorang pengarah Gred M54. Dagi segi belanjawan, **tidak ada peruntukan spesifik** daripada Kementerian ini untuk Seksyen China. Perbelanjaan operasi seksyen tersebut termasuk BRINS adalah menggunakan perbelanjaan pengurusan MITI sedia ada.

4. BRINS Malaysia telah melaksanakan tugas-tugas utama seperti berikut:

- (i) Memantau secara berterusan ke atas status terkini projek dan program yang melibatkan penyertaan pihak RRC;
- (ii) Mengaturkan mesyuarat/ perbincangan strategik mengenai pelaksanaan projek BRI dengan pegawai-pegawai kanan kerajaan, akademia dan institusi *think-tank* dari dalam dan luar negara;
- (iii) Menerima kunjungan hormat daripada pihak-pihak berkepentingan seperti institusi penyelidikan serta delegasi daripada RRC untuk bertukar pandangan dan mengumpul input yang lebih holistik berkenaan perkembangan BRI dan hubungan dua hala antara Malaysia dengan RRC; dan
- (iv) Menganjurkan mesyuarat-mesyuarat penyelarasan yang melibatkan sektor awam dan sektor swasta tempatan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan kerjasama BRI serta perdagangan dan pelaburan dua hala.

5. Sebagai contoh, pada April 2018, BRINS Malaysia telah menjemput pegawai dari Bank Negara Malaysia untuk memberi **pendedahan berkenaan prospek Green Finance** (iaitu *Islamic Finance*) di RRC kepada para pegawai dan agensi MITI. Pada November 2018 pula, BRINS Malaysia telah menganjurkan sebuah **seminar bertajuk “Melabur di RRC: Peluang dan Cabaran bagi Syarikat-syarikat Malaysia”** yang disertai oleh wakil-wakil daripada majlis-majlis perniagaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs). Seminar tersebut dilaksanakan untuk meningkatkan pemahaman syarikat-syarikat Malaysia terhadap landskap pelaburan di RRC dan seterusnya menggalakkan mereka untuk membuat pelaburan yang strategik di RRC.

### **Perancangan Seterusnya (Way Forward)**

6. Kementerian ini optimistik dengan perkembangan perdagangan dan pelaburan dua hala dengan RRC. Mengambil kira kedudukan RRC yang menjadi negara pelabur terbesar bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan Malaysia untuk tiga tahun berturut-turut sejak 2016 serta menjadi rakan dagang terbesar Malaysia selama 10 tahun berturut-turut sejak 2009, adalah dijangka bahawa pelaburan dan penyertaan dari RRC dalam projek-projek di Malaysia akan terus meningkat pada tahun-tahun yang akan datang. Lantaran itu, Kementerian ini melalui Seksyen China akan mengambil langkah dan tindakan berikut untuk memastikan kerjasama ekonomi dua hala serta pelaksanaan BRI yang lebih efektif:

- (i) Mengadakan **mesyuarat berkala** dengan kementerian, agensi kerajaan dan pihak sektor swasta yang berkenaan untuk memantau dengan lebih menyeluruh status terkini serta memahami perancangan seterusnya bagi projek-projek yang melibatkan penyertaan dari RRC di Malaysia;
- (ii) Meneruskan **sesi perundingan (consultative session)** dengan institusi-institusi penyelidikan dan majlis-majlis perniagaan untuk mendapatkan pandangan yang lebih inklusif dalam usaha merancang strategi pelaksanaan BRI Malaysia

dan meletakkan Malaysia dalam platform BRI antarabangsa dengan strategik; dan

- (iii) Meningkatkan usaha dalam membina **hubungan antara kerajaan (G2G relations)** dengan kerajaan-kerajaan wilayah dan tempatan RRC agar dapat meneroka kerjasama ekonomi yang berimpak dan memudahkan akses pasaran syarikat Malaysia ke wilayah-wilayah berkenaan.

Yang di-Pertua,

### **Faedah Penyertaan dalam BRI**

7. Penyertaan Malaysia dalam BRI akan membolehkan Malaysia kekal aktif dan memperoleh manfaat dalam proses **integrasi ekonomi antarabangsa**. Ia juga membuka peluang kepada jalinan kerjasama dengan negara-negara yang jauh di benua Eropah, Afrika dan Amerika Selatan. Dengan akses yang lebih luas ini, risiko kebergantungan ekonomi Malaysia terhadap rakan-rakan dagang utama Malaysia akan dapat dikurangkan.

8. Dari lensa yang lebih pragmatik, penyertaan Malaysia dalam BRI dapat **memudahkan pelabur** dari RRC untuk mendapatkan kelulusan kerajaan RRC dalam membuat pelaburan berkualiti di Malaysia. Ia juga bakal memberikan peluang pekerjaan serta membolehkan pemindahan teknologi kepada industri tempatan.

Yang di-Pertua,

### **Projek-projek BRI Malaysia**

9. Seperti yang telah saya maklumkan dua minggu lepas di Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC belum menyenaraikan projek-projek di Malaysia dan RRC untuk dikategorikan sebagai projek BRI. Persetujuan antara kedua-dua kerajaan perlu dicapai untuk mengiktiraf sesebuah projek atau program dengan status BRI.

10. Walau bagaimanapun, sukacita saya menyenaraikan beberapa projek utama di Malaysia yang melibatkan penyertaan daripada RRC. Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek tersebut adalah:

**(i) Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP)**

Setakat Jun 2019, MCKIP telah mencatatkan 10 projek dengan komitmen nilai pelaburan berjumlah RM18 bilion dan dijangka menyediakan 20,000 peluang pekerjaan.

**(ii) Kampus Universiti Xiamen di Malaysia (XMU)**

Kampus yang terletak di Sepang ini merupakan kampus pertama yang diluluskan oleh Kerajaan RRC untuk didirikan di luar dari negara RRC. Jumlah nilai pelaburan bagi projek ini adalah sebanyak RM1.3 bilion dan 75% daripada bahan pembinaan projek adalah menggunakan bahan tempatan. Pengambilan pelajar telah bermula sejak Februari 2016 dan kini sebanyak 13 program Sarjana Muda telah ditawarkan.

**(iii) Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)**

Projek ECRL akan diteruskan dengan kos sebanyak RM44 bilion seperti yang telah diumumkan pada 12 April 2019. Pada 25 April 2019, Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan China Communication Construction Company Ltd. (CCCC) berkenaan pembangunan taman-taman industri, infrastruktur, hab logistik dan pembangunan berorientasi transit yang berkaitan dengan ECRL telah ditandatangani. MoU ini bertujuan memperkukuhkan kerjasama strategik yang komprehensif oleh kedua-dua pihak bagi meningkatkan aktiviti ekonomi di sepanjang koridor ECRL bagi memaksimumkan faedah ekonomi dan jumlah trafik ECRL.

Yang di-Pertua,

11. Kementerian ini akan terus memainkan peranan proaktif dalam menerajui pelaksanaan BRI dengan RRC dan mengharapkan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak khususnya kementerian dan agensi Kerajaan dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID**  
**(HULU TERENGGANU)**

**SOALAN NO 80**

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Malaysia ke atas tindakan Amerika Syarikat menyenaraihitamkan syarikat telefon pintar Huawei dari menjalankan perdagangan di negara tersebut, dan sekiranya China turut mengambil tindakan yang sama ke atas syarikat Apple, adakah Malaysia akan mengikuti jejak yang sama dengan Negara China.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Amalan dasar perlindungan yang diamalkan oleh Amerika Syarikat, termasuk menyenaraihitamkan Huawei tanpa alasan yang wajar pada awalnya telah mengheret lain-lain negara yang mempunyai kepentingan untuk turut bertindak balas hingga mempengaruhi ekonomi global, terutama kepada negara-negara kecil seperti Malaysia.
2. Kerajaan berpandangan bahawa konflik perdagangan yang berterusan boleh menjejaskan rantaian bekalan rantau serta memberi impak kepada ekonomi dunia pada masa akan datang. Amerika Syarikat dan China masing-masing juga mempunyai "tanggungjawab global" bagi memastikan kepentingan lain-lain negara, khususnya ekonomi kecil di ASEAN, termasuk Malaysia tidak terjejas. Selain daripada itu, semua negara-negara ekonomi adalah sebahagian daripada ekosistem global, oleh itu amalan dasar perlindungan atau '*protectionism*' dengan izin tanpa alasan yang wajar perlu dihentikan, dan kedua-dua negara perlu secara aktif mencari penyelesaian yang terbaik secara duahala, serantau ataupun pelbagaihala.
3. Namun begitu, Kerajaan telahpun mengambil maklum akan terdapatnya kebimbangan mengenai isu keselamatan yang membabitkan syarikat Huawei dalam inisiatifnya memperkenalkan 5G di seluruh dunia. Ingin juga ditegaskan bahawa Amerika Syarikat, terutamanya dan lain-lain negara Barat, perlu menerima hakikat bahawa negara-negara di Asia mempunyai kapasiti dan kreativiti untuk menghasilkan produk yang berteknologi tinggi dan berdaya saing, serta tidak seharusnya mengancam kemajuan pesaing-pesaing perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sepertimana sedia maklum, Sidang Kemuncak G20 yang telah berlangsung di Osaka, Jepun pada 28 dan 29 Jun 2019, Amerika Syarikat telah mengumumkan untuk meneruskan kembali rundingan perang perdagangannya dengan China dan memutuskan untuk tidak mengenakan sebarang tarif baru ke atas barangan yang diimport dari China. Presiden Trump dalam sesi temuramahnya semasa Sidang Kemuncak G20 juga

mengumumkan untuk membenarkan syarikat-syarikat Amerika Syarikat menjual komponen-komponen telefon bimbit kepada Huawei. Perkembangan ini telah sedikit sebanyak meredakan ketegangan yang berlaku sebelum ini.

5. Dalam isu ini, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem perdagangan yang bebas dan terbuka berlandaskan peraturan-peraturan telus, seperti Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (*World Trade Organisation - WTO*) akan terus memanfaatkan penggunaan teknologi dan pembangunan infrastruktur generasi kelima atau teknologi 5G kerana ia akan memberi kesan kepada ekonomi negara dalam menuju Industri 4.0.

6. Walaupun konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China belum lagi menemui jalan penyelesaian muktamad, kedua-dua negara masih merupakan rakan dagang penting bagi Malaysia dan syarikat-syarikat dari kedua-dua negara tersebut masih bebas untuk berdagang dan melabur di Malaysia selagi mana ianya berlandaskan peraturan sedia ada. Kerajaan sentiasa meneruskan usaha untuk menarik pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment – FDI*) berkualiti tinggi ke Malaysia tanpa mendiskriminasi mana-mana negara, termasuk galakan pelaburan domestik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 81**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana Kementerian membantu petani dan nelayan menguasai penggunaan teknologi ekonomi digital untuk memasarkan produk mereka secara atas talian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menyedari bahawa penguasaan teknologi ekonomi digital telah menjadi semakin penting pada masa kini. Dalam hal ini, Kementerian juga tidak ketinggalan untuk membantu para petani dan nelayan menggunakan ekonomi digital untuk memasarkan produk mereka secara atas talian. Pada tahun 2015, Agrobazaar Online yang merupakan platform untuk usahawan-usahawan memasarkan produk serta perkhidmatan berasaskan pertanian secara maya kepada pengguna telah dilancarkan. Sehingga Jun 2019, Agrobazaar Online mempunyai 4,970 kedai dengan 13,085 SKU produk, 28,865 orang pembeli, dan 10,660 transaksi dengan nilai jualan sebanyak RM4.95 juta.

Di samping itu, Kementerian juga sedang membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai Agriculture Flagship (AgF). Selain untuk kegunaan dalaman kementerian, sistem ini juga boleh digunakan oleh petani dan nelayan. Sebagai contoh, Sistem Pengurusan Petani Pintar yang merupakan salah satu komponen Fasa 2 AgF dan berfungsi untuk

## SOALAN NO: 81

membantu proses analisis penawaran, permintaan dan pasaran dengan lebih sistematik boleh dimanfaatkan oleh petani dan nelayan untuk memahami trend dan kehendak pasaran, merancang jadual pengeluaran dan seterusnya melaksanakan strategi pemasaran yang berkesan dan memenuhi keperluan pasaran samada melalui jualan secara atas talian mahupun di luar talian.

Selain melalui inisiatif Kerajaan, terdapat juga platform e-dagang milik swasta yang memasarkan produk pertanian segar seperti e-shop TESCO dan Happyfresh.my. Walau bagaimanapun, pemasaran produk pertanian segar secara atas talian masih kurang mendapat sambutan daripada kalangan petani dan nelayan sendiri atas beberapa faktor seperti pengendalian penyimpanan dan logistik. Dalam hal ini, Kementerian sedang meneliti kaedah yang telah diguna pakai di beberapa negara luar terutamanya China dan Jepun untuk mencari kaedah pemasaran atas talian yang terbaik untuk petani dan nelayan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[TANAH MERAH]**

**TARIKH : 15.7.2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 82**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL  
PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan terbaru Kementerian dalam  
memastikan harga barang tidak terus meningkat sehingga membebankan  
rakyat.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dan membekalkan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna. Kerjasama strategik dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan agensi-agensi berkaitan akan diperkukuh dan dilaksanakan secara bersepadu.

Sejak pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang bermula pada 1 September 2018, Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan berkala di seluruh negara melalui Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan melalui pelaksanaan Operasi Catut 5.0.

Sepanjang tempoh pelaksanaan Operasi Catut 5.0, sebanyak 117,433 premis telah diperiksa yang terdiri daripada peniaga di kawasan bandar dan luar bandar. Selain itu, sebagai langkah proaktif, pemantauan harga barang juga turut dilakukan secara konsisten oleh Pegawai Pemantau Harga ke atas pasaraya besar, pasaraya, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh negara. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai laporan trend harga barang dan tindakan penguatkuasaan sekiranya berlaku kenaikan harga.

Bagi tahun 2018 hingga 2019, sebanyak 102 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan berkaitan pencatutan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu 82 kertas siasatan di bawah Seksyen 14(1) kerana mencatut, 13 kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan dan 7 kertas siasatan di bawah Seksyen 53A kerana tidak menyimpan rekod perniagaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk menaik taraf semua ibu pejabat polis, balai polis dan kuarters polis di kawasan Parlimen Jelutong.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM200 juta bagi kerja-kerja pembaikan kuarters dan pembaikan lif di premis Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di seluruh Malaysia bagi pelaksanaan pada Tahun 2019, *Rolling Plan* Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Di bawah Parlimen Jelutong, terdapat satu (1) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), tiga (3) Balai Polis (PB) dan satu (1) kompleks perumahan anggota PDRM iaitu :

1. IPD Timur Laut
2. Balai Polis Jalan Patani (dalam satu kawasan dengan IPD Timur Laut)
3. Balai Polis Dato' Keramat (32 unit kuarters)
4. Balai Polis Jelutong (58 unit kuarters)
5. Perumahan Insp Polis Batu Lanchang (40 unit kuarters)

## SOALAN NO : 83

Bagi tujuan pembangunan infrastruktur dan menaik taraf bangunan premis, pihak PDRM telah menyenaraikan cadangan pembinaan Balai Polis Jelutong yang baharu dalam Pelan Strategik Polis DiRaja Malaysia (PSPDRM) Lima Tahun. Namun, pembangunan semula di tapak sedia ada tidak dapat dilaksanakan kerana kawasannya yang terlalu kecil memandangkan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi telah menetapkan keluasan tapak yang diperlukan bagi pembinaan sesebuah Balai Polis baharu adalah lima (5) ekar sehingga sepuluh (10) ekar. Pihak PDRM dengan kerjasama Kerajaan Negeri juga masih mengenalpasti lokasi tapak yang bersesuaian untuk tujuan pengambilan bagi pembinaan Balai yang baharu pada masa hadapan.

KDN sentiasa memberi perhatian dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada (baharu dan sambungan) serta kerja-kerja menaik taraf premis PDRM yang uzur. Bagi cadangan projek yang dirujuk, ia akan dimasukkan dalam *Rolling Plan* (RP) berikutnya sekiranya isu tanah tapak projek dapat diselesaikan dan setelah semakan keutamaan dibuat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT**  
**[ LUBOK ANTU ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 84**

**Tuan Jugah Anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan akan kepentingan sekolah rendah di kawasan pedalaman Sarawak yang hendak digabungkan di bawah cadangan [SKM]. Tinjauan telah dijalankan merata di sekolah rendah tidak bersetuju, walaupun faham kos yang ditanggung oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data pada 31 Mac 2019, terdapat sebanyak 844 buah sekolah rendah di negeri Sarawak yang mempunyai enrolmen 150 dan ke bawah yang dikategorikan sebagai sekolah kurang Murid.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) senantiasanya memikirkan kaedah yang paling sesuai untuk menyediakan akses pendidikan pada tahap yang optimum kepada murid-murid selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 melalui Inisiatif Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid. Salah satu strategi yang telah diputuskan bersesuaian demi kebaikan murid adalah melalui penggabungan sekolah di mana sekolah yang menjadi induk akan ditambah baik dengan menyediakan kemudahan yang lebih kondusif untuk keselesaan murid-murid. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini adalah tertakluk kepada kriteria berikut dan ditangani secara kes demi kes:

1. Enrolmen yang sangat rendah dan tidak optimum dari segi pengurusan sekolah;
2. Keadaan fizikal atau persekitaran sekolah yang tidak selamat atau kondusif;
3. Terdapat sekolah yang sama aliran dalam jarak yang boleh diakses;
4. Kesiediaan murid dan ibu bapa; dan
5. Persetujuan komuniti setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini KPM melalui Jabatan Pendidikan Sarawak dengan kerjasama Kerajaan negeri sedang dalam proses melaksanakan libat urus bersama-sama ibu bapa dan komuniti setempat bagi mendapatkan persetujuan sebelum sebarang proses penggabungan sekolah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

RJM 115

**NO. SOALAN: 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
[ ARAU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pihak Kementerian untuk memberikan kuasa kepada pihak SKMM untuk menyiasat serta memadam sebarang posting berbentuk penulisan, video dan gambar yang berbaur penghinaan, perkauman serta penyebaran berita palsu yang boleh menyentuh hal ehwal agama, institusi beraja dan lain-lain lagi yang dirasakan perlu di media sosial.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited di dalam usaha untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia berdasarkan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan ini haruslah mengambil kira kepelbagaian agama, bangsa dan budaya di dalam Negara. Kementerian berpandangan kebebasan untuk membincangkan topik secara terbuka dan berterus terang di media sosial perlu dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak mencetuskan pergolakan sosial atau menjejaskan keselamatan negara.

2. Dalam hal pemberian kuasa kepada pihak SKMM untuk menyekat atau memadam kandungan serta paparan di media sosial, Kerajaan masih mengkaji cadangan tersebut dan perlu mengambil kira input serta maklumbalas dari pihak-pihak yang berkepentingan, serta pertimbangan dari segi kebolehlaksanaan dan kekangan teknikal.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO'  
AZUMU [ TAMBUN ]**

**TARIKH** : **15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 86**

**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ] [ Taiping ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rasional serta pendekatan yang diambil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi penggunaan dana *Universal Service Provider* (USP) dalam konteks pembahagian mengikut negeri yang lebih saksama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dari semasa ke semasa sentiasa menyelia dan memantau keperluan infrastruktur komunikasi bertumpu kepada kawasan-kawasan yang mempunyai kurang atau tiada liputan rangkaian komunikasi sama ada di bandar atau di luar bandar.

2. Sepertimana yang telah termaktub di dalam Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejangat) 2002, penggunaan Dana USP adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan aplikasi dengan penyediaan kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian di kawasan-kawasan yang tiada atau kurang mendapat liputan komunikasi.

## SOALAN NO: 86

3. Pendekatan ini diambil dengan bertujuan untuk memastikan kawasan yang kurang mempunyai liputan tidak ketinggalan dalam pembangunan komunikasi dan diberikan perhatian agar dapat menikmati kemudahan yang serupa seperti mana yang terdapat di kawasan bandar.
  
4. Sehubungan dengan itu, tidak wujud sebarang penetapan jumlah peruntukan khusus atau pembahagian berdasarkan negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS  
TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN**

**YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi memastikan agar kes-kes penculikan di Sabah tidak berlaku lagi selepas ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Kerajaan melalui pihak penguatkuasa termasuk *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kawalan keselamatan di Negeri Sabah terutamanya sepanjang kawasan pantai timur Sabah. Tindakan ini dilakukan bukan sahaja bertujuan untuk mencegah kejadian penculikan daripada berulang, malahan untuk mencegah kehadiran *Foreign Terrorist Fighter (FTF)*, penyeludupan barangan asas dan kemasukan nelayan asing.

Dalam hal ini, beberapa tindakan telah dan sedang dilakukan bagi meningkatkan tahap keselamatan di Sabah. Antara tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kementerian sedang di dalam usaha untuk mewujudkan beberapa pos-pos kawalan yang baru bagi memperkasakan lagi tahap keselamatan di sepanjang perairan pantai timur Sabah;

## SOALAN NO : 87

- ii. memperhebatkan operasi-operasi seperti OPS BERSEPADU, OPS GASAK dan OPS TAKTIKAL yang lain untuk menangani sasaran tertentu khususnya pintu-pintu masuk haram;
- iii. meningkatkan risikan, mewujudkan kawasan sekatan jalan raya (*Road Check Point*) baharu, pemeriksaan di feri, pemeriksaan di pintu masuk Negara, pemeriksaan kapal-kapal dagang, dan tindakan pencegahan oleh Ketua Polis Daerah;
- iv. Mengarahkan pengharaman '*pump boat*' dalam kalangan pendatan tanpa izin. *Pump boat* milik rakyat tempatan akan didaftar dan dilesenkan oleh pihak Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS). Selain itu, ESSCOM juga mencadangkan sistem warna (*coloring*) mengikut daerah di Esszone;
- v. Mengekalkan Perintah Berkurung di *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE) yang mana ianya mencakupi keluasan 224,592 km/persegi dan dikuatkuasakan sejak 17 Julai 2014 sehingga sekarang;
- vi. Mewajibkan pemasangan *Automated Identification system* (AIS) pada kapal-kapal nelayan;
- vii. Menjalankan program *engagement* bersama masyarakat bagi mendapatkan pencerahan dan maklumat mengenai isu-isu keselamatan semasa bersama-sama agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang lain; dan
- viii. Mengkaji untuk penstrukturan semula ESSCOM bagi meningkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Ketua Polis Negara telah mengarahkan tindakan akan diambil kepada tauke-tauke judi serta premis-premis judi yang berleluasa di seluruh negara. Ada diantaranya beroperasi berhampiran balai polis. Apakah tempoh masa yang akan diambil sepertimana Ketua Polis Kuala Lumpur juga berjanji untuk menyelesaikannya dengan segera?

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia mengambil perhatian yang serius terhadap isu perjudian haram yang berleluasa di negara ini termasuklah premis-premis perjudian yang beroperasi berhampiran dengan balai polis.

Sehubungan dengan itu, Ketua Polis Negara telah mengarahkan semua Ketua Polis Daerah (KPD), Ketua Polis Balai (KPB) dan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) mewujudkan Zon Sifar Kegiatan Maksiat / Pelacuran, Premis Perjudian Haram Dan Gengsterisme 200 Meter Dari Balai Polis/Tempat Ibadat Dan Sekolah.

Semua KPD, KPB dan KBSJD dikehendaki mengenalpasti premis-premis hiburan dalam lingkungan 200 meter dari lokasi balai polis, tempat ibadat dan sekolah dan memastikan premis-premis tersebut diperiksa secara berterusan untuk memastikan bahawa tidak wujud unsur-unsur maksiat, perjudian dan gengsterisme di premis-premis berkenaan.

Sekiranya ada, KPD, KPB dan KBSJD berkenaan dipertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membanteras unsur-unsur maksiat, perjudian dan gengsterisme di premis-premis berkenaan. Antara tindakan yang boleh diambil adalah menggunakan undang-undang pencegahan terhadap penganjur dan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pembatalan lesen perniagaan, penyitaan premis dan pemotongan bekalan elektrik dan air.

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, tiada tempoh masa yang spesifik ditetapkan bagi menyelesaikan isu ini. Walau bagaimanapun, pihak PDRM berjanji akan menyelesaikannya dengan segera.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha yang dilaksanakan bagi mempersiapkan usahawan tani di kawasan luar bandar untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 terutamanya aspek penggunaan teknologi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor industri agro makanan akan menghadapi cabaran yang getir untuk berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) memandangkan tahap kemajuan dalam penggunaan teknologi yang masih lagi terkebelakang berbanding sektor-sektor lain.

Menyedari keperluan serta persediaan menghadapi IR 4.0, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedang merangka persiapan termasuk menyediakan dasar dan strategi yang bersesuaian seperti melaksanakan kajian Dasar Agro Makanan 2.0 (2021-2030) yang mana ianya memberi keutamaan terhadap usaha menerima guna teknologi terbaharu dalam sektor agromakanan agar seiring dengan perkembangan 4IR.

## SOALAN NO: 89

Selain itu, antara usaha yang dilaksanakan oleh MOA bagi mempersiapkan usahawan tani termasuk di kawasan luar bandar untuk menghadapi cabaran IR 4.0 adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan program latihan jangka pendek dan jangka panjang untuk melahirkan pekerja mahir dan usahawan pertanian melalui penggunaan teknologi terkini melibatkan belia berumur 18 hingga 40 tahun. Program ini meliputi Sijil Pertanian, Sijil Kemahiran Malaysia, Inkubator Usahawan Belia Tani, Keusahawanan Kemahiran Pemprosesan Makanan dan Kelab Usahawan Siswazah Tani (MyAgrosis).
- b) Menyediakan kursus dan latihan khas dalam bidang *Internet of Things* (IoT) seperti Program AGORA iaitu Program Latihan *Flagship* Agropreneur Muda MARDI yang dilaksanakan secara bersiri di seluruh negara bermula pada tahun 2016;
- c) Melaksanakan kursus kilang tanaman yang disasarkan kepada petani-petani moden untuk menjalankan penanaman secara kilang tanaman menggunakan teknologi IoT. Kursus ini diberikan secara percuma kepada petani-petani yang berminat;
- d) Memberikan khidmat nasihat teknikal melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian bagi meningkatkan pengetahuan dan pemindahan teknologi terkini kepada para petani;
- e) Menganjurkan program-program penemusuaian antara petani dan syarikat-syarikat teknologi bagi mempercepatkan pemindahan teknologi moden; dan
- f) Memberikan latihan pemasaran digital kepada usahawan Agromakanan untuk membolehkan mereka memasarkan produk secara cekap dan berkesan di dalam era ekonomi digital.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]  
**TARIKH :** 15 JULAI 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 90**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan Program Minda Sihat Tingkatan 4 kepada seluruh pelajar bermula sekolah rendah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Minda Sihat adalah program pengesanan awal kesihatan murid berkaitan tahap *anxiety*, kemurungan dan stres. Program ini menggunakan Soal Selidik *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) dan Soal Selidik Gaya Daya Tindak (*Coping Skill*). Soal Selidik DASS ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan pada nilai *Alpha Cronbach's* .96, .89 dan .93 masing-masing untuk *Depression, Anxiety, Stress* menunjukkan kesesuaian digunakan untuk pengesanan awal kesihatan mental murid. Manakala nilai pekali *Alpha Cronbach's* yang tinggi bagi Soal Selidik Gaya Daya Tindak, iaitu .93 menunjukkan kebolehpayaan murid menangani permasalahan dalam diri murid.

Kedua-dua inventori ini sesuai dilaksanakan di sekolah menengah, memandangkan DASS dan Ujian Gaya Daya Tindak bersesuaian dengan murid di peringkat umur sekolah menengah, iaitu 13 hingga 18 tahun. Sehubungan itu, mulai tahun 2018 Program Minda

**NO. SOALAN: 90**

Sihat telah diperluaskan kepada murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 namun berfokus kepada kumpulan murid yang berisiko.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut melaksanakan program psikososial dan kesejahteraan mental yang berbentuk promosi kesihatan dan pencegahan sebagai pendedahan awal dan mempromosikan gaya hidup yang sihat sesuai dengan peringkat umur murid sekolah rendah.

Sekian, terima kasih.

RJM 118

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah rancangan untuk mengkaji semula elaun sewaan bagi anggota polis memandangkan kadar sewa kian meningkat untuk menggalakkan mereka tinggal berhampiran kawasan balai dan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyediakan MPV bagi balai-balai polis di Parlimen Batu Kawan yang sedang menggunakan kereta Kancil atau Waja yang sudah usang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sentiasa memberi perhatian ke atas hal ehwal kebajikan anggota/pegawai PDRM. Kementerian melalui surat bertarikh 1 Mac 2019 telahpun mengemukakan permohonan semakan kadar Bayaran Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi anggota PDRM kepada pihak Agensi Pusat.

Pihak Agensi Pusat melalui surat bertarikh 18 Jun 2019 telah menyatakan tiada halangan bagi mempertimbangkan permohonan tersebut. Permohonan tersebut kini adalah pada peringkat akhir pertimbangan sebelum dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
(BATU KAWAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan banduan akhir yang sedang menjalani hukuman gantung mengikut pecahan etnik, umur, kesalahan dan status sosioekonomi seperti pekerjaan dan berapakah daripada mereka yang menunggu keputusan Lembaga Rayuan serta bagaimanakah Kerajaan akan mengurus banduan-banduan ini apabila undang-undang hukuman gantung mandatori dimansuhkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 17 Jun 2019, terdapat seramai 1,298 banduan yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati. Walau bagaimanapun, hukuman mati tersebut belum dapat dilaksanakan kerana 475 orang banduan masih lagi dalam proses rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan dan Persekutuan, manakala 823 orang dalam proses rayuan di peringkat Lembaga Pengampunan Negeri.

Daripada jumlah banduan akhir tersebut, statistik menunjukkan seramai 337 orang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan (membunuh), di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (pengedaran dadah) pula terdapat seramai 930 orang yang telah

disabitkan, manakala seramai 8 orang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 121 Kanun Keseksaan (berperang dengan Yang Dipertuan Agong). Selain itu, bagi kesalahan di bawah Seksyen 3 dan 7 Akta Senjatapi (melepaskan tembakan di bawah kesalahan berjadual dan berdagang senjatapi) terdapat seramai 13 orang, dan rekod menunjukkan bahawa terdapat 2 orang dan 7 orang masing-masing disabitkan di bawah Seksyen 3 Akta Culik dan Seksyen 396 Kanun Keseksaan (rompakan berkumpulan dan pembunuhan). Manakala, terdapat seorang banduan yang telah disabitkan di bawah Seksyen 57 (1)(A) Akta Keselamatan Dalam Negeri (kesalahan melibatkan senjatapi dan bahan letupan).

Bagi pecahan mengikut kewarganegaraan pula, rekod Jabatan Penjara menunjukkan terdapat 739 warganegara Malaysia dan 559 orang adalah warganegara asing, yang berasal daripada 44 buah negara.

Seramai 402 orang terdiri daripada yang berumur 21 tahun kepada 30 tahun. Seramai 533 orang berada dalam kategori umur di antara 31 tahun kepada 40 tahun, manakala 265 orang pula adalah berumur di antara 41 tahun kepada 50 tahun. Bagi banduan akhir yang berumur di antara 51 tahun kepada 60 tahun, terdapat seramai 80 orang dan 18 orang merupakan banduan akhir berumur 60 tahun ke atas.

Berdasarkan kepada sosioekonomi pula, seramai 235 orang tidak bekerja, 144 orang adalah ahli perniagaan, 143 orang pekerja buruh, dan 90 orang bekerja sendiri. Mereka ini mewakili 40.2% keseluruhan jumlah banduan akhir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sekiranya Kerajaan bercadang untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama hayat dan hukuman pemenjaraan seumur hidup, maka akan berlaku penambahan kos untuk menampung banduan berkenaan. Ini adalah kerana banduan tersebut akan menjalani tempoh pemenjaraan yang lebih panjang berbanding dengan banduan hukuman mati, kecuali banduan-banduan berkenaan mendapat pengampunan atau peringanan hukuman dari Lembaga Pengampunan Negeri. Kos bagi mengendalikan seorang banduan sehari di penjara berjumlah sebanyak RM 41.10.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 93**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status keizinan operasi loji Lynas dan pematuhan terhadap undang-undang negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Lesen operasi Lynas masih berkuatkuasa sehingga 2 September 2019. Pada masa ini, Lynas belum lagi memohon untuk pembaharuan lesen.

2. Syarat-syarat yang dikenakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom kepada Lynas (Malaysia) Sdn Bhd untuk beroperasi akan mengambilkira semua peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), syarat pelaburan yang dikenakan oleh pihak MITI serta syor oleh *Parliament Select Committee (PSC)* 2012 dan syarat-syarat lain yang akan diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk mengkaji proses pemilikan kad kewarganegaraan tetap Sarawak [my kad] yang menjadi masalah utama di kawasan Lubok Antu. Program TASK POST masih boleh diguna pakai untuk pegawai JPN masuk ke kawasan pedalaman untuk program berkenaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Pengeluaran Kad Pengenalan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78] dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Dalam hal ini, Kad Pengenalan (MyKad) hanya dikeluarkan kepada individu bertaraf Warganegara Malaysia. Setiap permohonan dinilai sewajarnya oleh JPN dan pemohon bertanggungjawab untuk mengemukakan dokumen sokongan yang sah bagi membuktikan taraf kewarganegaraan Malaysia selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta perundangan berkaitan pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, peraturan imigresen dan lain-lain.

Berhubung dengan program “*task post*” seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat pula, Kementerian ini mengambil maklum bahawa ia merujuk kepada pasukan petugas khas (*task force*). Untuk makluman, pihak Kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran dapat dilaksanakan dengan mudah oleh semua lapisan masyarakat, khususnya kepada penduduk di kawasan pedalaman, warga emas atau golongan yang berkeperluan khas seperti orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya. Justeru, antara inisiatif yang telah dan sedang giat dilaksanakan melalui JPN adalah seperti mana berikut:

1. Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (Program *Outreach*);
2. Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*;
3. Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*; dan
4. Pembukaan kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Komuniti Desa (PKD).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 95**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memudahkan golongan belia khususnya di Sarawak yang mempunyai tanah NCR tidak bergeran tetapi berminat untuk terlibat dalam pertanian secara komersial.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara usaha kerajaan dalam memudahkan golongan belia Sarawak terlibat dalam pertanian secara komersial adalah melalui:

1. **Pemberian Insentif dalam bentuk input pertanian** seperti benih, baja dan racun serta pembersihan kawasan dan penyediaan infrastruktur asas. Selain itu perkhidmatan analisis kesuburan tanah, kesesuaian tanaman, kandungan logam berat, kualiti air dan sisa baki racun turut disediakan bagi membantu petani merancang, mengurus dan mengeluarkan produk tanaman secara mapan dan selamat di makan. Antara projek-projek yang digalakkan adalah Program Pembangunan Industri Kelapa, Tanaman Sayuran Dan Kontan, Ternakan dan Perikanan, Herba dan Cendawan.

2. **Penerapan Amalan Pertanian Baik seperti myGAP dan myOrganic** di sepanjang rantai nilai bagi semua sektor pengeluaran

bagi menjamin peningkatan produktiviti hasil daripada sistem pengurusan ladang yang lebih sistematik.

3. **Menyediakan Program Latihan Kemahiran Pertanian** dalam aspek meningkatkan kecekapan produktiviti, kawalan penyakit selain memperkasakan kemahiran golongan petani belia melalui kemahiran dalam aktiviti penanaman, pembajaan dan pengendalian lepas tuai.

4. **Memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan aplikasi teknologi dalam bidang pertanian** untuk mempelajari teknik-teknik pertanian dan aplikasi teknologi moden yang lebih mudah dan menjimatkan masa ditambah pula dengan pengenalan baka dan benih bermutu yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang singkat menambahkan minat dan kecenderungan golongan belia untuk menceburi sektor pertanian. Sebagai contoh, tanaman cili secara fertigasi di jangka menyumbang pendapatan sebanyak RM165,000 semusim dengan keluasan 5 ekar.

5. Penyediaan Program Ladang Kontrak serta Program Pengukuhan Bekalan Ladang kontrak MOA ke Pasaran (KUKUH) bagi **jaminan pasaran** untuk menambah pendapatan.

6. **Mempergiatkan pembangunan usahawan IAT** di bawah Program Geran Pepadanan, Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembangunan Modal Insan serta Pembangunan dan Penjenamaan Produk sehingga kini seramai 16,512 usahawan telah terlibat.

7. Meyedia dan melaksanakan **Program Agropreneur Muda** dengan pendekatan konsep kreativiti dan inovasi serta teknologi yang berupaya meningkatkan produktiviti hasil tani sekaligus menjana pendapatan kepada Agropreneur Muda. Sehingga Ogos 2018, sebanyak 21,768 belia telah terlibat dalam program ini.

Walau bagaimanapun dalam usaha Kerajaan menggalakan penglibatan golongan belia yang mempunyai tanah NCR tidak bergeran ini perlu dipastikan terlebih dahulu status tanah tersebut bagi memastikan tiada isu yang timbul melibatkan **perebutan sempadan dan hak milikan** setelah aktiviti pertanian dilaksanakan di atas tanah tersebut. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan cubaan membunuh diri dan kes-kes “intentional self harm” mengikut pecahan umur dan etnik dan nyatakan samada Kerajaan akan menyahjenayahkan (*decriminalise*) tindakan cubaan untuk membunuh diri seperti “Mental Healthcare Bill 2016” di India serta berapakah peruntukan yang ditetapkan bagi National Suicide Registry yang dikatakan dihentikan sejak 2016.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik pihak PDRM, bilangan kes cubaan bunuh diri yang dilaporkan dari tahun 2016 hingga Mei 2019 adalah sebanyak 809 kes. Cubaan bunuh diri yang melibatkan kaum India mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu dengan 226 kes. Daripada segi pecahan umur pula, sebanyak 576 kes melibatkan peringkat umur di antara 19 hingga 40 tahun.

Berdasarkan undang-undang negara, cubaan bunuh diri merupakan satu kesalahan jenayah di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan. Kesalahan ini boleh membawa hukuman sehingga satu tahun penjara atau dengan denda atau kedua-duanya. Buat masa ini kerajaan belum memutuskan untuk tidak lagi menjadikan perbuatan ini suatu kesalahan jenayah. National Suicide Registry adalah di bawah tajaan Kementerian Kesihatan Malaysia (*based on clinical research centre @ [www.crc.gov.my](http://www.crc.gov.my)*)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM**  
**[ SUNGAI SIPUT ]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 97**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan pelaksanaan bangunan asrama tambahan di Sekolah Kebangsaan Bawong, Sungai Siput (U).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembinaan Asrama di SMK Bawong, Sungai Siput, Perak telah diluluskan dalam *Rolling Plan 3* RMKe-11. Skop projek pada masa kini meliputi asrama, dewan makan, surau, padang dan lain-lain kemudahan dan berada di peringkat pra pembinaan. Untuk makluman, tapak yang dicadangkan untuk projek ini agak sempit dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang dalam peringkat rundingan pengambil alihan sebahagian tanah milik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang terletak bersebelahan tapak sekolah ini. Pelaksanaan projek ini adalah di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kerja-kerja reka bentuk serta pembinaan akan dimuktamadkan sebaik sahaja isu pengambil alihan tapak ini selesai. KPM ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak JAKOA yang prihatin terhadap perkara ini dan amat memberikan kerjasama.

Sekian, terima kasih.

RJM 116

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[BELURAN]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 98**

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pencapaian terbaru hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China serta apakah manfaat yang akan dinikmati oleh Malaysia hasil sokongan penuh yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri terhadap inisiatif "1 Belt, 1 Road" dalam Forum "Belt and Road" untuk Kerjasama Antarabangsa di Beijing, China.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Saya telah mengadakan **lawatan kerja ke Beijing**, Republik Rakyat China (RRC) dari **24 hingga 28 April 2019**, di mana saya turut mengetuai delegasi Malaysia untuk menyertai **2<sup>nd</sup> Belt and Road Forum for International Cooperation** (2<sup>nd</sup> BRF) di Beijing.
2. Semasa lawatan kerja tersebut, saya telah mengadakan mesyuarat dengan TYT Xi Jinping, Presiden RRC, TYT Li Keqiang, Perdana Menteri RRC dan TYT Li Zhanshu, Presiden Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat RRC. Dalam mesyuarat-mesyuarat ini, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC telah menekankan komitmen untuk mengukuhkan hubungan dua hala serta meningkatkan **perdagangan**

**dan pelaburan** antara Malaysia dan RRC. **Kerjasama ekonomi** dalam pelbagai bidang sasaran serta kerjasama pelaksanaan BRI turut dibincangkan.

3. Kejayaan lawatan kerja ini telah memberikan mesej yang positif kepada pihak Kerajaan RRC bahawa Malaysia sedia memperkukuhkan hubungan diplomatik dengan RRC, terutamanya melalui jalinan kerjasama dari segi ekonomi, perdagangan, pelaburan dan kebudayaan. Perkembangan baik ini amat bertepatan dengan **sambutan ulang tahun ke-45 jalinan hubungan diplomatik** antara Malaysia dan RRC pada tahun ini serta pelaksanaan **Tahun Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia-RRC** pada tahun 2020.

4. Pendekatan yang diplomatik oleh Kerajaan Malaysia dalam perundingan dan seterusnya permuafakatan dengan Kerajaan RRC bagi projek-projek seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Bandar Malaysia turut menonjolkan kewibawaan Malaysia dan memperkukuhkan keyakinan masyarakat dan pelabur antarabangsa terhadap dasar Kerajaan dalam pengurusan hubungan antarabangsa.

Yang di-Pertua,

5. Dalam ucapan saya semasa di **2<sup>nd</sup> Belt and Road Forum for International Cooperation** (2<sup>nd</sup> BRF), saya telah menyatakan semula sokongan Malaysia terhadap BRI. Hal ini telah memberikan isyarat yang jelas serta keyakinan kepada Kerajaan RRC dan pelabur-pelabur RRC bahawa Malaysia mengalu-alukan kerjasama ekonomi dan pelaburan dari RRC.

6. Sokongan Malaysia terhadap BRI dijangka dapat membuka peluang kepada Malaysia dalam meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan RRC. Selain itu, ia juga dapat **mengeratkan hubungan Malaysia dengan wilayah-wilayah utama RRC yang memainkan peranan penting dalam BRI** seperti Wilayah Guangdong dan Guangxi. Perkara ini dapat memudahkan Kerajaan Malaysia untuk meneroka kerjasama ekonomi baharu RRC di bawah pembangunan *Greater Bay Area* dan *New International Land-Sea Trade Corridor*, yang

berpotensi membawa manfaat kepada ekonomi dan pembangunan tempatan.

7. Lanjutan daripada momentum 2<sup>nd</sup> BRF juga, **Mesyuarat ke-4 Majlis Kerjasama Bersama (JCC)** bagi *Malaysia-China Kuantan Industrial Park* (MCKIP) dan *China-Malaysia Qinzhou Industrial Park* (CMQIP) telah dianjurkan pada 14 Jun 2019 di Kuala Lumpur. Mesyuarat tersebut telah membincangkan status terkini serta cadangan baharu berkaitan pembangunan kedua-dua taman industri tersebut.

8. Sokongan Malaysia terhadap BRI telah **memberikan ketentuan** yang bakal menjadi **faktor penting yang mendorong aliran pelaburan** dari RRC ke Malaysia. Ketegangan berterusan konflik perdagangan antara RRC dan Amerika Syarikat ketika ini serta ketidakstabilan politik dan perubahan sentimen terhadap RRC di negara-negara jiran, dijangka dapat menonjolkan Malaysia sebagai destinasi pilihan dalam kalangan pelabur RRC buat masa ini.

Yang di-Pertua,

9. Pendek kata, hubungan diplomatik yang kukuh dengan RRC serta sokongan Malaysia terhadap BRI akan membuka lebih banyak peluang kerjasama ekonomi dua hala yang bakal membawa impak positif kepada perdagangan, pelaburan dan pembangunan industri Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAKAN ]  
TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 99**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan statistik terkini terhadap usaha pemulihan dan pembaikan sekolah-sekolah berstatus daif di Sabah terutama tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan untuk memulihkan bangunan-bangunan sekolah Kerajaan yang sudah disahkan tidak selamat digunakan dan didiami tetapi terus digunakan disebabkan ketiadaan tempat sementara lain untuk persekolahan anak-anak kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, sehingga kini, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah melibatkan 153 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM552.152 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI).

Untuk pelaksanaan projek daif tahun 2018, sebanyak 120 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan kos sebanyak RM429.741 juta. Sehingga 24 Jun 2019 sebanyak 75 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 45 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan.

Manakala bagi pelaksanaan tahun 2019 pula, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembangunan semula 3 buah sekolah daif di Sabah. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara tender terbuka. Projek-projek ini dalam peringkat pelaksanaan dokumen tender untuk perolehan.

Sekian, terima kasih.

RJM 117

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
                  : **[ ARAU ]**  
**TARIKH** : **15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 100**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan terdapat akta yang mampu membanteras sindiket-sindiket pihak yang tidak bertanggungjawab yang mempergunakan kanak-kanak, warga emas, warga asing, golongan OKU dan pelajar tahfiz untuk meminta sedekah. Jika tidak, adakah pihak Kerajaan meminda akta sedia ada bagi menjaga hak golongan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius isu sindiket tidak bertanggungjawab yang menggunakan kanak-kanak, warga emas, golongan OKU, warga asing serta pelajar tahfiz untuk mengutip dana atau meminta sedekah di tempat awam. Ini merupakan satu tindakan yang amat menjijikkan dengan mengeksploitasi kumpulan sasar Kementerian dan menggunakan rasa kasihan untuk menipu orang awam.

Berdasar semakan awal dan pemetaan peruntukan perundangan berkaitan pengemisan dan kutipan derma yang dibuat, didapati terdapat beberapa akta sedia ada yang berkaitan yang boleh digunakan untuk membanteras gejala-gejala tersebut. Namun, perundangan berkenaan dikuatkuasakan oleh Kementerian/agensi yang berbeza dan oleh itu falsafah perundangan juga berbeza.

Secara umumnya, akta berkaitan pengemisan dan kutipan derma boleh dikelaskan kepada dua kategori, iaitu;

- (a) Kategori perundangan bagi menyelamatkan, menjaga dan melindungi individu sebagai mangsa; dan
- (b) Kategori perundangan berbentuk pencegahan, kawal selia dan tindakan penguatkuasaan, khusus kepada pelaku atau pihak tertentu.

Tiga akta yang berkaitan secara langsung bagi menyelamatkan, menjaga dan melindungi mangsa adalah:

**(i) Akta Orang-Orang Papa (AOP) 1977 [Akta 183]:**

Akta ini dikuatkuasakan oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang mempunyai peruntukan bagi penempatan sementara, penempatan melalui perintah mahkamah dan permohonan penempatan secara sukarela orang papa atau pengemis di rumah kebajikan yang diwartakan.

**(ii) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]:**

Akta ini turut dikuatkuasakan oleh Kementerian JKM untuk memelihara dan melindungi kanak-kanak yang berumur 18 tahun dan ke bawah yang digunakan untuk mengemis atau meminta sedekah.

Di samping peruntukan menyelamat, Akta ini juga mempunyai peruntukan untuk tindakan penguatkuasaan (penalti dan hukuman) kepada pelaku atau pesalah yang mengeksploitasikan kanak-kanak untuk mengemis atau meminta sedekah.

**(iii) Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]:**

Agensi penguatkuasa bagi akta ini adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Pemakaian akta ini meliputi semua golongan (warganegara dan bukan warganegara) yang merupakan mangsa kesalahan pmerdagangan orang dan penyeludupan migran. Akta ini turut mempunyai peruntukan perlindungan kepada mangsa dan tindakan penguatkuasaan kepada pelaku atau pesalah.

Terdapat tiga lagi Akta yang agak berkaitan dalam mencegah, menjalankan kawal selia dan tindakan penguatkuasaan.

**(i) Akta Kutipan Rumah ke Rumah dan Jalanan 1947 [Akta 200]:**

Akta ini dikuatkuasakan oleh PDRM di mana permohonan mendapatkan kelulusan untuk aktiviti kutipan derma hendaklah diperolehi daripada PDRM sebelum aktiviti kutipan derma dijalankan. Standard Operasi Prosedur (SOP) yang dinyatakan melalui Surat Pekeliling Bil. 6 Tahun 1987 berkenaan Garis Panduan Permohonan Permit di bawah akta ini turut menyatakan pemungut derma hendaklah berumur 16 tahun ke atas. Namun, pemakaian Akta ini adalah hanya di Semenanjung Malaysia sahaja.

(ii) **Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955[Akta 336]:**

Akta ini turut dikuatkuasakan oleh PDRM. Terdapat peruntukan tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil terhadap pengemis (selain daripada pengemis kanak-kanak).

(iii) **Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri:**

Selain daripada peruntukan undang-undang sivil, terdapat juga larangan bagi menjalankan pungutan wang tanpa kebenaran Majlis Agama Islam di bawah peruntukan undang-undang syariah yang berada di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Jabatan Agama Islam Negeri merupakan agensi pemberi kelulusan permohonan kutipan derma atau pungutan khairat dan selaku penguatkuasa bagi pungutan wang atau sumbangan bagi tujuan khairat di negeri tersebut.

Kementerian turut menjalankan beberapa usaha dan inisiatif bagi membanteras isu ini. Antara usaha yang telah dijalankan adalah:

- (i) Operasi Menyelamat Secara Berjadual, Bersepadu dan Ad-Hoc;
- (ii) Program Advokasi dan Kempen “Bijak Membantu Elak Tertipu”;
- (iii) Kerjasama JKM dengan Pihak Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) Berhad; dan
- (iv) Kerjasama JKM dengan JAKIM.

Bagi membolehkan isu ini ditangani secara holistik, Kementerian kini sedang dalam penelitian untuk mengenal pasti apakah jurang (*grey area /loop hole*) dalam peruntukan sedia ada, meneliti tentang fungsi setiap peruntukan dan peranan setiap Kementerian/agensi, mempertimbang amalan terbaik (*best practices*) dalam menangani kes-kes pengemisan dan kutipan derma. Seterusnya, Kementerian akan membuat pertimbangan sama ada untuk meminda akta sedia ada atau mewujudkan akta baharu dengan pendekatan dan hala tuju yang lebih jelas dan merangkumi elemen kesejahteraan mangsa, penguatkuasaan kepada pelaku/pesalah serta perluasan penglibatan agensi melalui pendekatan multi-sektoral dan menggunakan pendekatan kerja sosial sebagai usaha pemberdayaan diri (*self empowerment*) individu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan mengekstradisi Dr. Zakir Naik berikutan permohonan rasmi oleh Kerajaan India bagi ekstradisi tersebut seperti yang dinyatakan oleh Kerajaan India pada 12 Jun 2019 dan sekiranya tidak, apakah alasan-alasannya.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri tidak menghalang kemasukan Dr. Zakir Naik ke Malaysia kerana kemasukan beliau ke Malaysia sebelum ini adalah mengikut prosedur biasa dan mematuhi peraturan dan undang-undang negara.

Dalam isu Dr. Zakir Naik, Kerajaan tidak memberi layanan yang istimewa kepada beliau seperti yang diwar-warkan oleh pihak media sosial. Beliau memasuki dan keluar dari Malaysia melalui saluran yang sah daripada segi undang-undang.

Mengenai permohonan *provisional arrest* daripada Kerajaan India berdasarkan nota diplomatik pada 29 Disember 2017 dan disusuli permohonan rasmi ekstradisi daripada Kerajaan India pada 19 Januari

## SOALAN NO : 101

2018, terdapat peruntukan dalam Terti Ekstradisi antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik India dan Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) yang memperuntukkan *Restrictions on return of fugitive criminals* termasuk kesalahan yang pemulangnya bersifat politik, tujuan membicarakan, menghukum berdasarkan kesalahan bersifat politik atau dia mungkin terjejas dalam perbicaraannya atau dihukum oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya bagi maksud mendakwa atau menghukum.

Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan, Malaysia berhak mempertimbangkan untuk tidak memenuhi permintaan ekstradisi tersebut sekiranya tuduhan adalah yang bersifat politik seperti dinyatakan Artikel 6 Perenggan (1)(a) Artikel 6 Terti Ekstradisi. Di samping itu, terdapat peruntukan untuk tidak meneruskan proses ekstradisi dengan mengambil kira segala hal keadaan demi kepentingan keadilan jika orang yang dikehendaki tidak akan mendapat keadilan jika dihantar pulang atau terdapat suatu penindasan atau ancaman nyawa terhadapnya.

Selain itu, Kementerian juga membuat semakan pada senarai *red notice Interpol* dan mendapati nama Zakir Naik tidak tersenarai sebagai orang yang dikehendaki. Semakan pada senarai entiti pengganas dalam senarai United Nation Security Council Resolutions (UNSCR) juga mendapati nama beliau tidak tersenarai orang yang disyaki.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 102**

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dalam menangani isu pengimportan sampah plastik daripada luar negara yang dilonggok dan dilupuskan secara haram oleh kilang-kilang kitar semula dinegara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah mengambil langkah-langkah bagi menangani isu pengimportan sisa plastik seperti berikut:
  - (i) meneruskan operasi penguatkuasaan di pelabuhan-pelabuhan secara bersepadu dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp) dan Lembaga Pelabuhan;
  - (ii) meneruskan operasi penguatkuasaan di kilang kitar semula plastik termasuk kilang haram secara bersepadu dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), Tenaga Nasional Berhad dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
  - (iii) penubuhan Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik yang diterajui bersama MESTECC dan KPKT bagi menangani isu lambakan sisa plastik; dan
  - (iv) menganjurkan program peningkatan kapasiti pegawai-pegawai teknikal dan penguatkuasa berkaitan sisa plastik import.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 103**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pengimportan sisa plastik secara haram dan apakah strategi jangka masa pendek dan panjang Kementerian untuk terus membanteras masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menutup sejumlah 153 kilang di seluruh Malaysia. (data sehingga 2 Julai 2019)
2. Manakala bagi operasi bersepadu di pelabuhan, sebanyak 239 kontena telah diperiksa oleh JAS dan 7 kontena telah dihantar pulang ke negara asal. (maklumat sehingga 10 Julai 2019)
3. Bagi menangani masalah ini secara keseluruhan, Kementerian mengambil langkah-langkah berikut:
  - i. meneruskan operasi penguatkuasaan di pelabuhan-pelabuhan secara bersepadu dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp) dan Lembaga Pelabuhan;
  - ii. meneruskan operasi penguatkuasaan di kilang kitar semula plastik termasuk kilang haram secara bersepadu dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), Tenaga Nasional Berhad dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
  - iii. penubuhan Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik yang diterajui bersama MESTECC dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menangani isu lambakan sisa plastik; dan
  - iv. menganjurkan program peningkatan kapasiti pegawai-pegawai teknikal dan penguatkuasa berkaitan sisa plastik import.

Sekian, terima kasih.